



1PEKELILING PERBENDAHARAAN
SOALAN LAZIM

www.treasury.gov.my

1PEKELILING PERBENDAHARAAN
SOALAN LAZIM

Sila Pilih Bidang Yang Berkaitan:

- PB - PENGURUSAN BELANJAWAN
- PK - PEROLEHAN KERAJAAN
- WP - PENGURUSAN WANG AWAM
- AM - PENGURUSAN ASET
- PS - TADBIR URUS KEWANGAN
- PA - PELABURAN STRATEGIK

1PEKELILING PERBENDAHARAAN
SOALAN LAZIM BIDANG PENGURUSAN BELANJAWAN

PB – PENGURUSAN BELANJAWAN	2
PENURUNAN KUASA.....	2
PENGURUSAN PERBELANJAAN AWAM.....	3
PEMASANGAN TELEFON PEJABAT DAN TELEFON RASMI RUMAH.....	4

PENURUNAN KUASA

1. **Apakah definisi pemasangan, sama ada pemasangan kali pertama di bangunan baharu atau tambahan pemasangan di lokasi baru yang tiada alat penyaman udara?**

Berdasarkan perenggan 2 PB 2.1 - Garis Panduan Bagi Pemasangan, Penyelenggaraan Dan Penggantian Alat Penyaman Udara Di Bangunan Kerajaan Persekutuan, Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk meluluskan pemasangan dan penggantian semua jenis alat penyaman udara yang dibiayai dari Anggaran Belanja Mengurus. Bagi tujuan PB 2.1, alat penyaman udara yang dimaksudkan adalah alat penyaman udara yang dipasang secara berasingan (*split unit*) dan bukannya alat penyaman udara berpusat (*centralised aircond*). Manakala pemasangan dan penggantian adalah dimaksudkan bagi tujuan menggantikan alat penyaman udara yang rosak di bangunan sedia ada yang biasanya melibatkan implikasi kewangan yang kecil yang boleh ditampung daripada Anggaran Belanja Mengurus dan bukannya pemasangan di bangunan baru. Bagi pemasangan alat penyaman udara di bangunan baru atau bangunan yang diubahsuai, permohonan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara di Unit Perancang Ekonomi.

2. **Adakah dibenarkan perpindahan alat penyaman udara dari satu lokasi ke lokasi baru yang tiada alat penyaman udara?**

Alat penyaman udara adalah dianggap sebagai aset boleh alih Kerajaan, maka pihak kementerian/jabatan perlu memindahkan aset tersebut ke lokasi perpindahan yang baru. Oleh yang demikian, perpindahan alat penyaman udara ke lokasi yang baru adalah termasuk dalam maksud pemasangan alat penyaman udara yang diberi kuasa kepada Pegawai Pengawal.

3. **Apakah maksud penyelenggaraan dan penggantian alat penyaman udara?**

Berdasarkan perenggan 2.1.5 PB 2.1, kementerian/jabatan adalah bertanggungjawab terhadap semua penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian alat penyaman udara dan perlu menyediakan peruntukan. Bagi tujuan berkenaan, kementerian/jabatan adalah dibenarkan membuat penyelenggaraan ke atas alat penyaman udara bagi memastikan ia

sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sekiranya berlaku kerosakan yang tidak dapat dibaiki, kementerian/jabatan boleh menggantikan alat penyaman udara berkenaan. Kementerian/jabatan adalah diingatkan bahawa nasihat dan sokongan Jabatan Kerja Raya (JKR) tempatan perlu diperoleh sebelum sebarang urusan pemasangan, penyelenggaraan dan penggantian dijalankan. Pada masa yang sama, segala peraturan kewangan semasa hendaklah dipatuhi.

4. **Adakah kelulusan Pegawai Pengawal memadai untuk meluluskan tambahan 2 buah alat penyaman udara berkuasa 1.0 hp tersebut menggantikan 1 buah alat penyaman udara berkuasa 3.0 hp yang tidak dipasang tanpa perlu mendapatkan pengesahan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam Lampiran A? Untuk makluman, peruntukan bagi perubahan pemasangan ini tidak melebihi peruntukan asal semasa kelulusan pertama Pegawai Pengawal.**

Terdapat dua isu yang berbeza iaitu kelulusan Pegawai Pengawal dan pengesahan JKR di dalam Lampiran A PB 2.1/2013. Berdasarkan perenggan 2 PB 2.1/2013, Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk meluluskan pemasangan dan penggantian semua jenis alat penyaman udara yang dibiayai dari Anggaran Mengurus. Walau bagaimanapun, kuasa Pegawai Pengawal adalah tertakluk kepada beberapa syarat dan garis panduan yang antara lainnya, mestilah mendapat nasihat dan sokongan JKR. Oleh yang demikian, bagi sebarang kelulusan yang dibuat oleh Pegawai Pengawal, hendaklah mendapat nasihat dan sokongan JKR seperti mana di Lampiran A PB 2.1/2013.

PENGURUSAN PERBELANJAAN AWAM

1. **Sekiranya pengubahsuaian perlu dilakukan, adakah dibiayai oleh kementerian/jabatan berkenaan atau Kerajaan Negeri?**

Pengubahsuaian pejabat adalah dibekukan seperti di perenggan 3.5 PB 3.2/2013 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam. Walau bagaimanapun, sekiranya kementerian/jabatan mempunyai justifikasi yang kukuh, boleh mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan (Pejabat Belanjawan Negara) untuk pertimbangan dan kelulusan. Permohonan perlu dikemukakan oleh pihak yang membiayai pengubahsuaian tersebut.

PEMASANGAN TELEFON PEJABAT DAN TELEFON RASMI RUMAH

- 1. Siapakah yang layak mendapat kemudahan telefon rasmi rumah? Apakah kemudahan internet termasuk dalam kemudahan telefon rasmi rumah?**

Kelayakan pemasangan telefon rasmi rumah diperuntukkan bagi anggota Pentadbiran dan penjawat awam yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pemasangan telefon rasmi rumah adalah bagi penggunaan telefon yang dihadkan kepada urusan rasmi. Dalam hal ini, kemudahan internet adalah tidak termasuk dalam kelayakan yang dibenarkan.

1PEKELILING PERBENDAHARAAN
SOALAN LAZIM BIDANG PEROLEHAN KERAJAAN

PUNCA KUASA, PRINSIP DAN DASAR PEROLEHAN	1
Pendaftaran Kontraktor Kerja.....	4
Barangan Import	7
Pendaftaran Syarikat Bekalan/Perkhidmatan	7
<i>Integrity Pact</i>	11
Lembaga Perolehan.....	12
Dasar Kenaan GST Dalam Perolehan Kerajaan	13
Kontrak Yang Telah Ditandatangani Sebelum 1 April 2015	18
Kontrak Yang Telah Ditandatangani Pada Atau Selepas 1 April 2015	18
<i>Certificate of GST Relieaf (CoGSTR)</i>	20
Perunding	23
Cukai Perkhidmatan	24
Kontrak Kerja	25
Perolehan Kerja.....	25
Peruntukan Tambahan	27
Anggaran Harga Jabatan Dalam Menentukan Kaedah Perolehan.....	27
Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun	28
Public Private Partnership, Konsesi & Penswastaaan	29
Pendaftaran GST	29
Tanggungjawab Peruntukan	30
Harga Tawaran	30
Akaun Amanah.....	31
*Inbois Cukai (Tax Invoice).....	32
Pelepasan Bekalan	33
Kod Perbelanjaan.....	33
Panjar Wang Runcit	34
Kontrak Pusat.....	34
Tuntutan Cukai Input	34
Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) Secara Pukal	35
Penentuan Perolehan Bekalan/Perkhidmatan	35
Bayaran Utiliti	36
Perubahan Harga Kontrak Disebabkan Perubahan Status Pendaftaran GST	36
Tanggungjawab syarikat/firma berdaftar GST	37
Surat Setuju Terima (SST)	38

Pembelian/Penyewaan Hartanah	39
Perolehan Bahan Bakar Secara Pukul	39
Syarikat Pemfaktor	39
Perolehan Percetakan Dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)	40
Perolehan Perisian.....	40
Sistem ePerolehan (eP)	40
Perolehan di Kawasan Ditetapkan (Designated Area – DA)	48
INDUSTRIAL COLLABORATION PROGRAM.....	49
KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN	53
Pembelian Terus	54
Kontrak Pusat Kertas A4 Putih 80 GSM	56
Penyediaan Spesifikasi	68
Sebut Harga RM20,000 - RM50,000	68
Tempoh Sah Laku	68
Tiket Kapal Terbang/Waran Perjalanan Udara	69
Notis Sebut Harga	69
Jawatankuasa Sebut Harga/Jawatankuasa Penilaian.....	69
Kontrak Bagi Perolehan Melebihi RM20,000	70
Tempoh Notis	70
Had Nilai Pembelian Terus	70
Sistem ePerolehan	72
Pembaikan Kenderaan	72
Penyelenggaraan Kenderaan	72
Sebut Harga	73
Maksud “Setiap Jenis Item”	73
Perkhidmatan Makan/Minum	75
Perkhidmatan Pengendali Kursus Dan Latihan.....	76
Kerja-Kerja Requisiton.....	76
Soalan Umum.....	76
Peringatan.....	79
Sebut Harga	80
Tender	89
Tender Terhad.....	94
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING	96
Jabatan Teknik	96
Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)	97
Kaedah Perolehan.....	97
Caj Pentadbiran.....	98

Penggajian Kakitangan Perkeranian	98
<i>Cost Of Work</i>	99
Bon Pelaksanaan	99
Pelanjutan Tempoh Penggajian Perunding Yang Tidak Melibatkan Perubahan Kos...	99
Perjanjian Piawai Bagi Bidang Ukur Tanah.....	100
Permohonan ID	100
Terlupa Kata Laluan	101
PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	101
Bayaran Wang Pendahuluan.....	103
Pelanjutan Tempoh Kontrak	105
KWIBK.....	107
Dokumen Kontrak	107
Tempoh Tanggungan Kecacatan	108
Bon Pelaksanaan	109
Penamatan Kontrak	112
PEROLEHAN SECARA ELEKTRONIK.....	113
Soalan Lazim Pembekal.....	113
Soalan Lazim Kerajaan	115
Module eP	117
Pendaftaran Pembekal Dan Perunding Kementerian Kewangan Malaysia	117
eBidding	132
e-KATALOG	135
Kontrak Kementerian (MC).....	136
Pembelian Terus	141
Sebut Harga Dan Tender.....	159
PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	167
Perolehan Percetakan.....	167
KETIDAKPATUHAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN	168
Tindakan Tatatertib.....	168
<i>Liquidated And Ascertained Damages (LAD)</i>	168
Denda	170

SOALAN LAZIM / FAQ

PK - PEROLEHAN KERAJAAN

PUNCA KUASA, PRINSIP DAN DASAR PEROLEHAN

1. Apakah prinsip-prinsip perolehan kerajaan?

Prinsip-prinsip perolehan kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Akauntabiliti awam (*public accountability*)
- b) Diuruskan secara telus (*transparent*)
- c) Nilai faedah yang terbaik (*best value for money*)
- d) Saingan terbuka (*open competition*)
- e) Adil dan saksama (*fair dealing*)

2. Apakah undang-undang dan peraturan kewangan berkaitan Kerajaan?

Undang-undang dan peraturan berkaitan dengan perolehan Kerajaan termasuklah:

- a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] (Disemak 1972)
- b) Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120]
- c) Arahan Perbendaharaan
- d) Pekeliling Perbendaharaan (Perolehan Kerajaan PK1-PK8)
- e) Lain-Lain Surat Berkaitan Perolehan Kerajaan

3. Apakah Arahan-Arahan Perbendaharaan berkaitan perolehan Kerajaan?

Arahan-arahan Perbendaharaan berkaitan perolehan Kerajaan adalah Arahan Perbendaharaan (AP) 166 hingga 206 dan 229 hingga 295. Selain dari AP-AP tersebut, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), PK1 hingga PK8 yang dikeluarkan dari semasa ke semasa juga hendaklah dirujuk.

4. Apakah dasar-dasar perolehan kerajaan?

- a) Menggalakkan pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan/barangan tempatan dan penggunaan sektor perkhidmatan tempatan;
- b) Mempertingkatkan keupayaan industri tempatan melalui pemindahan teknologi;
- c) Menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera; dan
- d) Memelihara dan mempertahankan kepentingan dasar perolehan kerajaan bagi mencapai objektif nasional dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi.

5. Jika Arahan Perbendaharaan, 1PP atau PK1 – PK8 tidak dapat dipatuhi oleh kerana sebab-sebab tertentu, apakah tindakan yang perlu diambil?

Semua agensi hendaklah mematuhi peraturan kewangan berkaitan kerana sebab-sebab tertentu, agensi hendaklah mendapatkan pengecualian daripada Kementerian Kewangan (perolehan Persekutuan) atau Pegawai Kewangan Negeri (perolehan Negeri) terlebih dahulu.

6. Apakah maksud setiap jenis item?

Setiap jenis item merujuk kepada pembelian terus bekalan/ perkhidmatan sehingga RM20,000 setahun dari mana-mana pembekal tidak kira sama ada pembekal berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada pembekal bertaraf Bumiputera atau tidak. Maksud setiap jenis item boleh ditafsirkan berdasarkan kepada contoh - contoh berikut:

- a) Pelbagai alat ganti yang boleh diperolehi daripada punca bekalan yang sama adalah satu jenis item.
- b) Item pelbagai saiz hendaklah ditafsirkan sebagai satu jenis item. Contoh pembelian pelbagai saiz paku (1 inci atau 1 ½ inci), cermin, kasut dan bendera.
- c) Set sofa yang merangkumi pelbagai jenis kerusi (sama ada kerusi 1 tempat duduk atau 3 tempat duduk) bersama meja ditafsirkan kepada satu jenis item. Jika pembelian perabot terdiri daripada kerusi bankuet dan set sofa, maka kerusi bankuet dan set sofa boleh dianggap item yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika kedua-duanya boleh dibeli daripada pembekal yang sama, ianya boleh ditafsirkan sebagai satu jenis item (perabot).
- d) Pembelian pelbagai toner ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperolehi daripada pembekal (**satu punca**) yang sama.
- e) Pembelian alat tulis (pen, pensel, pembaris, gunting, stapler, pemadam, gam dan sebagainya) ditafsirkan sebagai satu jenis item.
- f) Pelbagai saiz kertas (A4, A3) dan kertas pelbagai warna adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item.
- g) Komputer, *printer*, *monitor*, *keyboard* dan CPU adalah satu jenis item.
- h) Pelbagai ubat adalah satu jenis item.
- i) Bahan-bahan binaan seperti simen, kayu, papan, siling, paku adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item.

- j) Pelbagai barangan elektrik seperti cerek, kipas angin televisyen, radio, seterika, pengisar, peti sejuk adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperoleh daripada pembekal (kedai elektrik) yang sama.
- k) Pembelian pelbagai jenis sayuran dan pelbagai jenis ikan juga adalah ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperoleh daripada satu pembekal (pasar) yang sama.

7. Berapa lamakah dokumen tender/sebut harga perlu disimpan?

Arkib Negara Malaysia (ANM) telah mengeluarkan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPRKP). Buku tersebut boleh dibeli atau diperoleh daripada laman web ANM. Mengikut muka surat 52 dan 53 JPRKP surat-menyurat mengenai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja termasuk iklan, dokumen tender, jadual tender dan laporan tender/sebut harga boleh dilupuskan setelah tindakan telah selesai dan rekod dimusnahkan selepas tempoh simpanan 7 tahun setelah mendapat kelulusan ANM.

8. Bagaimanakah sesuatu syarikat/kontraktor layak dan boleh menyertai tender/sebut harga yang ditawarkan oleh Agensi Kerajaan?

Syarikat perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkenaan bagi membolehkannya menyertai tender/sebut harga untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan. Bagi syarikat yang ingin menyertai tender/sebut harga yang melibatkan perolehan kerja, syarikat hendaklah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) **dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) jika berkaitan** / Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding (UPKJ) dalam **gred, kategori dan pengkhususan** yang berkaitan.

9. Bolehkah anak syarikat/koperasi dibenarkan memasuki tender/sebut harga badan induk?

Syarikat-syarikat Anak Ekuiti Kerajaan, Koperasi, Tabung Kakitangan Kerajaan dan seumpamanya adalah dibenarkan menyertai perolehan yang diuruskan oleh Kementerian/Jabatan sendiri.

Pendaftaran Kontraktor Kerja

1. Apakah sistem pendaftaran kontraktor kerja yang digunakan pada masa sekarang?

Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) mulai 15 Oktober 2012 dan seterusnya menyelaraskan semua pendaftaran kontraktor di bawah CIDB dan BPKU. BPKU masih berperanan untuk menyelia dan menguruskan pemberian taraf Bumiputera kepada kontraktor yang layak. Semua kontraktor wajib berdaftar dengan CIDB menurut Akta CIDB.

2. Apakah sijil-sijil yang dikeluarkan oleh CIDB dan BPKU?

Dengan penguatkuasaan SSPK, sijil-sijil yang akan dikeluarkan oleh CIDB dan BPKU adalah seperti berikut:

- a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB;
- b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB; dan
- c) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU.

3. Apakah kelayakan kontraktor kerja untuk mengambil bahagian dalam perolehan kerajaan?

Kontraktor kerja hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan kerja kerajaan. Untuk taraf Bumiputera, kontraktor perlu mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) daripada BPKU. Bagi kontrak kerja di Sabah & Sarawak perlu berdaftar PUKONSA dan UPKJ.

4. Apakah gred serta had nilai kewangan yang berkuat kuasa bagi kontraktor kerja untuk perolehan Kerajaan?

Gred dan had kewangan yang berkuat kuasa adalah seperti berikut:

KONTRAKTOR KERJA BANGUNAN / AWAM / MEKANIKAL

Gred	Had Kewangan
G1	RM200,000 dan ke bawah
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM10,000,000

KONTRAKTOR KERJA ELEKTRIK

Gred	Had Kewangan
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000
G3	Sehingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM200,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM200,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM200,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM200,000 dan ke atas

5. Apakah peraturan kewangan mengenai pelawaan kontraktor Gred G1 bagi kerja-kerja di bawah RM200,000?

Semua kerja di bawah RM200,000 hendaklah dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera **Gred G1** yang berdaftar dengan **CIDB** dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU). Pendaftaran kontraktor **Gred G1** adalah dilakukan mengikut daerah dan oleh itu hanya kontraktor dalam daerah berkenaan sahaja boleh ditawarkan kerja di bawah RM200,000.

6. Bolehkah kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) menyertai perolehan kerja

Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) boleh menyertai perolehan kerja seperti berikut:

- a) Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA atau UPKJ boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Semenanjung;
- b) Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan UPKJ boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sarawak. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK juga boleh dipelawa

untuk menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan UPKJ bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Negeri di Sarawak; dan

- c) Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sabah. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK juga boleh dipelawa untuk menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Negeri di Sabah.

7. Pihak berkuasa manakah yang menetapkan kriteria dan syarat pendaftaran kontraktor kerja?

Kriteria dan syarat pendaftaran kontraktor kerja mengikut gred, kategori dan pengkhususan ditetapkan oleh CIDB.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai pendaftaran kontraktor kerja, gred, kategori atau pengkhususan pihak mana perlu dihubungi?

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai pendaftaran kontraktor kerja, Agensi boleh mendapat keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue No. 72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 0200
Faks : 03-2617 0220
Email : cidb@cidb.gov.my

atau:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)
Aras 5, Blok Menara
No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 Putrajaya
Tel : 03-8880 5200
Faks : 03-8880 5204
E-mail : pro@kkr.gov.my

Barangan Import

1. Apakah peraturan yang perlu dipatuhi bagi perolehan bahan/ barangan import?

Agensi hendaklah menggunakan sepenuhnya bahan/ barangan / perkhidmatan tempatan dalam perolehan masing-masing. Perolehan import hanya akan dipertimbangkan setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan.

Agensi hendaklah memastikan kelulusan Pegawai Pengawal telah diperolehi terlebih dahulu sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Semakan status barangan tempatan/import hendaklah dibuat secara berikut:

- i. merujuk terus kepada portal agensi yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); dan
- ii. melalui kaedah/mekanisme lain sebagaimana yang diperkenalkan dan ditetapkan oleh MITI dari semasa ke semasa.

Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam Negara (*ex-stock*) yang bernilai melebihi RM50 ribu perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat.

Bahan/barangan yang bernilai melebihi RM200 ribu bagi satu kontrak yang dibenarkan diimport hendaklah dilaksanakan secara **Free On Board (FOB)** kecuali bagi perolehan ubat-ubatan, perolehan perisian ICT yang diimport dan perolehan peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan yang tidak melebihi RM5 juta bagi satu kontrak.

Sila rujuk 1PP/PK1 berkaitan perkara ini.

Pendaftaran Syarikat Bekalan/Perkhidmatan

1. Mengapakah pembekal perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan?

Pembekal perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menyertai perolehan yang dipelawa secara sebut harga (nilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000) dan tender (melebihi RM500,000).

Walaupun demikian pembekal digalakkan berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk perolehan di bawah RM20,000.

2. Bagaimanakah saya memohon untuk berdaftar dengan Kementerian Kewangan?

Anda perlu melayari laman web: www.eperolehan.gov.my dengan mengklik rangkaian Pendaftaran Pembekal/Perunding.

3. Apakah kadar bayaran untuk pendaftaran dengan Kementerian Kewangan?

Kadar bayaran untuk pendaftaran dengan Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM450.00 untuk tempoh tiga (3) tahun dengan maksimum sepuluh (10) bidang. Bagi setiap bidang tambahan bayaran tambahan sebanyak RM50.00 dikenakan sehingga maksimum 30 bidang.

4. Berapa lamakah masa diambil untuk memperolehi kelulusan permohonan pendaftaran?

Tertakluk kepada permohonan yang memenuhi syarat dan lengkap. Piagam pelanggan pendaftaran syarikat adalah seperti berikut:-

- a) Pendaftaran Baru
 - 7 hari bekerja
- b) Pembaharuan Pendaftaran
 - 7 hari bekerja
- c) Penambahan Kod Bidang
 - 7 hari bekerja
- d) Pendaftaran Perunding
 - 30 hari bekerja (14 hari bekerja bagi sekitar Lembah Klang)
- e) Taraf Bumiputera/Bidang
 - 30 hari bekerja (14 hari bekerja bagi sekitar Khas/Pembuat/ Pengilang & Lembah Klang) sebagainya
- e) Mengemaskini Profil
 - 3 hari bekerja

5. Dimanakah borang permohonan pendaftaran boleh diperolehi?

Semua permohonan hendaklah dibuat atas talian dan tiada borang manual dikeluarkan untuk permohonan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

6. Apakah jenis-jenis pendaftaran/permohonan?

Jenis-jenis pendaftaran adalah seperti berikut:

- a) Permohonan Baru
- b) Permohonan Pembaharuan
- c) Permohonan Tambah Bidang

- d) Permohonan Taraf Bumiputera
- e) Permohonan Kemas Kini Profil

7. Apakah faedah-faedah pendaftaran?

- a) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dapat menyertai perolehan yang dilaksanakan melalui pembelian terus/sebut harga dan tender;
- b) Syarikat yang berdaftar dikecualikan daripada deposit tender;
- c) Syarikat boleh mempamerkan katalog dan harga dalam sistem ePerolehan dan meluaskan peluang pemasaran; dan
- d) Memudahkan Agensi Kerajaan untuk mempelawa sebut harga, tender atau membuat pembelian terus

8. Jika syarikat saya berdaftar dengan Kementerian Kewangan, adakah syarikat saya terjamin untuk peluang berurus niaga dengan jabatan Kerajaan?

Tidak. Syarikat perlu bersaing dengan syarikat-syarikat lain bagi urusan sebut harga dan tender. Bagi pembelian terus agensi Kerajaan boleh beli terus daripada syarikat yang berdaftar jika harga berpatutan.

9. Bilakah sijil akan dikeluarkan selepas permohonan diluluskan?

Sijil akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan dan bayaran pendaftaran dijelaskan. Sijil secara fizikal tidak dikeluarkan lagi dan syarikat boleh mencetak sendiri sijil digital secara online (Sijil Maya).

10. Apakah tindakan yang perlu diambil jika sijil pendaftaran hilang?

Soal sijil pendaftaran hilang tidak lagi timbul kerana sijil digital/sijil maya boleh dicetak semula.

11. Apakah tempoh untuk mendapat sijil ganti?

Soal sijil ganti tidak timbul kerana sijil digital/sijil maya boleh dicetak sendiri.

12. Saya tidak tahu menggunakan komputer untuk memohon pendaftaran secara atas talian. Apakah nasihat Kementerian Kewangan?

Anda boleh meminta bantuan di pusat ePerolehan (*eP Centre*) di negeri-negeri yang berkenaan atau menghubungi talian bantuan (helpdesk) di talian 03-7985 7777 / 7888.

- 13. Adakah lawatan/audit ke premis akan dibuat untuk semua permohonan pendaftaran atau hanya untuk permohonan tertentu?**

Lawatan/audit ke premis akan dibuat untuk syarikat yang memohon bidang pembuat/khas atau taraf Bumiputera.

- 14. Perlukah saya menyewa ruang pejabat untuk berdaftar dengan Kementerian Kewangan?**

Bagi bidang pembuat/khas pihak tuan perlu memiliki atau menyewa premis. Bagi bidang yang dibenarkan beroperasi dari rumah kediaman, anda tidak perlu menyewa premis dan boleh menggunakan alamat rumah untuk perniagaan.

- 15. Perlukah saya datang/hadir sendiri di Kementerian Kewangan di Putrajaya jika saya memohon untuk berdaftar dengan Kementerian Kewangan?**

Tidak perlu. Anda boleh memohon dari rumah anda atau pejabat anda secara atas talian dan status permohonan boleh disemak online.

- 16. Bolehkah saya memohon menambah bidang pada bila-bila masa atau saya perlu tunggu sehingga pembaharuan sijil?**

Anda boleh memohon untuk tambah bidang pada bila-bila masa selepas pendaftaran diluluskan.

- 17. Apakah kadar bayaran untuk menambah bidang?**

RM50.00 bagi setiap bidang jika melebihi sepuluh (10) bidang atau maksimum 30 bidang.

- 18. Adakah had maksimum bagi bilangan bidang?**

Pada masa ini bilangan bidang maksimum adalah 30 kod bidang sahaja.

- 19. Bilakah bayaran perlu dibuat?**

Bayaran hanya perlu dibuat setelah permohonan pendaftaran diluluskan sama ada secara tunai (pembayaran di kaunter) / cek / bank draf / kad kredit / kad debit.

- 20. Berapa lamakah sijil pendaftaran berkuat kuasa?**

Tempoh kuat kuasa sijil pendaftaran adalah selama tiga (3) tahun.

- 21. Bilakah saya boleh memohon untuk pembaharuan?**

Pembaharuan hendaklah dipohon tiga (3) bulan sebelum sijil pendaftaran tamat. Pembaharuan juga hendaklah dipohon secara atas talian (*on-line*).

- 22. Adakah perlu saya telefon pegawai Perbendaharaan untuk mengetahui kedudukan permohonan saya?**

Tidak perlu. Status permohonan boleh disemak secara atas talian.

- 23. Bolehkah saya memohon untuk mendaftar dan memohon untuk taraf Bumiputera sekaligus atau perlu memohon secara berasingan?**

Anda perlu memohon untuk mendaftar terlebih dahulu dan kemudian baru memohon status Bumiputera secara berasingan.

- 24. Bolehkah saya mengambil sendiri sijil pendaftaran di Kementerian Kewangan?**

Sijil fizikal tidak lagi dikeluarkan dan sijil digital boleh dicetak sendiri.

- 25. Bagaimanakah sijil-sijil dihantar?**

Sijil-sijil tidak lagi dihantar kerana sijil digital boleh dicetak sendiri.

- 26. Selepas mendaftar bolehkah saya menjual syarikat kepada orang lain?**

Setiap syarikat yang baru mendaftar tidak boleh mengubah ekuiti dan pengurusan selama enam (6) bulan daripada tarikh diluluskan. Ini bagi mengelakkan daripada penjualan syarikat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk berurusan dengan syarikat yang benar-benar menjalankan aktiviti perniagaan.

- 27. Perlukah saya menghadiri kursus-kursus untuk mendaftar dengan Kementerian Kewangan?**

Anda tidak perlu menghadiri apa-apa kursus untuk mendaftar dengan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun anda boleh hadir kursus yang dikendalikan oleh CDC mengenai penggunaan sistem eP.

Integrity Pact

- 1. Adakah Surat Akuan Urusetia/ Ahli dan Surat Akuan Selesai Tugas Urusetia/ Ahli berkaitan dengan pelaksanaan *Integrity Pact* bagi urusetia/ Ahli JPP untuk perolehan perkhidmatan perunding perlu disediakan setiap kali bermesyuarat?**

Bagaimana pula pelaksanaannya untuk Pihak Berkuasa Melulus?

Surat Akuan Urusetia/ Ahli perlu ditandatangani sebaik sahaja pegawai dilantik atau sebelum/ pada mesyuarat JPP pada kali pertama. Manakala Surat Akuan Selesai Tugas Urusetia/ Ahli pula perlu ditandatangani setelah tugas Urusetia/Ahli JPP selesai bagi sesebuah projek yang terlibat. Ataupun, sekiranya JPP membincangkan beberapa projek serentak dalam satu mesyuarat yang sama, boleh kepitkan senarai projek berkenaan bersekali dengan Surat Akuan tersebut. Contohnya, mesyuarat JPP dibuat sebanyak 3 kali, pertama bagi meluluskan TOR dan perincian anggaran kos perunding.

Kedua bagi membincangkan kriteria dan sub kriteria penilaian serta skema pemarkahan dan kali terakhir bagi membuat penilaian dan pengesyoran. Dalam hal ini, Surat Akuan Ahli perlu ditandatangani sebelum/pada mesyuarat kali pertama dan Surat Akuan Selesai Tugas adalah setelah tugas JPP selesai pada mesyuarat kali ketiga.

Namun begitu, pelaksanaan Surat Akuan Ahli dan Surat Akuan Selesai Tugas bagi Ahli PBM adalah pada setiap kali bermesyuarat.

2. Perlukah *Integrity Pact* ditandatangani untuk semua perolehan atau sebut harga dan tender sahaja?

Integrity Pact perlu ditandatangani untuk semua perolehan secara sebut harga dan tender sahaja.

Lembaga Perolehan

1. Wakil BPK dalam Lembaga Perolehan A adalah diwajibkan. Bagi Lembaga Perolehan B, bolehkah wakil BPK hadir?

Wakil BPK adalah salah seorang ahli yang telah dilantik oleh YBMK untuk menganggotai Lembaga Perolehan A dan peraturan menetapkan kehadiran wakil BPK adalah diwajibkan untuk menimbang semua tender melebihi RM20 juta.

Bagi Lembaga Perolehan B, wakil BPK tidak dilantik oleh YBMK sebagai ahli. Dengan demikian, wakil BPK tidak boleh hadir sebagai ahli Lembaga Perolehan B. Jika wakil BPK hadir, ia cuma untuk memberi nasihat sahaja.

Wakil BPK tidak boleh hadir semasa Lembaga Perolehan B membuat keputusan. Walau bagaimanapun, jika wakil BPK dilantik sebagai "salah seorang wakil jabatan lain untuk memberi

sumbangan", maka kehadiran wakil BPK adalah sah dan wakil tersebut boleh turut memutuskan tender.

2. Bolehkah Lembaga Perolehan A menimbang tender yang kurang daripada RM20 juta?

Tidak boleh kerana kuasa Lembaga Perolehan adalah hanya untuk menimbang tender melebihi RM20 juta.

3. Jika didapati keputusan Lembaga Perolehan B tidak sebulat suara, bolehkah tender dikemukakan untuk keputusan Lembaga Perolehan A?

Tidak boleh. Semua keputusan Lembaga Perolehan yang tidak sebulat suara hendaklah dikemukakan Kementerian Kewangan untuk keputusan.

4. Siapakah yang boleh melantik Lembaga Perolehan?

Semua Lembaga Perolehan Persekutuan adalah dilantik oleh Menteri Kewangan dan semua Lembaga Perolehan Negeri dilantik oleh Menteri Besar/Ketua Menteri. Kementerian Kewangan akan menguruskan pelantikan Lembaga Perolehan Persekutuan setelah menerima cadangan daripada Kementerian-Kementerian.

DASAR KENAAN GST DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Bilakah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] berkuat kuasa?

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 berkuat kuasa mulai 1 April 2015.

2. Bagaimanakah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas kontrak perolehan Kerajaan?

(a) Perolehan Bekalan

(i) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah diberi pelepasan daripada membayar GST ke atas perolehan bekalan (barang) kecuali bagi kereta import dan petroleum, selaras dengan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 [P.U.(A) 273/2014]. Walau bagaimanapun, pelepasan daripada membayar GST hendaklah dibuat melalui pengeluaran *Certificate of GST Relief* (CoGSTR).

(ii) CoGSTR perlu ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan

Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebagai pelulus Pesanan Tempatan/Surat Setuju Terima (SST) dibenarkan untuk menandatangani CoGSTR mengikut had nilai perolehan yang telah ditetapkan.

- (b) Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding
 - (i) Perolehan kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding adalah dikenakan GST.
 - (ii) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada bagi menampung kenaikan GST.

3. Apakah kadar cukai yang dikenakan dalam GST?

Kadar cukai semasa GST adalah sebanyak 6% dikenakan ke atas pembekalan barang/perkhidmatan atau pengimportan barang/perkhidmatan.

4. Adakah GST juga dikenakan bagi pembekalan barangan/perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan/Negeri kepada pihak lain (orang awam/syarikat/Agensi Kerajaan dan lain-lain)?

Sebarang pembekalan barangan / perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri kepada pihak lain sama ada awam, swasta atau Agensi Kerajaan yang lain adalah tidak dikenakan GST di bawah Seksyen 64 (1) Akta GST 2014 kecuali bagi pembekalan barangan/perkhidmatan yang dibuat oleh Agensi Kerajaan seperti berikut:

- (a) JKR Perlis, JKR Sarawak dan Jabatan Air Negeri Sabah – bekalan air dirawat;
- (b) Jabatan Penyiaran Malaysia – ~~bekalan~~ ruang pengiklanan / masa pengiklanan di radio dan televisyen; sewaan peralatan dan kemudahan penyiaran;
- (c) Jabatan Penjara Malaysia – bekalan barang yang dibuat dan perkhidmatan yang disediakan oleh banduan; dan
- (d) Jabatan Keretapi Negeri Sabah - Apa-apa pembekalan berhubung dengan pengangkutan barang.

Senarai Agensi Kerajaan di atas boleh berubah dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, Agensi perlu sentiasa merujuk kepada Perintah GST (Pemakaian kepada Kerajaan) dan apa-apa maklumat terbaru (boleh dicapai melalui laman sesawang gst.customs.gov.my).

5. Adakah GST dikenakan untuk perolehan bekalan?

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri (tidak termasuk Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Syarikat Kerajaan) adalah diberi pelepasan daripada membayar GST ke atas perolehan bekalan (barang) kecuali bagi kereta import dan petroleum.

6. Adakah pelepasan GST untuk bekalan dinyatakan di mana-mana?

Pelepasan GST untuk bekalan telah diwartakan melalui Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 [P.U.(A) 273/2014].

7. Bilakah CoGSTR perlu dikeluarkan?

CoGSTR perlu dikeluarkan selepas Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dikeluarkan untuk setiap perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST. CoGSTR perlu diserahkan kepada pembekal sebelum pembekalan yang mendapat pelepasan dibekalkan. CoGSTR perlu ditandatangani oleh Kementerian/Jabatan ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

8. Siapakah yang perlu menandatangani CoGSTR?

Hanya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebagai pelulus Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima (SST) dibenarkan untuk menandatangani CoGSTR mengikut had nilai perolehan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Pegawai Pengawal;
- (ii) Pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal;
- (iii) Pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal sebagai pelulus Pesanan Kerajaan/Inden Kerja; atau
- (iv) Pegawai yang diturun kuasa untuk menandatangani Surat Setuju Terima (SST)/Kontrak.

9. Adakah CoGSTR dikeluarkan untuk pelepasan perolehan perkhidmatan dan kerja juga?

Tidak. CoGSTR hanya dikeluarkan untuk pelepasan GST terhadap perolehan barang yang dibenarkan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pelepasan GST ke atas perolehan perkhidmatan dan kerja.

10. Adakah GST dikenakan untuk perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding?

Ya, secara umumnya perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding dikenakan GST.

11. Adakah Pesanan Tempatan yang dikeluarkan sebelum 1 April 2015 perlu dikenakan GST walaupun pembekalan/perkhidmatan hanya akan diterima/diberikan pada atau selepas 1 April 2015?

Tidak. Pesanan Tempatan yang dikeluarkan sebelum 1 April 2015 mendapat pelepasan daripada dikenakan GST.

12. Adakah kontrak perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015 dikenakan GST?

- a) Semua kontrak bekalan barang diberi pelepasan daripada dikenakan GST kecuali kereta yang diimport dan petroleum.
- b) Kontrak perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan diberi pelepasan GST sehingga 31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak, mana yang terdahulu.
- c) Kontrak perunding dan perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang telah dikenakan Cukai Perkhidmatan akan diganti dengan GST tertakluk kepada syarat berdaftar GST dengan JKDM.
- d) Kontrak kerja sedia ada diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tamat.
- e) Kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan lanjutan masa (*Extension of Time – EOT*) diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tersebut tamat

13. Sekiranya Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani sebelum 1 April 2015 dan kontrak bermula pada atau selepas 1 April 2015, adakah perolehan tersebut dikenakan GST?

Pelepasan dari membayar GST diberikan ke atas kontrak perolehan berikut:

- i. Kontrak perolehan kerja dan pelepasan diberi sehingga kontrak tersebut tamat dan ianya juga meliputi kontrak perolehan kerja yang sedang berkuatkuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (*Extension of Time – EOT*); dan
- ii. Kontrak perolehan perkhidmatan bukan perunding yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan sebelum 1 April 2015. Pelepasan diberi sehingga 31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak, mana yang terdahulu.

14. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Agensi sekiranya kontrak perolehan Kerajaan bekalan dan perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dilanjutkan di mana pelanjutan kontrak tersebut telah ditandatangani pada atau selepas 1 April 2015?

Bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dan dilanjutkan tempoh kontrak pada atau selepas 1 April 2015, kontrak baharu/addendum/supplementary hendaklah diwujudkan dengan mengambil kira kenaaan GST.

15. Bagaimana jika pembekal/kontraktor tidak bersetuju dengan kenaaan GST bagi kontrak yang dilanjutkan tempoh?

Akta GST berkuat kuasa mulai 1 April 2015 dan dengan itu pembekal/kontraktor adalah tertakluk kepada kenaaan GST sekiranya pembekal berdaftar GST. Semasa mendapat persetujuan pembekal/ kontraktor untuk pelanjutan kontrak syarat kenaaan GST hendaklah dimaklumkan. Jika pembekal/kontraktor tidak bersetuju dengan kenaaan GST, kontrak tidak boleh/tidak wajar dilanjutkan.

16. Kenaan GST ke atas kontrak lanjutan mungkin akan mengakibatkan nilai/amaun bon pelaksanaan berubah. Perlukah bon pelaksanaan dikira semula dan pembekal/kontraktor diminta untuk mengemukakan bon pelaksanaan baharu?

Pergiraan bon pelaksanaan bagi kontrak lanjutan tersebut hendaklah berdasarkan nilai kontrak lanjutan termasuk kenaaan GST;

Sekiranya nilai bon pelaksanaan sedia ada mencukupi untuk menampung nilai tambahan bon pelaksanaan bagi lanjutan kontrak, memadai bon pelaksanaan sedia ada dikekalkan dengan tempoh sah laku sahaja dilanjutkan; dan

Sekiranya nilai bon pelaksanaan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung nilai tambahan BP bagi kontrak yang dilanjutkan, BP baharu hendaklah diperoleh.

- 17. Bagi perolehan perkhidmatan dan kerja yang sedang berkuat kuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015, apakah dokumen yang perlu dikemukakan oleh syarikat kepada JKDM sebagai bukti pelepasan dan untuk sebarang urusan tuntutan cukai GST?**

Salinan SST/salinan muka surat dalam dokumen kontrak yang menunjukkan nombor kontrak, tarikh kuat kuasa kontrak dan tandatangan serta salinan Pekeliling Perbendaharaan (1PP) 1PP/PK1/2013 perenggan 6(xiv)(m) perlu dikemukakan kepada JKDM sehingga 31 Disember 2015.

Kontrak yang akan ditandatangani pada atau selepas 1 April 2015

- 18. Jabatan telah mempelawa sebut harga pada 2 Januari 2015 dan ditutup pada 19 Februari 2015 (sebelum 1 April 2015) tetapi SST dikeluarkan pada 1 April 2015. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan tersebut?**

- (a) Sebarang perolehan Kerajaan (pembelian terus/sebut harga/tender) kecuali perolehan bekalan yang dipelawa dan ditutup sebelum 1 April 2015 tetapi SST dikeluarkan pada atau selepas 1 April 2015 perlu dikenakan GST;
- (b) Dalam hal ini, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengeluarkan surat makluman kepada syarikat yang berjaya supaya membuat pengisytiharan status pendaftaran GST sebelum SST dikeluarkan;
- (c) Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kena GST; dan
- (d) Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak berdaftar di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah:
 - Mengeluarkan SST (dengan tawaran harga tanpa kena GST);

- Setelah SST dikeluarkan, dan kontrak masih berkuatkuasa, apabila syarikat telah berdaftar GST, syarikat hendaklah memaklumkan status pendaftaran kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- Surat makluman hendaklah dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tentang perubahan nilai kontrak (mengambil kira kenaikan GST); dan
- Sekiranya kontrak telah ditandatangani, adendum perlu diwujudkan;

19. Bagaimana pula pengiraan amaun/nilai bon pelaksanaan bagi perolehan yang dipelawa dan ditutup sebelum 1 April 2015 tetapi SST dikeluarkan pada atau selepas 1 April 2015?

Amaun/nilai bon pelaksanaan hendaklah dikira berasaskan nilai baharu kontrak dengan mengambil kira kenaikan GST.

20. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Agensi bagi perolehan Kerajaan yang dipelawa/ditawar dan/atau ditutup pada atau selepas 1 April 2015?

Semua perolehan Kerajaan yang dipelawa/ditawar dan/atau ditutup pada atau selepas 1 April 2015 adalah dikenakan GST kecuali perolehan yang mendapat pelepasan seperti yang telah diwartakan melalui Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 [P.U.(A) 273/2014].

21. Apakah syarat-syarat yang perlu ada dalam dokumen tawaran bagi perolehan Kerajaan yang dipelawa/ditawar dan/atau ditutup pada atau selepas 1 April 2015?

Dokumen tawaran hendaklah mengandungi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Semua **tawaran harga** (pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat hendaklah dikemukakan **tanpa kenaikan GST**;
- (b) Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada Agensi;
- (c) Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaikan GST;

- (d) Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak berdaftar di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah:
- i) memaklumkan dengan segera kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST; dan
 - ii) membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturun kuasa.

Certificate of GST Relief (CoGSTR)

22. Di mana Certificate of GST Relief (CoGSTR) boleh diperolehi sekiranya perolehan bekalan dibuat secara manual?

Bagi perolehan bekalan yang dibuat secara manual dan mendapat pelepasan GST, format CoGSTR secara manual diperolehi/dimuat turun daripada portal ePerolehan. Panduan/ccontoh bagi mengisi CoGSTR adalah seperti di bawah:

	*Kod Borang	Kod Jab	Kod PTJ	No Siri Dokumen
No. Sijil Pelepasan (CoGSTR)	[M]	[Jab]	[PTJ]	[00001]
No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	xxxxxx			

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER
2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah

I hereby certify that the goods described above are

Nama pembekal/syarikat yang membuat pembekalan

*diperolehi daripada / acquired from: ~~ABC Sdn. Bhd.~~

ABC Sdn. Bhd. , No 1, Jalan Bahaqia, 50800 Kuala Lumpur

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

Nama PTJ yang membuat pesanan

*dibekalkan kepada / supplied to : **Pejabat Kesihatan Sabak Bernam**
Pejabat Kesihatan Sabak Bernam, Kompleks Pejabat Kerajaan, Sungai Besar,

45300 Sungai Besar

(Nama dan alamat Agensi/Kerajaan Persekutuan/Negeri yang menerima pembekalan)

(Name and address of the recipient)

dan pelepasan daripada pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran 3, Jadual Pertama seperti dalam **Lampiran.**

and relief from payment of goods and services tax claimed under Item 3, First Schedule as per **Appendix.**

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan
Signature

Nama
Name

Adill Bin Abdullah

No Kad
Pengenalan
Identity Card No.

850706-06-5575

Pangkat
Rank

Pelulus

Tarikh
Date

5 Februari 2015

Tandatangan dan maklumat pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Pesanan Kerajaan/ Surat Setuju Terima (SST) bagi perolehan bekalan yang mendapat pelepasan seperti pada Borang KEW GST 1 ketika meluluskan Pesanan Kerajaan/ SST

Nota:
Note:

- (i) Bagi barang import, sijil ini hendaklah disertakan bersama Borang Kastam No. 1/ Borang Kastam No.9.
For imported goods, this certificate shall be accompanied with the Customs Form No. 1/ Customs Form No.9.
- (ii) Bagi barang yang diperolehi dalam Negara, orang yang menuntut pelepasan hendaklah mengesahkan pembelian dengan menandatangani pengisytiharan atas invoice pembelian.

For locally acquired goods, the person who claims the relief shall certify the purchase by signing the declaration on the purchase invoice.

Nota :

*** Kod Borang : T- Borang dijana melalui Sistem eP
 M - Borang secara manual**

Lampiran
Appendix


No. Sijil Pelepasan (CoGSTR)	[M] [Jab] [PTJ] [00001]
No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	xxxxxx

Perolehan oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri Malaysia
Procurement made by the Federal/State Government of Malaysia

Lampiran ini hendaklah disertakan dengan Sijil Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan dilengkapi oleh Ketua Jabatan atau Pegawai yang diberi kuasa.

The attachment must be accompanied with Goods and Services Tax (GST) Relief Certificate and to be completed by the relevant Head of Department or authorised officer.

Perihal perolehan barang yang dilepaskan daripada pembayaran CBP:
Description of goods acquired which will be relieved from the payment of GST:

BIL. (NO.)	NAMA PRODUK (NAME OF PRODUCTS)
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	 Nama bekalan yang mendapat pelepasan seperti yang disenaraikan dalam Pesanan Kerajaan

Saya dengan ini mengaku bahawa barang tersebut hanya untuk kegunaan Jabatan berkenaan dan tidak dijual mahupun dilupuskan kecuali dibenarkan

oleh Ketua Jabatan berkenaan. Kos perolehan berkenaan dicaj ke dalam vot Jabatan menggunakan Anggaran Peruntukan Persekutuan/Negeri dan tidak diperolehi menggunakan peruntukan lain.

I declare that the goods are to be used solely by the department concerned and are not sold or otherwise disposed of except as sanctioned by the head of department concerned. The cost is charged to the departmental vote appearing in the Federal/State Budgets and are not purchased out of any other funds.

		Nama dan tarikh pegawai meluluskan Pesanan Kerajaan/SST sama seperti pada Sijil Pelepasan GST(CoGSTR)	
Ditandatangani		Bertarikh	
Signed	(Ketua Jabatan/Pegawai yang diberi kuasa)		
	(Head of Department / Authorised Officer)		

Makluman kepada Pembekal / Note to Suppliers

Pembekal bertanggungjawab untuk memastikan barang yang dibekalkan adalah layak untuk diberikan pelepasan. Sijil Pelepasan dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan sebelum pengeluaran inbois cukai dan disimpan serta dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai Kastam apabila diperlukan.

It is your responsibility to ensure that the goods supplied are eligible to be given a relief and the Relief Certificate must be issued by the department concerned prior to the issuance of the tax invoice. You should retain and furnish this declaration for the purposes of inspection by the Customs officer when requested.

Perunding

- 23. Bagi firma perunding yang telah berdaftar GST adakah Cukai Perkhidmatan sedia ada yang dikenakan sebanyak 6% masih dikenakan?**

Cukai Perkhidmatan 6% adalah dikenakan sehingga 31 Mac 2015 sahaja.

- 24. Adakah kenaan 6% GST ke atas perolehan perunding dikira berdasarkan yuran perunding sahaja atau keseluruhan jumlah kos perunding (termasuk kos imbuhan balik)?**

Mulai 1 April 2015, kenaan 6% GST ke atas perolehan perunding adalah dikira berdasarkan jumlah keseluruhan kos perunding termasuk imbuhan balik.

25. Bagaimanakah kaedah pembayaran kenaan GST ke atas perolehan perunding yang telah berdaftar GST dan bermula tarikh kuat kuasa?

Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada firma perunding yang telah berdaftar GST dan bermula tarikh kuat kuasa, Agensi hendaklah memastikan kenaan 6% dibuat ke atas jumlah keseluruhan kos perkhidmatan perunding di dalam SST tersebut sebagai kos siling. Walau bagaimanapun, pembayaran 6% GST kepada firma tersebut hendaklah dibuat semasa setiap bayaran kemajuan projek bagi memastikan potongan yang dibuat adalah berdasarkan ke atas kos tuntutan sebenar.

26. Adakah jumlah LAD yang dikenakan ke atas perunding dikenakan GST?

Tidak. Sebarang unsur denda/penalti ke atas syarikat adalah tidak dikenakan GST.

27. Bolehkah *Tax Invoice* dikeluarkan sebelum tuntutan bayaran disahkan oleh Agensi bagi perolehan perkhidmatan perunding?

Tidak. *Tax Invoice* hanya boleh dikeluarkan setelah tuntutan bayaran disahkan oleh Agensi.

28. Sebelum 1 April 2015, kebanyakan kontrak semasa perunding adalah dikenakan cukai perkhidmatan. Adakah firma perunding yang telah mengenakan cukai perkhidmatan di dalam kontrak sedia ada adalah secara automatik digantikan dengan GST mulai 1 April 2015?

Tidak. Perubahan kepada kenaan GST adalah tidak dibuat secara automatik bagi firma perunding yang telah mengenakan Cukai Perkhidmatan di dalam kontrak sedia ada. Agensi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan secara rasmi tarikh kuat kuasa pendaftaran GST dengan JKDM daripada firma sebelum membayar GST kepada firma tersebut.

Cukai Perkhidmatan

29. Adakah pembekal yang mempunyai kontrak semasa dengan kenaan 6% Cukai Perkhidmatan boleh meneruskan Cukai Perkhidmatan tersebut?

Cukai perkhidmatan telah dimansuhkan pada 1 April 2015 selari dengan pelaksanaan Akta GST 2014. Sehubungan itu, kenaan

Cukai Perkhidmatan bagi kontrak semasa tersebut hendaklah digantikan dengan kenaan GST.

Kontrak Kerja

- 30. Adakah kontraktor tempatan yang melaksanakan kerja secara usaha sama dikehendaki berdaftar GST sebagai satu syarikat atau secara berasingan? Bagaimanakah kenaan GST bagi kontraktor tempatan dan kontraktor asing yang melaksanakan kerja secara usaha sama?**

Sekiranya Kontraktor A berusaha sama dengan Kontraktor B, mereka perlu mewujudkan satu entiti baharu iaitu Syarikat AB yang diperbadankan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Syarikat AB perlu berdaftar GST dengan JKDM.

- 31. Adakah bayaran pendahuluan termasuk kenaan GST?**

Bayaran pendahuluan merupakan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada kontraktor/pembekal mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Oleh itu, bayaran balik (*recoupment*) wang pendahuluan adalah tidak dikenakan GST.

Perolehan Kerja

- 32. Setelah dikenakan GST untuk perolehan kerja, Kementerian/Jabatan akan memerlukan peruntukan untuk menampung perbelanjaan tambahan kenaan GST. Bolehkah peruntukan/bajet tambahan dipohon?**

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada bagi menampung kenaan GST.

- 33. Adakah kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (Extension of Time – EOT) dikenakan GST?**

Kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (*Extension of Time – EOT*) adalah dikecualikan daripada kenaan GST sehingga kontrak tersebut tamat.

- 34. Adakah *Nominated Subcontractor* (NSC) kepada kontrak utama yang diberi pelepasan daripada mengenakan GST (kerja kontrak utama telah bermula sebelum 1 April 2015) turut diberi pelepasan sebagaimana kontraktor utama?**

NSC tidak diberi pelepasan GST dan tertakluk kepada Akta GST 2014.

- 35. Adakah *Supplementary Agreement* yang melibatkan pertambahan skop kerja (SA) bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa dan melangkaui 1 April 2015 dikenakan GST?**

Supplementary Agreement (SA) yang hanya melibatkan pertambahan skop kerja sahaja bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa dan melangkaui 1 April 2015 dikenakan GST.

- 36. Bolehkah bayaran bagi kenaaan GST dibayar terus kepada NSC yang berdaftar dengan JKDM?**

Tidak. Bayaran bagi kenaaan GST hendaklah dibayar kepada kontraktor utama yang berdaftar dengan JKDM.

- 37. *Tax invoice* hendaklah dikeluarkan oleh kontraktor dalam tempoh 21 hari daripada tarikh perkhidmatan disempurnakan. Bilakah bermulanya tempoh pengiraan 21 hari ini bagi kontrak kerja?**

Tempoh 30 hari bagi pengeluaran *tax invoice* oleh kontraktor bagi kontrak kerja adalah dari tarikh Perakuan Bayaran Interim (Borang JKR 66) diluluskan oleh Pegawai Yang Diberi kuasa Memperakukan Bayaran Interim.

- 38. Adakah skop kerja yang melibatkan pembekalan barangan dalam kontrak kerja seperti pembekalan '*loose furnitures*', kelengkapan peralatan hospital dan peralatan makmal dianggap di bawah kategori perkhidmatan yang dikenakan GST?**

Perolehan barang dalam kontrak kerja adalah kategori perkhidmatan yang dikenakan GST.

- 39. Berdasarkan Akta GST 2014, perolehan bagi kegunaan SPB Yang Dipertuan Agung adalah dikecualikan dari kenaaan GST. Adakah perolehan kerja penyelenggaraan bagi Istana Negara juga dikecualikan dari kenaaan GST?**

Perolehan barang bagi kegunaan SPB Yang Dipertuan Agung adalah diberi pelepasan dari kenaaan GST. Namun, perolehan kerja dan penyelenggaraan Istana Negara adalah tertakluk kepada kenaaan GST.

- 40. Adakah jumlah denda gantirugi (LAD) yang dikenakan kepada kontraktor disebabkan kelewatan menyiapkan kerja dikenakan GST?**

Tidak, jumlah LAD tidak dikenakan GST kerana ianya bukan merupakan bayaran keatas perkhidmatan.

41. Adakah nilai polisi insurans dikira berdasarkan harga kontrak termasuk kenaan GST?

Pengiraan Nilai polisi insurans dan bon dikira berdasarkan harga kontrak termasuk kenaan GST.

42. Adakah kontraktor tempatan yang melaksanakan kerja secara usaha sama dikehendaki berdaftar GST sebagai satu syarikat atau secara berasingan?

Sekiranya Kontraktor A berusaha sama dengan Kontraktor B, mereka perlu mewujudkan satu entiti baharu iaitu Syarikat AB. Syarikat AB perlu berdaftar GST dengan JKDM.

43. Bagi perkhidmatan bukan perunding yang mendapat pelepasan dari kenaan GST sehingga 31 Mac 2015 dan sekiranya tempoh tamat kontrak melangkaui 31 Mac 2017, adakah pelarasan perlu dibuat ke atas baki kerja yang belum disempurnakan selepas 31 Mac 2017?

Ya, pelarasan perlu dibuat ke atas baki kerja yang belum disempurnakan selepas 31 Mac 2017 bagi kenaan GST.

44. Adakah bayaran pendahuluan termasuk kenaan GST?

Bayaran pendahuluan merupakan kemudahan yang *refundable* dan diberikan oleh Kerajaan kepada kontraktor/pembekal mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Oleh itu, bayaran pendahuluan adalah tidak dikenakan GST.

Peruntukan Tambahan

45. Setelah dikenakan GST untuk perolehan kerja, perkhidmatan perunding dan perkhidmatan bukan perunding, Kementerian/Jabatan akan memerlukan peruntukan untuk menampung perbelanjaan tambahan kenaan GST. Bolehkah peruntukan/bajet tambahan dipohon?

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada bagi menampung kenaan GST.

Anggaran Harga Jabatan Dalam Menentukan Kaedah Perolehan

46. Apakah kaedah yang perlu diguna pakai oleh Jabatan dalam menentukan kaedah perolehan yang hendak dibuat?

Agensi hendaklah mengambil kira kenaikan GST dalam perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan. Namun, Agensi hendaklah menggunakan anggaran harga Jabatan tanpa kenaikan GST untuk menentukan kaedah perolehan.

Contoh 1:

- i) anggaran perolehan perkhidmatan RM19,800 (tanpa GST)
- ii) kaedah perolehan – pembelian terus (kerana di bawah RM20,000)
- iii) jika pembekal yang berdaftar GST dipilih, LO dikeluarkan berjumlah RM20,988 (RM19,800 + RM1,188);
- iv) jika pembekal yang tidak berdaftar GST dipilih, LO dikeluarkan berjumlah RM19,800.

* tambahan RM1,188 adalah kenaikan GST berdasarkan Akta GST 2014 maka tidak perlu dibawa untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

Contoh 2:

- i) anggaran perolehan perkhidmatan RM480,00 (tanpa GST)
- ii) kaedah perolehan – sebut harga (kerana melebihi RM 20,000 - RM500,000)
- iii) setelah pembekal yang berdaftar GST dipilih, LO dikeluarkan berjumlah RM508,800 (RM480,000 + RM28,800)
- iv) setelah pembekal yang tidak berdaftar GST dipilih, LO dikeluarkan berjumlah RM480,000.

* tambahan RM28,800 adalah kenaikan GST berdasarkan Akta GST 2014 maka tidak perlu dibawa untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun

47. Adakah pelaksanaan kenaikan GST di dalam 1PP ini terpakai bagi Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun?

1PP dan Soalan Lazim berkaitan Dasar Pelaksanaan GST Dalam Perolehan Kerajaan tidak dipanjangkan pemakaiannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun adalah dikenakan GST dan tertakluk kepada apa-apa pelepasan yang dinyatakan di bawah Akta GST 2014. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun hendaklah merujuk kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Public Private Partnership, Konsesi & Penswastaan

48. Adakah kontrak konsesi, penswastaan & *Public Private Partnership* dikenakan GST?

1PP dan Soalan Lazim berkaitan Dasar Pelaksanaan GST Dalam Perolehan Kerajaan tidak dipanjangkan pemakaiannya kepada kontrak konsesi, penswastaan & *Public Private Partnership* (PPP). Sila rujuk Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia berkenaan perkara ini.

Pendaftaran GST

49. Apakah yang perlu dilakukan oleh pembekal/syarikat setelah berdaftar GST?

Pembekal/syarikat perlu mengemukakan nombor pendaftaran GST dan tarikh kuat kuasa pendaftaran GST.

50. Bagaimanakah cara untuk PTJ menyemak kesahihan status pendaftaran GST pembekal/syarikat?

PTJ boleh menyemak kesahihan status pendaftaran GST pembekal/syarikat di laman sesawang rasmi JKDM iaitu gst.customs.gov.my

51. Siapakah yang boleh mengenakan GST kepada pihak Kerajaan?

Hanya pembekal/syarikat/kontraktor yang berdaftar GST sahaja yang boleh mengenakan GST kepada pihak Kerajaan. Namun, pembekalan barangan/perkhidmatan seperti di bawah yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri kepada pihak lain sama ada awam, swasta atau Agensi Kerajaan akan dikenakan GST di bawah Perintah GST (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014 seperti berikut:

- i) Air dirawat – JKR Perlis, JKR Sarawak dan Jabatan Air Negeri Sabah;
- ii) Ruang pengiklanan/masa pengiklanan di radio dan televisyen; sewaan peralatan dan kemudahan penyiaran – Jabatan Penyiaran Malaysia;
- iii) Barang yang dibuat dan perkhidmatan yang disediakan oleh banduan – Jabatan Penjara Malaysia; dan
- iv) Apa-apa pembekalan berhubung dengan pengangkutan barang – Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

Tanggungjawab Peruntukan

- 52. Adakah tanggungjawab peruntukan bagi kenaikan GST ke atas perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST perlu dibuat oleh PTJ ketika mengeluarkan Pesanan Kerajaan?**

Tanggungjawab peruntukan bagi kenaikan GST ke atas perolehan yang mendapat pelepasan GST tidak perlu dibuat oleh PTJ ketika mengeluarkan Pesanan Kerajaan.

Harga Tawaran

- 53. Penilaian harga bagi pembelian terus, sebut harga dan tender bagi bekalan dan perkhidmatan bukan perunding hendaklah dibuat oleh pihak Kerajaan berdasarkan harga tawaran tanpa GST. Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan tawaran harga yang terendah dan menguntungkan pihak Kerajaan (*value for money*). Apakah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ sekiranya harga tawaran tanpa kenaikan GST oleh pembekal tidak berdaftar GST dan pembekal berdaftar GST adalah sama?**

Dalam keadaan di mana harga tawaran tanpa kenaikan GST oleh pembekal tidak berdaftar GST dan pembekal berdaftar GST adalah sama, pihak agensi hendaklah mengambil kira kriteria penilaian lain yang utama sebagai asas untuk memilih pembekal yang berjaya.

- 54. Adakah menjadi tanggungjawab Agensi untuk memastikan bahawa pembekal tidak memasukkan elemen kenaikan GST dalam harga tawaran perolehan?**

Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk menawarkan harga tanpa elemen kenaikan GST berdasarkan kepada prinsip '*self declaration*'. Sekiranya harga tawaran syarikat diragui, Agensi hendaklah melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 (Akta 723).

- 55. Adakah harga tawaran untuk perolehan bekalan perlu mengambil kira kenaikan GST?**

Semua harga tawaran pembekal bagi perolehan Kerajaan adalah tanpa kenaikan GST. Oleh kerana perolehan bagi bekalan mendapat pelepasan GST, harga bekalan tersebut tidak boleh dikenakan GST. PTJ perlu membuat kajian pasaran dalam menentukan harga perolehan yang terbaik untuk perolehan Kerajaan (*best value for money*). Pembekal adalah tertakluk kepada peruntukan kesalahan di bawah Akta GST 2014 sekiranya

mengenakan GST bagi perolehan yang mendapat pelepasan GST dan perkara ini perlu dilaporkan kepada pihak JKDM jika PTJ mendapati terdapat pembekal yang berbuat demikian.

- 56. Apakah yang perlu dilakukan oleh PTJ sekiranya harga tawaran selepas ditambah dengan kenaan GST melebihi had siling peruntukan yang diterima?**

Anggaran harga Jabatan tanpa kenaan GST hendaklah diguna pakai dalam menentukan kaedah perolehan. Walau bagaimanapun, PTJ hendaklah mengambil kira kenaan GST dalam menyediakan peruntukan. Dalam keadaan kenaan GST melebihi had siling peruntukan PTJ hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada. Oleh itu PTJ perlu membuat perancangan yang teliti dalam setiap perolehan yang hendak dilaksanakan.

- 57. Bolehkah perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja ditawarkan kepada pembekal yang tidak berdaftar GST?**

Perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja boleh ditawarkan kepada pembekal yang tidak berdaftar GST sekiranya kajian pasaran dan perbandingan harga telah dibuat di antara pembekal yang berdaftar GST dengan pembekal yang tidak berdaftar GST dimana harga yang ditawarkan oleh pembekal yang tidak berdaftar GST menguntungkan pihak Kerajaan.

Akaun Amanah

- 58. Adakah perolehan kerajaan yang menggunakan vot Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri sahaja yang diberi pelepasan kenaan GST?**

Pelepasan kenaan GST yang terdapat di dalam Perintah Cukai Barang Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 hanya terpakai untuk perolehan barang yang menggunakan vot (bekalan/ pembangunan/ amanah/ tanggungan) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Perolehan yang menggunakan akaun amanah atau tabung yang mana sumber peruntukan selain daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri (seperti sumbangan/derma/kutipan/hasil jualan dan lain-lain) tidak mendapat pelepasan kenaan GST.

Perolehan yang menggunakan akaun amanah atau tabung yang mana sumber peruntukan bercampur dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri (seperti sumbangan/derma/kutipan/hasil jualan dan lain-lain) tidak mendapat pelepasan kenaan GST.

- 59. Bagi sekolah-sekolah yang berstatus bukan PTJ, Pesanan Kerajaan akan dikeluarkan secara manual dengan**

menggunakan peruntukan Akaun Kerajaan, Akaun Asrama dan Akaun SUWA. Adakah sekolah-sekolah berkenaan mendapat layanan yang sama berkaitan kenaan GST dalam perolehan Kerajaan?

Pelepasan kenaan GST yang terdapat di dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 hanya terpakai untuk perolehan barang yang menggunakan vot (bekalan / pembangunan/ amanah/ tanggungan) Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Perolehan yang menggunakan akaun amanah atau tabung yang mana sumber peruntukan selain daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri (seperti sumbangan/derma/kutipan/hasil jualan dan lain-lain) tidak mendapat pelepasan kenaan GST.

Perolehan yang menggunakan akaun amanah atau tabung yang mana sumber peruntukan bercampur dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri (seperti sumbangan/derma/kutipan/hasil jualan dan lain-lain) tidak mendapat pelepasan kenaan GST.

Sehubungan itu, hanya perolehan yang dibuat melalui peruntukan dari Akaun Kerajaan dan Akaun Asrama tertakluk kepada layanan yang sama berkaitan kenaan GST dalam perolehan Kerajaan.

****Inbois Cukai (Tax Invoice)***

60. Apakah perkara yang perlu terkandung di dalam *Tax Invoice*?

Pembekal hendaklah memastikan bahawa *Tax Invoice* yang dikemukakan kepada Kerajaan mengandungi nombor pendaftaran GST, butiran kos bekalan atau perkhidmatan, jumlah kenaan GST dan lain-lain butiran seperti yang ditetapkan oleh perundangan GST.

61. Terdapat senario di mana Agensi Kerajaan membuat potongan bayaran ke atas inbois yang dikemukakan oleh pembekal atas sebab tertentu. Contohnya:

- a. Denda (kelewatan, Kerajaan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan pembekal);
 - b. Potongan Bayaran Balik Wang Pendahuluan; dan
 - c. Royalti Buku Teks
- Adakah pindaan dibenarkan dibuat ke atas *Tax Invoice* bagi menunjukkan potongan bayaran tersebut?**

Tiada pindaan dibenarkan ke atas inbois.

Pelarasan harga boleh berlaku sekiranya terdapat perbezaan di antara nilai pada Pesanan Kerajaan (harga termasuk kenaan GST) dengan nilai bekalan atau perkhidmatan sebenar yang diterima oleh PTJ. Pengiraan kenaan GST yang baharu akan dibuat semula pada peringkat inbois.

Walau bagaimanapun, PTJ tidak perlu membuat pelarasan harga ke atas kenaan GST bagi potongan yang melibatkan denda, potongan bayaran balik wang pendahuluan, atau pembayaran royalti.

62. Bagaimanakah PTJ hendak membezakan sama ada sesuatu perolehan itu perlu dikeluarkan inbois biasa atau inbois cukai?

Inbois biasa akan dikeluarkan oleh pembekal yang tidak berdaftar GST manakala Inbois Cukai akan dikeluarkan oleh pembekal yang berdaftar GST.

63. Bagi keadaan di mana perkhidmatan bekalan air/elektrik yang diterima oleh Agensi dan dibilkan (tax invoice) kepada Agensi, namun bayaran dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia secara pukal, pihak mana yang patut mengeluarkan CoGSTR?

Pihak yang perlu mengeluarkan CoGSTR adalah agensi yang menerima bekalan air/elektrik. Ini disebabkan kerana bil (*tax invoice*) dikeluarkan atas nama Agensi dan pembekal perkhidmatan memerlukan COGSTR bagi tujuan tidak mengenakan GST ke atas perkhidmatan bekalan air/elektrik.

Pelepasan Bekalan

64. Adakah pembekalan ubat-ubatan dikenakan GST?

Tidak. Pembekalan ubat-ubatan tidak dikenakan GST kerana ia adalah merupakan perolehan bekalan dan mendapat pelepasan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

Kod Perbelanjaan

65. Apakah kod perbelanjaan yang digunakan untuk mengakaunkan GST?

Tiada kod perbelanjaan khas yang diwujudkan untuk mengakaunkan GST. Sehubungan itu, semua kenaan GST perlu dicajkan mengikut kod perolehan yang dibuat oleh Agensi.

Panjar Wang Runcit

66. Adakah perolehan yang dibayar dengan menggunakan Panjar Wang Runcit (*Petty Cash*) termasuk dengan kenaan GST?

Panjar Wang Runcit (PWR) adalah merupakan kaedah bayaran bagi tuntutan bayaran balik ke atas bayaran/perolehan yang telah didahulukan atas nama pegawai tertentu berdasarkan resit tuntutan. Oleh itu, kenaan GST ke atas sesuatu perolehan (sekiranya ada) boleh dibayar dengan menggunakan PWR sama ada ia melibatkan perolehan bekalan atau perkhidmatan bergantung kepada resit tuntutan berkenaan.

Sebagai contoh:

- i) Bayaran ke atas perolehan perkhidmatan makan minum mesyuarat yang dibuat secara *ad-hoc* yang bernilai RM100 dikenakan GST.
- ii) Bayaran ke atas perolehan bekalan fail sebanyak RM50 yang dikenakan GST yang dibeli dari pasar raya atau kedai runcit.

67. Adakah CoGSTR perlu dikeluarkan untuk perolehan bekalan yang dibayar dengan menggunakan Panjar Wang Runcit (*Petty Cash*)?

CoGSTR tidak perlu dikeluarkan bagi perolehan yang dibuat melalui Panjar Wang Runcit kerana ia melibatkan tuntutan bayaran balik daripada individu/pegawai.

Kontrak Pusat

68. Adakah Kontrak Pusat termasuk di dalam kategori kontrak yang mendapat pelepasan GST sekiranya ia ditandatangani sebelum 1 April 2015?

Ya. Kontrak Pusat termasuk di dalam kategori kontrak yang mendapat pelepasan GST sekiranya ia ditandatangani sebelum 1 April 2015.

Tuntutan Cukai Input

69. Adakah pembekal boleh menuntut cukai input bagi kontrak bekalan barang yang ditandatangani sebelum 1 April 2015?

Ya. Pembekal boleh menuntut cukai input bagi kontrak yang ditandatangani sebelum 1 April 2015 dengan mengemukakan kepada pihak KASTAM CoGSTR dan Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima/Kontrak/Inden yang telah dikeluarkan oleh PTJ.

Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) Secara Pukal

- 70. Bagaimanakah cara untuk mengakaunkan kenaan GST di dalam Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)? Adakah kenaan GST termasuk di dalam caj cukai lapangan terbang?**

Kenaan GST hendaklah dimasukkan bersekali dengan harga tambang kapal terbang semasa mengeluarkan WPUA. Kenaan GST adalah ke atas jumlah harga tambang kapal terbang dan cukai lapangan terbang (*Passenger Service Charge* - PSC).

Penentuan Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

- 71. Bagaimanakah hendak mengenal pasti sama ada sesuatu perolehan Kerajaan dikenakan GST atau tidak sekiranya perolehan tersebut mengandungi kombinasi perolehan perkhidmatan dan bekalan? Adakah Surat Setuju Terima/Kontrak berasingan perlu dikeluarkan bagi perolehan seumpama ini?**

Bagi perolehan yang mengandungi kombinasi perkhidmatan dan bekalan, PTJ hendaklah terlebih dahulu memastikan bahawa terdapat hubung kait di antara perolehan perkhidmatan dan bekalan tersebut dan terdapat keperluan serta wajar untuk keduanya diperolehi dalam satu kontrak.

Seterusnya, PTJ perlu menentukan kategori jenis perolehan iaitu sama ada perolehan bekalan atau perkhidmatan berdasarkan maksud utama atau maksud sebenar untuk membuat perolehan tersebut.

Senario 1: Perolehan Bekalan

Contoh : Pembekalan satu (1) unit pendingin hawa 1HP ke Sek. Men. Putrajaya

PTJ membuat perolehan bagi pendingin hawa. Bagi perolehan tersebut, pembekal akan turut mengenakan caj/upah bagi perkhidmatan pemasangan.

Memandangkan tujuan utama atau tujuan sebenar perolehan oleh PTJ adalah untuk mendapatkan pendingin hawa, maka caj/upah bagi perkhidmatan pemasangan tersebut adalah termasuk dan merupakan sebahagian daripada kos perolehan yang perlu dibayar oleh PTJ.

Sehubungan itu, perolehan ini akan dikategorikan sebagai perolehan bekalan yang mendapat pelepasan dari kenaan GST dan caj/upah bagi perkhidmatan pemasangan tidak akan dikenakan GST.

Senario 2: Perolehan Perkhidmatan

Contoh : Perkhidmatan penyelenggaraan satu (1) unit kenderaan Jabatan

PTJ membuat perolehan bagi penyelenggaraan kenderaan Jabatan. PTJ akan dikenakan caj/upah bagi kenderaan yang diselenggara termasuk harga alat ganti yang ditukar.

Memandangkan tujuan utama atau tujuan sebenar perolehan oleh PTJ adalah untuk mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan, alat ganti yang ditukar tersebut akan turut dikenakan GST. Perolehan ini adalah dikategorikan sebagai perolehan perkhidmatan yang dikenakan GST.

Bayaran Utiliti

- 72. Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri menyewa bangunan daripada pihak swasta. Bil utiliti (elektrik, air dll.) dikeluarkan atas nama pemilik bangunan dengan kenaan GST. Adakah Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu membayar bil tersebut dengan kenaan GST?**

Bil tersebut dikeluarkan atas nama pemilik bangunan. Sehubungan itu, ianya tidak diberi pelepasan daripada kenaan GST. Oleh itu, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu membayar bil utiliti tersebut termasuk dengan kenaan GST.

- 73. Adakah bil elektrik, air, pengudaraan (*ventilation*) dan pendingin hawa, dikenakan GST?**

Bagi maksud kenaan GST, elektrik, air, pengudaraan (*ventilation*) dan pendingin hawa adalah ditakrifkan sebagai barang. Sehubungan itu, bekalan utiliti adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST dengan pengeluaran CoGSTR. Untuk perkara ini, CoGSTR perlu dikeluarkan oleh Pejabat Perakaunan bagi pembayaran bil yang dibuat secara pukal kepada setiap Agensi yang berkenaan. Bagi pembayaran bil yang dijelaskan sendiri oleh PTJ, CoGSTR perlu dikeluarkan oleh pihak PTJ sendiri.

Perubahan Harga Kontrak Disebabkan Perubahan Status Pendaftaran GST

- 74. Apakah yang dimaksudkan dengan “berdaftar GST dengan JKDM” untuk membolehkan syarikat/pembekal mengenakan GST kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri?**

Syarikat/firma boleh mengenakan GST bermula pada tarikh kuat kuasa pendaftaran GST masing-masing (bukan tarikh pendaftaran). Sehubungan itu, Agensi Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu menyemak/memastikan tarikh kuat kuasa syarikat/firma terlebih dahulu sebelum membenarkan syarikat/pembekal mengenakan GST kepada mana-mana perolehan Kerajaan. Status dan tarikh kuat kuasa pendaftaran GST syarikat/pembekal boleh disemak melalui laman web gst.customs.gov.my.

- 75. Pada waktu SST/kontrak/pesanan Kerajaan bagi kontrak selama 2 tahun dikeluarkan, syarikat/firma tidak berdaftar GST. Namun, 5 bulan kemudian, syarikat/firma tersebut telah berdaftar GST. Apakah tindakan susulan yang perlu diambil oleh syarikat/firma dan PTJ?**

Setelah memaklumkan perubahan status pendaftaran GST tersebut, syarikat/firma boleh memohon pelarasan harga kontrak dan menuntut sebarang kenaikan GST daripada Agensi mulai tarikh kuat kuasa GST syarikat/firma tersebut dengan syarat kontrak semasa masih berkuat kuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan. Untuk perolehan perkhidmatan, PTJ perlu membuat perubahan harga kontrak (dengan kenaikan GST).

- 76. Surat setuju terima (SST) untuk kontrak perolehan selama dua tahun telah dikeluarkan pada 15 April 2015, dan harga tawaran adalah tanpa kenaikan GST kerana pada waktu tersebut, syarikat masih belum berdaftar GST. Namun pada 15 Jun 2015, syarikat telah berdaftar GST. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Agensi terhadap SST/kontrak setelah syarikat berdaftar GST?**

SST tidak perlu dibuat pindaan. Agensi hanya perlu mengeluarkan surat makluman berkenaan perubahan nilai perolehan dengan tambahan kenaikan GST tertakluk kepada baki harga kontrak yang belum disempurnakan.

Bagi perolehan yang mempunyai kontrak pula, adendum perlu diwujudkan. Bagi perolehan kerja, memadai dengan mengeluarkan pelarasan harga kontrak.

Tanggungjawab syarikat/firma berdaftar GST

- 77. Adakah Agensi bertanggungjawab sekiranya syarikat/firma tidak berdaftar GST dengan JKDM setelah ditawarkan perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan?**

Tidak. Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk mematuhi Akta tersebut.

Surat Setuju Terima (SST)

78. Bagaimanakah kenaikan GST perlu ditunjukkan dalam SST atau Kontrak?

- a. Syarikat telah berdaftar GST tetapi tarikh kuatkuasa belum bermula

Agensi hendaklah menyatakan jumlah harga keseluruhan kontrak tanpa kenaikan GST.

Contoh:

“Dengan ini diberitahu bahawa tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Sahaja) telah disetujui terima.”

Surat makluman perlu dikeluarkan kepada syarikat/firma mengenai perubahan harga tawaran yang mengambil kira kenaikan GST setelah tarikh kuatkuasa pendaftaran GST bermula. Pindaan kepada SST tidak perlu dibuat memadai dengan surat makluman tersebut dan perubahan harga perlu dinyatakan seperti berikut:

- i) Bekalan Dan Perkhidmatan Bukan Perunding

Perubahan harga perlu dimasukkan ke dalam dokumen kontrak.

- ii) Kerja

Pelarasan harga kontrak perlu dibuat berdasarkan kepada harga tawaran termasuk kenaikan GST.

- b. Syarikat telah berdaftar GST dan tarikh kuatkuasa telah bermula

Agensi hendaklah menyatakan jumlah harga keseluruhan kontrak termasuk kenaikan GST. Walau bagaimanapun perincian harga tawaran dan kenaikan GST perlulah ditunjukkan.

Contoh:

“Dengan ini diberitahu bahawa tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga RM1,060,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Enam Puluh Ribu Sahaja) yang mengandungi harga tawaran syarikat sebanyak RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta

Sahaja), dan kenaan GST sebanyak RM60,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu Sahaja) telah disetuju terima.”

Pembelian/Penyewaan Hartanah

- 79. Adakah pembelian hartanah (tanah dan/atau bangunan) oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri dikenakan GST?**

Pembelian hartanah oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST.

- 80. Adakah premis Kerajaan yang disewakan (contohnya oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM) dikenakan GST?**

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang tidak berdaftar GST tidak boleh mengenakan GST. Oleh itu, premis Kerajaan (Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang tidak berdaftar GST) yang disewakan tidak dikenakan GST.

Sekiranya Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri melantik pihak ketiga untuk menguruskan premis tersebut dan inbois dikeluarkan oleh pihak ketiga tersebut, maka GST dikenakan oleh pihak ketiga tersebut (sekiranya berdaftar GST) kepada pelanggan (termasuk Agensi Kerajaan).

Perolehan Bahan Bakar Secara Pukal

- 81. Adakah perolehan semua bahan bakar secara pukal (seperti RON95, RON 97, diesel, LPG (50kg) dan *aviation fuel* (AVGAS)) oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dikenakan GST?**

Perolehan semua bahan bakar secara pukal adalah dikenakan GST.

- 82. Adakah perolehan minyak pelincir dikenakan GST?**

Perolehan minyak pelincir diberi pelepasan daripada kenaan GST.

Syarikat Pemfaktor

- 83. Adakah PTJ perlu membayar kenaan GST yang dikenakan oleh Syarikat pemfaktor (yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan) kepada syarikat/kontraktor yang berkontrak dengan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri?**

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tidak perlu membayar kenaan GST yang dikenakan oleh Syarikat pemfaktor

(yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan) kepada syarikat/kontraktor yang berkontrak dengan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ini kerana perkhidmatan syarikat pemfaktor tersebut adalah di antara (diberikan kepada) syarikat/kontraktor yang berkontrak dengan Kerajaan, dan bukan secara langsung dengan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Perolehan Percetakan Dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

- 84. Adakah perolehan perkhidmatan percetakan dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dikategorikan sebagai perolehan perkhidmatan dan dikenakan GST?**

Ya. Perolehan perkhidmatan percetakan dengan PNMB dikategorikan sebagai perolehan perkhidmatan dan dikenakan GST. Contohnya perolehan perkhidmatan cetakan borang dan kepala surat (*letter head*). Walau bagaimanapun, bagi barangan (bekalan) *on the shelf* yang dijual oleh PNMB (tidak melibatkan perkhidmatan cetakan), ia dikategorikan sebagai perolehan bekalan dan diberi pelepasan daripada dikenakan GST.

Perolehan Perisian

- 85. Adakah bayaran lesen bagi penggunaan perisian dikenakan GST?**

Perolehan komputer bersama lesen perisian secara sekaligus adalah diberi pelepasan daripada dikenakan GST kerana dikategorikan sebagai perolehan bekalan. Sekiranya perolehan lesen perisian dibuat secara berasingan atau melibatkan pembaharuan lesen perisian, ianya dikategorikan sebagai perolehan perkhidmatan dan dikenakan GST.

Sistem ePerolehan (eP)

- 86. Siapakah yang perlu berdaftar GST dengan JKDM dan menggunakan Sistem ePerolehan (eP)?**

Mana-mana pembekal yang ditawarkan kontrak perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu setahun yang mana tempoh kontrak adalah sehingga atau melepasi 1 April 2015 perlu berdaftar GST serta hendaklah eP *enabled* dan menggunakan Sistem eP.

- 87. Apakah kegunaan nombor pendaftaran GST ini di dalam Sistem ePerolehan?**

Nombor pendaftaran GST ini perlu dikunci masuk di dalam Sistem eP bagi menentukan sama ada sistem akan menjana *Tax Invoice* atau inbois biasa.

- 88. Di modul manakah pembekal/syarikat perlu mengunci masuk nombor pendaftaran GST di dalam Sistem eP?**

Pembekal/syarikat perlu mengunci masuk nombor pendaftaran GST pada Modul Pendaftaran Pembekal di dalam Sistem eP.

- 89. Sekiranya pembekal/syarikat bukan eP enable, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengunci masuk nombor pendaftaran GST?**

PTJ bertanggungjawab untuk mengunci masuk nombor pendaftaran GST sekiranya pembekal/syarikat bukan eP *enable*.

- 90. Di modul manakah PTJ perlu mengunci masuk nombor pendaftaran GST di dalam Sistem eP?**

PTJ perlu mengunci masuk nombor pendaftaran GST pada Modul Pembelian Terus di dalam Sistem eP.

- 91. Bagaimanakah pengeluaran Pesanan Tempatan perlu dilakukan di dalam Sistem eP?**

(a) PT hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan bekalan yang dikenakan GST dengan perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST walaupun bekalan diperolehi daripada satu pembekal ataupun berdasarkan satu kontrak;

(b) PT hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan perkhidmatan yang dikenakan GST dengan perolehan perkhidmatan yang mendapat pelepasan GST walaupun perkhidmatan diperolehi daripada satu pembekal ataupun berdasarkan satu kontrak. (Cth: Perolehan Perkhidmatan yang melibatkan DA); dan

(c) PT hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan bekalan dan perolehan perkhidmatan sekiranya tiada hubungan di antara item-item tersebut. (Cth: Perolehan kertas dan perkhidmatan katering).

- 92. Mengapakah Pesanan Tempatan perlu dikeluarkan secara berasingan bagi perolehan yang dikenakan GST dengan perolehan yang mendapat pelepasan GST?**

Ini adalah supaya Sistem eP dapat membezakan sama ada perolehan tersebut perlu dikeluarkan inbois biasa atau *Tax Invoice*.

- 93. Akta GST 2014 memperuntukkan bahawa Tax Invoice hendaklah dikeluarkan oleh pembekal dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pembekalan dan perkhidmatan disempurnakan. Bilakah bermulanya tempoh pengiraan 21 hari ini di dalam Sistem eP?**

Tempoh 21 hari bagi pengeluaran *Tax Invoice* oleh pembekal dalam Sistem eP adalah bermula daripada tarikh *Delivery Order* (DO) atau Nota Penerimaan Perkhidmatan (NPP) disahkan oleh PTJ sama ada secara atas talian atau luar talian (*offline*).

- 94. CoGSTR akan dijana secara automatik di dalam Sistem eP selepas Pesanan Tempatan diluluskan. Apakah tindakan yang perlu diambil selepas CoGSTR tersebut dijana?**

- (a) Dicitak oleh pembekal jika CoGSTR dikemukakan secara dalam talian; dan
- (b) Dicitak dan dikemukakan oleh PTJ kepada pembekal jika CoGSTR dikemukakan secara luar talian.

Pembekal, selaku pihak yang hendak membuat tuntutan ke atas kenaikan GST kepada JKDM, bertanggungjawab untuk menyimpan rekod CoGSTR.

Oleh itu, CoGSTR yang dijana melalui Sistem eP tidak perlu dibuat salinan oleh pihak PTJ. Ini kerana CoGSTR tersebut boleh dijana semula oleh PTJ pada bila-bila masa apabila ia diperlukan. Namun, PTJ masing-masing boleh mencetak dan menyimpan CoGSTR tersebut bagi tujuan kawalan dalaman.

- 95. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ sekiranya Pesanan Tempatan tidak dikeluarkan melalui Sistem eP?**

PTJ perlu mengeluarkan CoGSTR secara manual bagi pembekalan yang mendapat pelepasan GST dan mengemukakan kepada pembekal. Satu (1) salinan CoGSTR yang dikeluarkan hendaklah disimpan oleh PTJ bagi tujuan rujukan apabila ia diperlukan dan diberikan nombor siri secara berturutan supaya dapat dibezakan di antara transaksi CoGSTR yang dikeluarkan secara manual berbanding yang dijana melalui Sistem eP.

- 96. Bagaimanakah kaedah Pengeluaran Pesanan Kerajaan (PK) perlu dilaksanakan selepas 1 April 2015?**

Pengeluaran PK hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- a. PK hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan bekalan yang dikenakan GST dengan perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST walaupun bekalan

diperolehi daripada satu pembekal ataupun berdasarkan satu kontrak;

- b. PK hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan perkhidmatan yang dikenakan GST dengan perolehan perkhidmatan yang mendapat pelepasan GST walaupun perkhidmatan diperolehi daripada satu pembekal ataupun berdasarkan satu kontrak. (Cth: Perolehan Perkhidmatan yang melibatkan DA); dan
- c. PK hendaklah dikeluarkan secara berasingan di antara perolehan bekalan dan perolehan perkhidmatan sekiranya tiada hubung kait di antara item-item tersebut.

Sehubungan itu, bagi perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender, PK yang dikeluarkan oleh PTJ bagi perolehan yang dikenakan GST dan yang dibekalkan oleh pembekal berdaftar GST hendaklah mengandungi butiran kos bekalan atau perkhidmatan tersebut dan jumlah kenaan GST.

- 97. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ sekiranya pembekal berdaftar GST tetapi tidak boleh mengemaskini nombor pendaftaran GST di dalam Sistem eP disebabkan telah menghantar permohonan untuk pembaharuan Sijil Kementerian Kewangan/ permohonan perubahan maklumat profil syarikat/permohonan pengemaskinian nombor pendaftaran GST dalam salah satu bidang perunding atau kontraktor (bekalan/perkhidmatan)?**

PTJ perlu memaklumkan kepada pembekal untuk menggunakan borang manual yang boleh di muat turun melalui laman sesawang Sistem ePerolehan dan mengemukakannya kepada Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

PTJ boleh menghubungi Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan sekiranya terdapat keperluan bagi kelulusan pengemaskinian nombor pendaftaran GST dalam Sistem eP disegerakan.

- 98. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ untuk melaksanakan perolehan dengan pembekal yang berdaftar GST tetapi bukan eP enabled?**

PTJ perlu mengunci masuk nombor pendaftaran GST pembekal dalam Modul Pembelian Terus semasa membuat pesanan perolehan. Namun PTJ perlu menasihatkan Pembekal supaya berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berstatus *eP enabled* bagi mengelakkan sebarang kesulitan pada masa akan datang apabila Sistem eP baharu mula beroperasi.

- 99. Adakah Sijil Pelepasan GST (CoGSTR) perlu dikeluarkan untuk perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015?**

Ya. Sijil Pelepasan GST (CoGSTR) perlu dikeluarkan untuk perolehan bekalan yang mendapat pelepasan GST bagi kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015 dengan syarat pembekalan disempurnakan selepas 1 April 2015.

- 100. Bagaimanakah cara untuk PTJ mengeluarkan Sijil Pelepasan GST (CoGSTR) bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015?**

PTJ perlu mengeluarkan CoGSTR secara manual bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015 sehingga Sistem ePerolehan ditambah baik dan boleh menjana sijil tersebut.

Bagi perolehan yang dilaksanakan pada atau selepas 1 April 2015, PTJ boleh menjana CoGSTR melalui Sistem eP dalam Modul Pembelian Terus. Oleh itu, bagi kontrak baharu yang mana SST telah ditandatangani selepas 1 April 2015, PTJ bolehlah membuat pesanan melalui Modul Pembelian Terus (*Ministry Contract's riding on Direct Purchase*).

- 101. Bilakah CoGSTR perlu dikeluarkan dan adakah ia perlu dihantar kepada pembekal?**

CoGSTR akan dijana secara automatik selepas Pesanan Kerajaan diluluskan. CoGSTR tersebut perlu:

- i) Dicitak oleh pembekal jika CoGSTR dikemukakan secara dalam talian; dan
- ii) Dicitak dan dikemukakan oleh PTJ kepada pembekal jika CoGSTR dikemukakan secara luar talian.

Pembekal, selaku pihak yang hendak membuat tuntutan ke atas kenaikan GST kepada JKDM, bertanggungjawab untuk menyimpan rekod CoGSTR.

- 102. Adakah CoGSTR ini perlu dicetak dan disimpan oleh PTJ?**

CoGSTR yang dijana melalui Sistem eP tidak perlu dibuat salinan oleh pihak PTJ. Ini kerana CoGSTR tersebut boleh dijana semula oleh PTJ pada bila-bila masa apabila ia diperlukan. Namun, PTJ

masing-masing boleh mencetak dan menyimpan CoGSTR tersebut bagi tujuan kawalan dalaman.

Bagi pengeluaran PK yang tidak dicipta di dalam Sistem eP, CoGSTR hendaklah dikeluarkan secara manual dan dikemukakan kepada pembekal oleh pihak PTJ. Satu (1) salinan CoGSTR yang dikeluarkan hendaklah disimpan oleh PTJ bagi tujuan rujukan apabila ia diperlukan dan diberikan nombor siri secara berturutan supaya dapat dibezakan di antara transaksi CoGSTR yang dikeluarkan secara manual berbanding yang dijana melalui Sistem eP.

103. Di manakah format CoGSTR secara manual boleh diperolehi?

Format CoGSTR secara manual boleh diperolehi/dimuat turun di portal ePerolehan.

104. Pada masa ini, didapati hanya inbois biasa dijana melalui Sistem eP bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015. Adakah inbois biasa ini boleh diterima atau adakah Inbois Cukai perlu dikeluarkan/dikemukakan oleh pembekal yang berdaftar GST bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015?

Bagi pembekal yang tidak berdaftar GST, PTJ masih boleh mengguna pakai inbois biasa yang dijana melalui Sistem eP.

Sekiranya pembekal berdaftar GST, PTJ perlu meminta pembekal mengemukakan Inbois Cukai secara manual, memandangkan Sistem eP sedang ditambah baik dan belum boleh menjana Inbois Cukai. Inbois Cukai tersebut hendaklah menunjukkan kenaan GST adalah 'Nil' bagi Kontrak/Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima yang telah dikeluarkan/ditandatangani sebelum 1 April 2015.

105. Adakah Sistem eP akan menjana Inbois Cukai dengan menunjukkan potongan fi perkhidmatan dan kenaan GST secara automatik?

Ya. Amaun bersih perolehan yang dibayar kepada pembekal, amaun potongan fi perkhidmatan dan kenaan GST akan ditunjukkan secara automatik pada Inbois Cukai yang dijana melalui Sistem eP.

106. Bagaimanakah cara untuk mengetahui sama ada pembekal telah berdaftar GST atau sebaliknya di dalam Sistem eP?

Nombor pendaftaran GST akan dipaparkan sekiranya pembekal yang berdaftar GST telah mengemaskini profil di dalam Sistem eP ketika PTJ membuat transaksi secara atas talian. Sekiranya nombor pendaftaran GST tidak dipaparkan, PTJ perlu membuat pengesahan dengan pembekal mengenai status pendaftaran GST dan meminta pembekal untuk mengemaskini nombor pendaftaran GST dalam Modul Pendaftaran Pembekal sekiranya pembekal berdaftar GST.

107. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya PTJ/Peminta telah tersalah mengunci masuk nombor pendaftaran GST?

Pesanan Kerajaan/Kontrak/Surat Setuju Terima dan CoGSTR (bagi perolehan bekalan) hendaklah dibatalkan dan nombor pendaftaran yang baharu perlu dikunci masuk semula oleh PTJ/Peminta.

108. Nilai kontrak di dalam SST bagi sistem sedia ada adalah berdasarkan tawaran harga pembekal iaitu tanpa kenaan GST. Bagaimanakah SST hendak dikeluarkan di dalam Sistem eP dengan kenaan GST sekiranya pembekal tersebut berdaftar GST?

SST ditandatangani selepas 1 April 2015

Syarikat tidak berdaftar GST

Modul sedia ada boleh diguna pakai. Oleh itu, PTJ boleh menjana SST melalui sistem dan Modul Kontrak Kementerian boleh diguna pakai seperti biasa.

Syarikat belum berdaftar GST tetapi perlu berdaftar GST

Syarikat belum berdaftar GST tetapi telah berjaya untuk ditawarkan perolehan bernilai melebihi RM500k dalam tempoh 12 bulan (tanpa GST).

Sebelum SST dikeluarkan, PTJ hendaklah menyemak status pendaftaran GST pembekal melalui laporan profil pembekal. Sekiranya laporan profil menunjukkan pembekal tidak berdaftar GST, tindakan PTJ adalah seperti berikut:

- PTJ hendaklah membuat semakan dengan menghubungi pembekal atau menyemak melalui Portal JKDM berdasarkan nama syarikat/ nombor SSM bagi mengesahkan status pendaftaran GST sebenar;
- Sekiranya syarikat tidak berdaftar GST, PTJ hendaklah mengeluarkan SST tanpa kenaan GST;

- Setelah SST dikeluarkan, dan kontrak masih berkuatkuasa, apabila syarikat telah berdaftar GST, syarikat hendaklah memaklumkan status pendaftaran kepada PTJ;
- Surat makluman hendaklah dikeluarkan oleh PTJ tentang perubahan nilai kontrak (mengambil kira kenaikan GST);
- Sekiranya kontrak telah ditandatangani, adendum perlu diwujudkan;
- Pentadbir Kontrak perlu mengemaskini maklumat kontrak dalam Modul Pentadbiran Kontrak berdasarkan nilai kontrak yang baru.

Syarikat telah berdaftar GST

Senario 1:

Sekiranya pembekal berdaftar GST dan telah mengemaskini pendaftaran GST dalam Modul Pendaftaran Pembekal (SR) sebelum SST dikeluarkan, pindaan kepada nilai kontrak di dalam SST perlu dibuat oleh PTJ supaya nilai kontrak mengambil kira kenaikan GST.

Sebelum SST dikeluarkan, PTJ hendaklah menyemak status pendaftaran GST pembekal melalui laporan profil pembekal. Sekiranya laporan profil menunjukkan pembekal tidak berdaftar GST, PTJ hendaklah membuat semakan dengan menghubungi pembekal atau menyemak melalui Portal JKDM berdasarkan nama syarikat/ nombor SSM bagi mengesahkan status pendaftaran GST sebenar.

SST dengan kenaikan GST hendaklah dikeluarkan secara manual oleh PTJ sehingga Sistem eP ditambah baik. Pentadbir kontrak perlu mengemaskini harga kontrak berdasarkan harga SST yang dikeluarkan secara manual tersebut.

Senario 2:

Sekiranya pembekal berdaftar GST dan telah mengemaskini pendaftaran GST dalam modul SR selepas SST dikeluarkan, surat makluman hendaklah dikeluarkan oleh PTJ tentang perubahan nilai kontrak (mengambil kira kenaikan GST);

- Sekiranya kontrak telah dikunci masuk di dalam Modul Kontrak Kementerian, maklumat kontrak perlu dikemaskini semula berdasarkan nilai kontrak baru dan surat makluman hendaklah dimuat naik di dalam Modul Kontrak Kementerian.
- Sekiranya kontrak perlu diwujudkan tetapi belum dikunci masuk dalam Modul Kontrak Kementerian, kontrak hendaklah dikunci masuk berdasarkan nilai kontrak yang baru dan surat makluman hendaklah dimuat naik dalam Modul Kontrak Kementerian.

- Sekiranya tiada kontrak bagi perolehan tersebut dan menggunakan Modul Pembelian Terus, PK dengan kenaan GST akan dikeluarkan di dalam Modul Pembelian Terus mulai tarikh surat makluman.

109. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ sepanjang tempoh peralihan (1 April 2015 hingga Sistem eP ditambah baik) bagi transaksi Kontrak Kementerian di dalam Sistem eP?

Kontrak Sedia Ada (SST ditandatangani sebelum 1 April 2015):

Transaksi boleh diteruskan dengan menggunakan Modul Kontrak Kementerian. Walau bagaimanapun, sekiranya pembekal berdaftar GST, CoGSTR dan Inbois Cukai hendaklah dikeluarkan secara manual oleh PTJ dan pembekal masing-masing.

Kontrak Baharu (SST ditandatangani pada atau selepas 1 April 2015):

Transaksi boleh diteruskan dengan menggunakan Modul Pembelian Terus melalui kaedah perolehan secara *Ministry Contract's Riding on Direct Purchase*.

PTJ boleh memaklumkan kepada pembekal supaya merujuk kepada pihak Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) jika terdapat sebarang tuntutan berkaitan lebihan potongan fi perkhidmatan.

Perolehan di Kawasan Ditetapkan (Designated Area – DA)

110. Apakah yang dimaksudkan dengan Kawasan Ditetapkan (Designated Area – DA)?

DA adalah kawasan yang dikecualikan daripada kenaan GST kecuali bagi beberapa pembekalan/perkhidmatan. Setakat ini, ia merangkumi tiga kawasan iaitu Langkawi, Tioman, dan Labuan.

111. Bagaimanakah layanan GST bagi Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di DA?

GST di DA bagi Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tetap diberi pelepasan (*relief*) ke atas barang seperti mana dinikmati oleh jabatan di tanah besar (selain kawasan DA). Sebagai contoh Ibu Pejabat Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) melaksanakan perolehan pembekalan kasut untuk cawangannya di Langkawi - tidak dikenakan GST. Contoh lain, cawangan JKDM di Langkawi membuat perolehan kasut untuk pegawai kastam di Langkawi – tidak dikenakan GST.

112. Adakah CoGSTR perlu dikeluarkan bagi perolehan bekalan barang di DA?

CoGSTR tidak perlu dikeluarkan bagi semua perolehan bekalan barang di DA (semua barang di DA tidak bercukai), kecuali bagi enam item/barang (yang dikenakan cukai di DA) iaitu petrol Ron95, diesel, getah, marmar, simen dan gas petroleum cecair (*Liquified Petroleum Gas* - LPG). Item/barangan ini mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman sesawang gst.customs.gov.my.

113. Apakah perkhidmatan sewaan pengangkutan termasuk dalam definisi perkhidmatan pengangkutan di DA?

Tidak. Perkhidmatan pengangkutan yang dimaksudkan di DA merupakan perkhidmatan pengangkutan yang merujuk kepada perkhidmatan *freight services*.

INDUSTRIAL COLLABORATION PROGRAM (ICP)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Kolaborasi Industri (ICP)?

ICP adalah inisiatif Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan nilai faedah terbaik (*best value for money*) dalam program Perolehan Kerajaan dengan membangunkan aktiviti ekonomi yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dalam menyokong perolehan utama. ICP dicetuskan melalui perolehan mengikut had nilai yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (ICP) Dalam Perolehan Kerajaan.

2. Adakah negara lain melaksanakan ICP?

ICP atau dalam pelbagai istilah yang lain seperti program *offset*, timbal balas, kerjasama industri dan lain-lain telah diamalkan oleh banyak negara lain untuk menyokong pembangunan industri tempatan mereka. Contohnya ialah Turki, Korea Selatan, Taiwan, Jepun, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Kuwait, Afrika Selatan dan lain-lain lagi.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program yang seumpamanya bagi ICP di internet dengan menggunakan kata kunci seperti 'program kerjasama perindustrian, program *offset*, timbal balas, penyertaan perniagaan' dan lain-lain.

3. Bagaimana ICP diuruskan?

Di Malaysia, pelaksanaan ICP diuruskan oleh beberapa jawatankuasa seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Eksekutif ICP Malaysia (MIEC) - dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang merupakan Jawatankuasa ICP tertinggi di Malaysia;
- b. Jawatankuasa ICP (IC) - dipengerusikan oleh Ketua Agensi Kerajaan/Syarikat (Ketua Setiausaha atau setaraf);
- c. Jawatankuasa Kerja ICP (IWC) - dipengerusikan oleh Ketua Unit Pengurusan ICP (*ICP Management Unit* - IMU).

Garis panduan pelaksanaan utama adalah dalam bentuk Rangka Kerja Pengurusan ICP Malaysia yang mana kaedah pelaksanaannya terdapat dalam Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (ICP) Dalam Perolehan Kerajaan. TDA dan IMU diwujudkan adalah bagi memastikan bahawa Agensi yang melaksanakan ICP mematuhi proses yang ditetapkan dalam rangka kerja tersebut.

4. Siapakah Agensi Depositori Teknologi (TDA)?

TDA ditubuhkan di bawah prerogatif Kementerian Kewangan dan diberi mandat sebagai Agensi Pusat bagi memantau, menganalisa dan menguruskan pangkalan data berkaitan dengan pelaksanaan ICP di Malaysia.

5. Bagaimana pembekal akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan ICP?

Pembekal (penyedia ICP) akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan ICP melalui:

- a. Kos yang lebih berdaya saing dalam memindahkan beberapa pakej kerja (boleh dibentuk sebagai sebahagian daripada program *offset* tidak langsung) ke Malaysia.
- b. Mewujudkan peluang perniagaan yang lebih komprehensif di Malaysia.
- c. Peluang untuk meneroka teknologi yang dibangunkan oleh institusi penyelidikan tempatan dan universiti.

6. Apakah Nilai Kredit ICP (ICV)?

Nilai Kredit ICP (ICV) adalah nilai kredit yang dijana dalam tempoh pelaksanaan program ICP bagi mematuhi Perjanjian ICP. ICV Mandatori (dalam Ringgit Malaysia) bagi sesuatu program ICP hendaklah dikira berdasarkan kepada kadar minimum seratus peratus (100%) daripada nilai Kontrak Perolehan Utama.

7. Bagaimana untuk mengaitkan pertumbuhan pasaran (contohnya program lokalisasi bagi peralatan dan komponen keretapi) dengan ICP memandangkan kita mempunyai produk-produk yang pelbagai?

Dengan memanfaatkan platform ICP, pihak berkepentingan perlu menyokong pelan yang digariskan oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan industri tempatan dengan berkesan melalui Dokumen Strategi ICP (ISD). ISD ini direka untuk menyelaraskan bekalan dan permintaan industri serta untuk mewujudkan/menggunakan piawaian yang seragam bagi pertumbuhan pasaran tempatan.

8. Jika kita menyatakan keperluan dalam kontrak/perjanjian, ia seolah-olah seperti kita mengarah/menetapkan apa yang perlu dilaksanakan oleh pembekal ICP. Adakah wajar untuk berbuat demikian?

Syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak /perjanjian adalah diperlukan untuk menyokong pembangunan industri tempatan. Kerajaan tidak mengarah/menetapkan apa yang perlu dilaksanakan oleh pembekal ICP malahan mereka diberi peluang untuk mencadangkan dengan justifikasi yang boleh diterima. Walau bagaimanapun, hendaklah ada keseimbangan antara cadangan dan keperluan semasa di negara ini untuk memastikan hasil yang berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

9. Jika Agensi saya mempunyai perolehan yang layak dikenakan ICP, adakah saya perlu pergi kepada TDA?

Ya. Ia boleh dilaksanakan dengan kedua-dua cara (sama ada Agensi atau TDA yang memulakan inisiatif) untuk memastikan penyedia ICP (obligor) memahami keperluan ICP dalam perspektif yang betul.

10. Jika *Original Equipment Manufacturer* (OEM) atau Penyedia ICP perlu menjalankan program ICP, adakah ia akan melibatkan sebarang kos? Bagaimana mereka boleh memastikan bahawa tidak akan ada kenaikan harga kontrak?

Tiada sebarang kos berkadar langsung yang terlibat. ICP adalah merupakan satu pelaburan dan akan memberi manfaat kepada penyedia ICP melalui pembangunan pelan perniagaan yang berkesan dan akan memberi pulangan pelaburan (ROI) dalam jangka masa yang panjang.

11. Bagaimana untuk membezakan PPE?, Perdagangan Timbal Balas dan Offset?

Terdapat penjelasan mengenai perkara ini dalam Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (ICP) Dalam Perolehan Kerajaan.

12. Berapa lamakah tempoh Program ICP?

Kewajipan ICP hendaklah disiapkan dalam tempoh Kontrak Perolehan Utama atau lebih awal. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana obligor yang memerlukan perlanjutan masa (EOT), obligor hendaklah berunding dan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan melalui TDA atau IMU bagi keperluan tersebut, tertakluk kepada kelulusan Malaysian ICP Executive Committee (MIEC) atau Pihak Berkuasa Melulus MOF yang dilantik.

13. Adakah terdapat sebarang kemungkinan Program ICP yang ditamatkan?

Ya. Terma-terma dan syarat-syarat akan dinyatakan dengan jelas di dalam Perjanjian ICP.

14. Adakah Arahan Perubahan (VO) terpakai bagi Program ICP?

Tidak ada VO secara khusus dalam Program ICP itu. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat VO yang dikenakan ke atas Perolehan Kontrak Utama, ia akan memberi kesan kepada terma-terma dan syarat-syarat pelaksanaan ICP juga.

15. Sekiranya Program ICP itu tidak dipersetujui, adakah ia akan memberi kesan kepada pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama? Bagaimana untuk memastikan tiada kelewatan?

Tempoh program ICP akan dilaksanakan serentak dengan tempoh masa Kontrak Perolehan Utama untuk mempercepatkan proses

berkaitan. Sekiranya berlaku kelewatan Perjanjian Program ICP, isu itu akan dibentang kepada Kerajaan melalui TDA dan IMU untuk diselesaikan di peringkat Jawatankuasa ICP (IC) atau Jawatankuasa Eksekutif ICP Malaysia (MIEC).

16. Jika kita mempunyai perolehan dilaksanakan dalam masa yang singkat, bagaimanakah kita menanganinya?

TDA dan Agensi boleh membangunkan rancangan untuk penyelesaian mengikut kesesuaian.

17. Kebiasaannya, adalah sukar untuk menandatangani Perolehan Kontrak Utama dan Perjanjian ICP bersama-sama. Bagaimana Kerajaan akan menangani keadaan ini?

Berdasarkan kepada Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (ICP) Dalam Perolehan Kerajaan, obligor dan Kerajaan perlu sekurang-kurangnya mengenal pasti dan bersetuju dengan 40% daripada jumlah mandatori Nilai Kredit ICP bagi membolehkan Perjanjian ICP untuk ditandatangani. Baki mandatori Nilai Kredit ICP (sekurang-kurangnya 60%) perlu dikenal pasti dan dipersetujui tidak lebih daripada 12 bulan selepas Perjanjian ICP Utama ditandatangani.

KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN

1. Apakah kaedah-kaedah perolehan kerajaan

- a) Perolehan melalui panjar wang runcit
- b) Perolehan melalui kontrak pusat/sistem panel
- c) Pembelian terus
- d) Perolehan melalui sebut harga
- e) Perolehan melalui tender (terbuka/terhad)

2. Apakah had nilai perolehan melalui panjar wang runcit dan syaratnya?

Had nilai perolehan melalui panjar wang runcit adalah tidak melebihi RM500.00 bagi satu resit pembelian. Perolehan melalui panjar wang runcit adalah untuk kegunaan segera. Tiada dokumen pembelian diperlukan (memadai dengan resit sahaja).

3. Bolehkah kontrak kuantiti atau kontrak bermasa Kementerian /Jabatan lain ditumpang oleh agensi lain?

Boleh, Agensi lain boleh memperoleh bekalan barangan yang diperlukan dari kontrak kuantiti atau kontrak bermasa

Kementerian/Jabatan yang telah mempunyai kontrak sebagai pengguna utama sesuatu barangan atau dari kontraktornya di atas syarat-syarat yang sama, dengan syarat:

- (a) kebenaran diperolehi daripada Kementerian/Jabatan berkaitan;
- (b) kelulusan Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri diperolehi terlebih dahulu; dan
- (c) kontrak tidak melibatkan tambahan siling kontrak atau kuantiti (baki yang belum diperolehi oleh Kementerian/jabatan sahaja boleh dibeli oleh agensi yang menumpang).

Pembelian Terus

1. Apakah had nilai pembelian terus dan syarat-syaratnya?

Had nilai pembelian terus adalah sehingga RM20,000 bagi setiap jenis item bekalan atau perkhidmatan. Pembelian terus boleh dibuat daripada mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.

2. Bolehkah pembelian terus sehingga RM20,000 dilaksanakan untuk semua jenis perolehan bekalan dan perkhidmatan?

Pembelian terus sehingga RM20,000 boleh dilaksanakan bagi kebanyakan perolehan bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika terdapat arahan di dalam 1PP/PK yang menetapkan kaedah perolehan yang perlu dilaksanakan oleh Agensi atau pembelian dibuat melalui panel pembekal/pembekal tertentu, maka 1PP/PK berkenaan hendaklah dipatuhi. Contohnya seperti perkhidmatan percetakan, pembekalan dan penyerahan buku-buku cetakan dan terbitan luar negara, tempahan tiket kapal terbang, pengangkutan barangan import dan sebagainya.

3. Bagaimanakah untuk menentukan harga yang dikenakan bagi perolehan secara pembelian terus adalah harga yang berpatutan?

Adalah menjadi kewajipan setiap pegawai yang menguruskan perolehan membuat kajian pasaran bagi memastikan harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan. Pegawai hendaklah menentukan tawaran harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan setelah mengambil kira kualiti, harga, kegunaan barang itu dan faktor-faktor lain yang berkaitan termasuk kos penghantaran, tempoh waranti, khidmat selepas jualan dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian pasaran hendaklah dibuat terlebih dahulu bagi mendapatkan sebut harga secara tidak

rasmi daripada beberapa pembekal/syarikat sebelum perolehan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebut harga tidak rasmi tersebut tidak perlu dibuka, diadualkan atau dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga.

4. Bolehkah pembelian terus dibuat daripada pembekal yang sama?

Selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan, perolehan secara pembelian terus hendaklah tidak tertumpu kepada pembekal yang sama/tertentu dan semua pembekal hendaklah diberi peluang yang sama.

6. Apakah kaedah yang boleh diguna pakai sebagai Kajian Pasaran bagi perolehan secara pembelian terus?

Selaras dengan 1PP/PK2, Agensi perlu mendapatkan tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan melalui kaedah kajian pasaran yang ditentukan Agensi sendiri.

Agensi boleh membuat kajian pasaran mengikut kesesuaian seperti dalam bentuk sebut harga (*quotation*) tidak formal, *window shopping*, carian dari laman web, harga pembelian lampau dan lain-lain. Agensi boleh menentukan kaedah kajian pasaran yang paling sesuai dengan bekalan/perkhidmatan yang ingin diperolehi.

7. Agensi telah mengeluarkan Pesanan Kerajaan kepada syarikat ABC supaya membekalkan item tertentu yang bernilai RM15,000 dengan tempoh pembekalan yang diperlukan secara segera atau tidak lewat daripada 7 hari. Namun setelah 30 hari syarikat ABC masih belum membekalkan item tersebut. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Agensi?

Agensi boleh membatalkan Pesanan Kerajaan yang telah dikeluarkan (dengan pemberitahuan secara bertulis) kepada syarikat ABC dan membeli daripada pembekal lain.

8. Sekiranya pembiayaan bagi perolehan projek/kajian terdiri daripada kombinasi peruntukan Kerajaan Persekutuan dan juga peruntukan sumber-sumber lain (seperti sumbangan dana sendiri, kutipan ahli, Kerajaan Negeri, institusi kewangan tempatan, dana asing dsb), adakah Agensi tertakluk kepada pemakaian peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan?

Ya, tidak mengira sama ada peratus peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam perolehan tersebut adalah kecil atau besar. Walau bagaimanapun, bagi perolehan yang melibatkan pembiayaan dana asing atau institusi kewangan tempatan, Agensi

adalah juga tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pembiayaan, sekiranya ada.

Kontrak Pusat Kertas A4 Putih 80 GSM

1) Apakah kaedah perolehan bagi kertas A4 Putih 80 gsm?

Kaedah perolehan bagi kertas A4 Putih 80 gsm adalah secara kontrak pusat. Agensi hanya perlu mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara atas talian (ePerolehan) bagi Agensi eP *enabled* dan mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara manual bagi Agensi yang tidak eP *enabled* dan tidak tertakluk kepada sebarang had nilai perolehan.

2) Siapakah pengguna kontrak pusat Kertas A4 Putih 80 gsm?

Pengguna kontrak pusat Kertas A4 Putih 80 gsm ialah semua Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia dan tidak termasuk Agensi Kerajaan di Negeri Sabah dan Sarawak.

3) Apakah Agensi kerajaan yang perlu menggunakan kontrak pusat Kertas A4 Putih 80 gsm?

Agensi Kerajaan yang perlu menggunakan kontrak pusat kertas A4 Putih 80 gsm adalah semua Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

4) Apakah kaedah perolehan kertas selain kertas A4 Putih 80 gsm?

Kaedah perolehan kertas selain daripada kertas A4 Putih 80 gsm adalah mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa.

5) Mengapakah Kementerian Kewangan mewujudkan Kontrak Pusat bagi pembekalan kertas A4 Putih 80 gsm untuk kegunaan semua Agensi di Semenanjung Malaysia?

Kementerian Kewangan mewujudkan Kontrak Pusat bagi pembekalan Kertas A4 Putih 80 gsm adalah selaras dengan program Transformasi Perbendaharaan, dalam melaksanakan langkah penjimatan dan mengoptimumkan perbelanjaan.

6) Bilakah Kontrak Pusat Kertas A4 Putih 80 gsm berkuat kuasa bagi semua Agensi di Semenanjung Malaysia?

Kontrak Pusat bagi pembekalan Kertas A4 Putih 80 gsm untuk kegunaan semua Agensi di Semenanjung Malaysia berkuat kuasa 1 Mac 2016 hingga 28 Februari 2019 untuk tempoh tiga (3) tahun.

7) Apakah syarikat yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan bagi pembekalan Kertas A4 Putih 80 gsm di Semenanjung Malaysia?

Kementerian Kewangan telah melantik Syarikat NKS Systems Sdn. Bhd. bagi pembekalan kertas A4 Putih 80 gsm di Semenanjung Malaysia. Maklumat penuh syarikat boleh dirujuk pada 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)/PK2.

8) Bagi perolehan Kertas A4 Putih 80 gsm, adakah agensi perlu menyediakan peruntukan tambahan untuk bayaran fi ePerolehan?

Tidak perlu. Harga di bawah kontrak pembekalan Kertas A4 putih 80 gsm adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penyimpanan, kos penghantaran dan fi ePerolehan.

9) Bagi Agensi yang tidak menggunakan ePerolehan, adakah harga yang dibayar perlu ditolak fi ePerolehan?

Ya, bagi Agensi yang tidak menggunakan ePerolehan, harga yang perlu dibayar adalah harga setelah ditolak fi ePerolehan.

Contoh:

Situasi A

Apabila kadar tukaran asing matawang pada hari sebelumnya adalah RM3.9000 bagi setiap 1USD, harga kertas A4 adalah RM9.80/rim.

Tarikh	Kadar tukaran asing RM/1USD
29 Januari 2016 (Jumaat)	3.8998
30 Januari 2016 (Sabtu)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
31 Januari 2016 (Ahad)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
1 Februari 2016 (Isnin)	Tidak diniagakan (Cuti Hari Wilayah)
2 Februari 2016 (Selasa)	3.9001

2 Februari 2016: Peminta membuat tempahan dan menyediakan Pesanan Tempatan (LO)

3 Februari 2016 : Pelulus meluluskan Pesanan Tempatan (LO)

Kadar tukaran yang dirujuk adalah pada 29 Januari 2016 (kadar tukaran hari sebelumnya atau hari terakhir matawang RM diniagakan). Oleh itu, harga 1 rim kertas ialah **RM9.80**.

Situasi B

Apabila kadar tukaran asing matawang pada hari sebelumnya adalah RM3.9001 atau lebih bagi setiap 1USD, harga kertas A4 adalah RM10.75/rim.

Tarikh	Kadar tukaran asing RM/1USD
29 Januari 2016 (Jumaat)	3.8998
30 Januari 2016 (Sabtu)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
31 Januari 2016 (Ahad)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
1 Februari 2016 (Isnin)	Tidak diniagakan (Cuti Hari Wilayah)
2 Februari 2016 (Selasa)	3.9001
3 Februari 2016 (Rabu)	3.9000

3 Februari 2016 : Peminta membuat tempahan dan menyediakan Pesanan Tempatan (LO)

4 Februari 2016 : Pelulus meluluskan Pesanan Tempatan (LO)

Kadar tukaran yang dirujuk adalah pada 2 Februari 2016 (kadar tukaran hari sebelumnya atau hari terakhir matawang RM diniagakan). Oleh itu, harga 1 rim kertas ialah RM10.75.

Bagi agensi yang tidak menggunakan ePerolehan, harga yang perlu dibayar untuk satu rim kertas adalah [RM10.75 - 0.8% (fi ePerolehan)] = RM10.66

10) Apakah jenama Kertas A4 Putih 80 gsm yang di bekalkan oleh Syarikat NKS Systems Sdn. Bhd ?

Jenama Kertas A4 Putih 80 gsm yang dibekalkan oleh Syarikat adalah *printpro*.

11) Berapakah harga bagi 1 rim Kertas A4 Putih 80 gsm?

Harga satu rim Kertas A4 Putih 80 gsm bergantung kepada kadar tukaran Asing Ringgit Malaysia berbanding USD seperti jadual berikut :-

Perkara	Harga	
	A	B
1 rim kertas A4 Putih 80 GSM jenama printpro (1 rim = 500 helai)	RM9.80	RM10.75

Nota:-

A - Harga 1 rim kertas apabila kadar pertukaran matawang asing berbanding nilai ringgit tidak melebihi RM3.9000/ 1USD;

B - Harga 1 rim kertas apabila kadar pertukaran matawang asing berbanding nilai ringgit melebihi RM3.9000/ 1USD

12) Apakah kadar tukaran matawang asing yang dirujuk?

Kadar tukaran matawang asing yang dirujuk adalah kadar tukaran matawang Bank Negara Malaysia (BNM) pada hari sebelumnya atau hari terakhir matawang Ringgit (RM) diniagakan. Agensi hendaklah sentiasa menyemak kadar tukaran asing BNM pada hari sebelumnya atau hari terakhir matawang RM diniagakan sebelum menyediakan Pesanan Tempatan seperti contoh berikut :-

Contoh:

Situasi A

Apabila kadar tukaran asing matawang pada hari sebelumnya adalah RM3.9000 bagi setiap 1USD, harga kertas A4 adalah RM9.80/rim.

Tarikh	Kadar tukaran asing RM/1USD
29 Januari 2016 (Jumaat)	3.8998
30 Januari 2016 (Sabtu)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
31 Januari 2016 (Ahad)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
1 Februari 2016 (Isnin)	Tidak diniagakan (Cuti Hari Wilayah)
2 Februari 2016 (Selasa)	3.9001

2 Februari 2016 : Peminta membuat tempahan dan menyediakan Pesanan Tempatan (LO)

3 Februari 2016 : Pelulus meluluskan Pesanan Tempatan (LO)

Kadar tukaran yang dirujuk adalah pada 29 Januari 2016 (kadar tukaran hari sebelumnya atau hari terakhir matawang RM diniagakan). Oleh itu, harga 1 rim kertas ialah RM9.80.

Situasi B

Apabila kadar tukaran asing matawang pada hari sebelumnya adalah RM3.9001 atau lebih bagi setiap 1USD, harga kertas A4 adalah RM10.75/rim.

Tarikh	Kadar tukaran asing RM/1USD
29 Januari 2016 (Jumaat)	3.8998
30 Januari 2016 (Sabtu)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
31 Januari 2016 (Ahad)	Tidak diniagakan (Cuti Hujung Minggu)
1 Februari 2016 (Isnin)	Tidak diniagakan (Cuti Hari Wilayah)
2 Februari 2016 (Selasa)	3.9001
3 Februari 2016 (Rabu)	3.9000

3 Februari 2016 : Peminta membuat tempahan dan menyediakan Pesanan Tempatan (LO)

4 Februari 2016 : Pelulus meluluskan Pesanan Tempatan (LO)

Kadar tukaran yang dirujuk adalah pada 2 Februari 2016 (kadar tukaran hari sebelumnya atau hari terakhir matawang RM diniagakan). Oleh itu, harga 1 rim kertas ialah RM10.75.

Kadar tukaran matawang asing boleh dirujuk di laman web BNM di www.bnm.gov.my

13) Adakah Agensi yang menggunakan Kontrak Pusat Kertas A4 Putih 80 gsm dikenakan GST?

Agensi yang menggunakan kontrak pusat Kertas A4 Putih 80 gsm diberi pelepasan daripada kenaan GST bagi bekalan yang dibuat dengan pengeluaran *Certificate of GST Relief* (CoGSTR) kecuali Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang digariskan di dalam 1PP/PK1.

CoGSTR hendaklah ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Ia perlu dikepilkan bersama bagi setiap Pesanan Tempatan (LO) yang dikeluarkan.

14) Bagaimanakah cara untuk memastikan penghantaran Kertas A4 Putih 80 gsm dilaksanakan seperti perancangan Agensi?

Agensi hendaklah mengemukakan jadual anggaran dan perancangan keperluan tahunan melalui emel kontrakpusat@treasury.gov.my sebelum atau pada 15 Disember setiap tahun sepanjang tempoh kontrak.

Bagi anggaran keperluan tahun 2016, Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan Borang Perancangan Tahunan dan Anggaran Keperluan selewatnya pada 31 Mac 2016.

15) Apakah jenis pembalut yang digunakan bagi tujuan pembungkusan Kertas A4 Putih 80 gsm?

Setiap rim Kertas A4 putih 80 gsm dibalut dengan kertas *Moist Protected* dan mengandungi 5 rim dalam setiap kotak.

16) Berapa lamakah tempoh penghantaran kertas A4 Putih 80 gsm ke Agensi?

Penghantaran kertas A4 Putih 80 gsm ke Agensi ialah dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar mulai dari tarikh Pesanan Tempatan dikeluarkan.

Bagi Agensi yang tidak *eP enabled*, Peasanan Tempatan (LO) hendaklah dikemukakan kepada syarikat pada tarikh yang sama.

17) Adakah Agensi dibenarkan membuat perubahan pada tempoh penyerahan dan apakah syarat yang perlu dipatuhi?

Agensi adalah dibenarkan untuk membuat perubahan tempoh penyerahan kepada sesuatu tempoh lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Perubahan ini dibuat dengan persetujuan bertulis Ketua Jabatan atau wakilnya dengan Kontraktor. Salinan persetujuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan kadar segera.
- ii) Agensi berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perubahan ini.

18) Sekiranya kontraktor gagal membuat penyerahan pada waktu yang ditetapkan, apakah yang boleh dilakukan oleh pihak Agensi?

Sekiranya Kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh penyerahan yang ditetapkan, Agensi dibenarkan:

- i) Membeli bekalan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan menolak bekalan yang dipesan daripada Kontraktor. Jika kos memperoleh bekalan itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Kontrak ini, Kontraktor adalah dikehendaki membayar perbezaan harga sebagai pampasan kepada Kerajaan; atau
- ii) Setujuterima Pembekalan itu dan mengenakan denda seperti formula berikut:

$$\frac{\text{Nilai Pesanan} \times \text{Base Rate}}{365 \text{ hari}} \times \text{Bilangan hari lewat}$$

Base rate (BR) yang disenaraikan oleh BNM)

Contoh :

Nilai Pesanan = RM10,000.00

Bilangan hari lewat = 5 hari

Kaedah pengiraan:

$$= \frac{\text{Nilai Pesanan} \times \text{BR}}{365 \text{ hari}} \times \text{Bilangan hari lewat}$$

$$= \frac{\text{RM}10,000 \times 3.9\%}{365 \text{ hari}} \times 5 \text{ hari}$$

$$= \text{RM}5.34$$

* Contoh Base Rate (BR). Agensi perlu merujuk BR institusi kewangan yang terlibat.

19) Bagaimanakah cara untuk merujuk *Base Rate* institusi kewangan yang dilanggan/digunakan oleh Syarikat?


Base rate boleh dirujuk di laman web BNM di www.bnm.gov.my. *Base rate* yang dirujuk adalah *base rate* institusi kewangan yang dilanggan/digunakan oleh syarikat.

Ketua Jabatan hendaklah menyemak *base rate* BNM sebelum membuat pengiraan denda. Panduan penggunaan (modul pengguna) untuk merujuk *Base Rate* disediakan seperti berikut :-

Langkah 1

Pergi ke laman web Bank Negara Malaysia. di: www.bnm.gov.my







Langkah 2
Pilih Menu : News & Media Centre



Langkah 3
Pilih Menu : Notices & Announcements

Langkah 4
Taip di ruangan Search: Perkataan 'Base Rate'



Base Rates and Indicative Effective Lending Rates of Financial Institutions

No.	Financial Institution	Base Rate (%)	Indicative Effective Lending Rate (%)
1	Affin Bank Berhad	3.99	4.75
2	Alliance Bank Malaysia Berhad	3.97	4.65
3	AmBank (M) Berhad	4.00	4.45
4	BNP Paribas Malaysia Berhad	na / not set	
5	Bangkok Bank Berhad	4.15	5.35
6	Bank of America Malaysia Berhad	na / not set	
7	Bank of China (Malaysia) Berhad	4.05	4.85
8	Bank of Tokyo-Mitsubishi (M) (Malaysia)	na / not set	
9	CMB Bank Berhad	4.00	4.65
10	CitiBank Berhad	3.90	4.60
11	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	na / not set	
12	Hong Leong Bank Malaysia Berhad	3.94	4.60
13	HSBC Bank (Malaysia) Berhad	3.75	4.05

Langkah 7
Pilih : Base Rate Bank yang berkenaan (yang dilangani oleh syarikat/ kontraktor)

20) Bagaimanakah kaedah atau cara Agensi Kerajaan untuk membuat pesanan?

Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada Kontraktor dengan menggunakan Sistem ePerolehan bagi PTJ yang *eP enabled* dan mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara manual bagi PTJ yang belum *eP enabled*. Maklumat terperinci mengenai sesuatu Kontrak Pusat seperti nama pembekal, jenis barangan, spesifikasi, tempoh kontrak dan lain-lain boleh diperolehi secara elektronik melalui ePerolehan.

21) Bilakah pesanan terakhir boleh dibuat di bawah kontrak ini?

Pesanan akhir hendaklah dibuat oleh Agensi sebelum tarikh 28 Februari 2019.

22) Apakah maklumat yang perlu disertakan semasa membuat pesanan?

Apabila membuat pesanan, pihak Agensi dikehendaki mengemukakan maklumat berikut supaya pembekalan dapat

disempurnakan dengan teratur dan tepat pada tempat yang dikehendaki :-

- i) Memberi alamat penghantaran yang lengkap
- ii) Nama pegawai yang menguruskan bekalan
- iii) Nombor telefon untuk dihubungi.

23) Jika terdapat Agensi yang keperluan tahunannya kurang dari pesanan minimum iaitu 50 rim, bagaimanakah cara untuk Agensi membuat pesanan atau pembelian?

Bagi Agensi yang keperluan tahunannya kurang daripada jumlah pesanan minimum, pembelian di luar kontrak pusat hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel.

24) Adakah Agensi dibenarkan untuk memecah kecil pesanan bagi membolehkan pembelian di luar kontrak?

Tidak, Agensi tidak dibenarkan memecah kecil pesanan dengan tujuan untuk membolehkan pembelian di luar kontrak dilaksanakan.

25) Apakah yang perlu dilakukan oleh Agensi jika bekalan yang diterima tidak mematuhi spesifikasi kertas A4 Putih 80 gsm seperti pesanan.

Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sekurang-kurangnya sama seperti spesifikasi yang dipesan sepertimana yang digariskan dalam 1PP/PK2.

26) Apa yang patut dilakukan sekiranya terdapat kerosakan/kekurangan bekalan kertas A4 Putih 80 gsm?

Jika terdapat kerosakan/kekurangan kertas, Kontraktor hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh lima (5) hari kalendar dari tarikh penolakan bekalan oleh Agensi tanpa sebarang tambahan kos.

27) Apa yang perlu dilakukan oleh Agensi sekiranya meragui kualiti kertas yang dibekalkan?

Agensi boleh menghubungi pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) bagi menentukan kesahihan kualiti kertas berbanding dengan spesifikasi mengikut kontrak.

Agensi juga hendaklah meminta Kontraktor menggantikan jumlah (rim) kertas tersebut dengan bekalan baharu tanpa apa-apa kos

tambahan dan tuntutan-tuntutan lain yang berkaitan sebagaimana dalam kontrak.

Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Kontraktor mestilah menggantikan bekalan (rim) kertas tersebut dalam tempoh lima (5) hari kalendar daripada tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

Segala perbelanjaan ke atas ujian kertas oleh mana-mana agensi yang terlibat akan ditanggung oleh kontraktor, jika terbukti kertas yg dibekalkan tidak mematuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan. Jika kertas yg diuji memenuhi spesifikasi kertas yg ditetapkan maka Agensi hendakla

28) Dimanakan Agensi boleh mengemukakan aduan?

Agensi boleh mengemukakan sebarang aduan ke alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my. Aduan hendaklah dibuat dengan kadar segera atau selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari kalendar daripada tarikh berlakunya perkara yang diadakan. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit selepas tempoh tersebut akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini.

29) Bagaimanakah cara pembayaran bil-bil yang telah dikemukakan oleh kontraktor?

Pembayaran bil-bil yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

30) Berapakah tempoh pembayaran setelah kontraktor menyerahkan dokumen yang lengkap kepada Agensi?

Pembayaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen lengkap diterima dari kontraktor.

Walau apa pun peraturan penerimaan barangan yang diamalkan oleh sesuatu Agensi, pengesahan penerimaan bekalan kertas mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil tuntutan dengan seberapa segera. Agensi tidak perlu menunggu laporan ujian Agensi penguji untuk membuat bayaran.

31) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya Agensi masih mempunyai kontrak pembekalan kertas A4 Putih 80 gsm pada 1 Mac 2016?

Sekiranya Agensi masih mempunyai kontrak pembekalan Kertas A4 Putih 80 gsm pada 1 Mac 2016, Agensi hendaklah meneruskan kontrak tersebut hingga tamat. Perolehan setelah kontrak tamat adalah melalui kontrak pusat ini.

32) Apakah dokumen yang diperlukan untuk urusan penyediaan Pesanan Tempatan (LO) bagi kontrak pusat?

Agensi hanya perlu lampirkan 1PP kontrak pusat Kertas A4 Putih 80 gsm bagi memudahkan pihak pelulus meluluskan Pesanan Tempatan (LO) dan pihak yang membuat bayaran membuat semakan. (jika perlu)

Penyediaan Spesifikasi

1. Bagaimanakah spesifikasi boleh disediakan?

Jawatankuasa Spesifikasi/Penentuan hendaklah ditubuhkan. Jawatankuasa Spesifikasi/Penentuan hendaklah terdiri dari sekurang kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkeelayakan. Masa yang mencukupi hendaklah diberikan untuk Jawatankuasa tersebut menyediakan spesifikasi. Butiran spesifikasi/penentuan hendaklah jelas. Spesifikasi hendaklah tidak mengkhusus kepada jenama atau buatan tertentu, jika ini tidak dapat dielakkan ungkapan atau persamaan hendaklah digunakan. Bagi perolehan yang melibatkan teknologi maklumat atau permodenan rujukan perlu dibuat kepada MAMPU.

2. Bolehkah sesuatu spesifikasi tender dibantah oleh petender?

Petender boleh membuat bantahan terhadap sesuatu spesifikasi tender yang tidak adil atau dirasakan menjurus kepada sesuatu model atau jenama. Bantahan boleh dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen tender mula dijual bagi tender tempatan dan dalam tempoh 28 hari bagi tender antarabangsa.

Sebut Harga RM20,000 – RM50,000 (1PP/PK2)

Tempoh sah laku

1. Berapa lamakah tempoh sah laku sebut harga bagi nilai melebihi RM20,000 sehingga RM50,000? Adakah 90 hari dari tarikh tutup notis pelawaan?

Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, sebut harga bagi nilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 hendaklah diputuskan secepat mungkin dan oleh itu Jabatan boleh menetapkan tempoh sah laku tawaran tidak melebihi 30/60 hari.

Tiket Kapal Terbang/Waran Perjalanan Udara

- 1. Pihak kami menggunakan perkhidmatan agen pengembaraan (*travel agent*) yang telah dilantik (mengikut sistem penggiliran bagi setiap kali perkhidmatan) bagi perkhidmatan penerbangan domestik dan luar negara. Perkhidmatan agen pengembaraan ini selalunya melibatkan destinasi berlainan, tujuan berbeza bagi pegawai yang telah diarahkan sama ada mengikut perancangan mahu pun tidak dirancang dengan syarikat penerbangan yang telah dilantik oleh Kerajaan. Persoalan kami, jika nilai perolehan melebihi RM20,000 setahun adakah tertakluk?**

Bagi tempahan tiket kapal terbang yang menggunakan waran perjalanan udara, sebut harga/tender tidak perlu dipelawa kerana tambang kapal terbang telah ditetapkan. Tiada had nilai untuk waran/pesanan kerajaan dan sebut harga tidak perlu dipelawa.

Sekiranya tiket kapal terbang dan lain-lain perkhidmatan seperti penginapan, kos pengangkutan dan sebagainya diperolehi secara pakej, maka perolehan secara sebut harga/tender perlu dilaksanakan jika pakej tersebut melebihi RM20,000.

Notis Sebut Harga

- 1. Adakah notis pelawaan selama 3 hari bagi sebut harga RM20,000 – RM50,000 tersebut perlu ditampal di papan kenyataan agensi?**

Notis sebut harga perlu dipamerkan sekurang-kurangnya 3 hari mulai tarikh pelawaan sehingga tarikh tutup di papan kenyataan dan/atau laman web agensi. Agensi hendaklah memastikan notis sebut harga ini dapat diketahui secara meluas oleh pembekal/syarikat.

Jawatankuasa Sebut Harga/Jawatankuasa Penilaian

- 1. Adakah Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga 'B' (JKSH 'B') perlu dilantik di kalangan Pemegang Waran Peruntukan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Arahan Perbendaharaan (AP)?**

Jawatankuasa Sebut Harga yang sedia ada boleh membuat keputusan bagi perolehan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000. Walau bagaimanapun keputusan sebut harga (melebihi

RM20,000 hingga RM50,000) bekalan/perkhidmatan hendaklah dibuat secepat mungkin. Oleh itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan boleh melantik Pengerusi dan Ahli JKSH 'B' di peringkat Kementerian, Ibu Pejabat sehingga ke peringkat negeri/daerah atau Cawangan. Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga bagi perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 boleh terdiri daripada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional atau kumpulan sokongan (hanya untuk JKSH 'B'). Beberapa JKSH 'B' juga boleh ditubuhkan mengikut keperluan Agensi.

2. **Peraturan ini membenarkan Pegawai Pengawal menubuhkan JKSH 'B' untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 secara sebutharga. Adakah ia bermaksud Agensi dibenarkan menubuhkan 2 Jawatankuasa Sebutharga iaitu JKSH 'B' (meluluskan perolehan sebutharga melebihi RM20,000 hingga RM50,000) dan Jawatankuasa Sebut Harga (meluluskan perolehan sebutharga melebihi RM50,000 hingga RM500,000)?**

Ya. Jawatankuasa Sebut Harga yang sedia ada boleh memutuskan sebut harga (RM20,000 hingga RM50,000) atau JKSH 'B' dilantik untuk memutuskan sebut harga RM20,000 hingga RM50,000. JKSH 'B' boleh terdiri daripada pegawai kumpulan sokongan dan dilantik sehingga peringkat Jabatan, Daerah atau Cawangan. Pelantikan boleh dibuat oleh Ketua Jabatan.

Bagi perolehan kerja melebihi RM20,000 hingga RM500,000, 1PP/PK2 hendaklah dirujuk dan JKSH sedia ada hendaklah memutuskan sebut harga bagi nilai tersebut.

3. **Bolehkah JKSH 'B' juga bertindak sebagai Jawatankuasa Penilaian serta memutuskan sebutharga melebihi RM20,000 hingga RM50,000?**

Tidak boleh. Jawatankuasa Penilaian hendaklah ditubuhkan secara berasingan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan. JKSH 'B' hendaklah ditubuhkan secara berasingan untuk memutuskan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000.

4. **Adakah ini bermaksud penilaian sebutharga bekalan/perkhidmatan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 kekal dengan dua (2) Jawatankuasa Penilaian berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan?**

Ya, walau bagaimanapun satu Jawatankuasa Penilaian dibenarkan bagi perolehan yang tidak kompleks. Bagi perolehan sebutharga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 satu Jawatankuasa Penilaian sahaja mencukupi.

5. **Apakah peraturan yang terpakai bagi perolehan kursus/latihan secara pakej, percetakan dan bagi majlis/acara rasmi dan jamuan keraian?**

Sila rujuk tatacara/kaedah perolehan di 1PP/PK7 bagi perolehan kursus/latihan secara pakej, percetakan serta majlis/acara rasmi dan jamuan keraian.

Kontrak Bagi Perolehan Melebihi RM20,000

1. **Perlukah kontrak ditandatangani bagi perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000?**

Bagi perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000, kontrak formal tidak perlu ditandatangani dan Pesanan Kerajaan/Pesanan Tempatan adalah memadai. Walau bagaimanapun, jika bekalan atau perkhidmatan adalah untuk sesuatu tempoh bermasa, kontrak formal perlu ditandatangani selaras dengan AP 176.1(c).

Tempoh Notis

1. **Tempoh notis tiga (3) hari bagi sebut harga RM20,000 - RM50,000 adalah terlalu singkat. Bolehkah Jabatan memberi tempoh lebih lama?**

Tiga hari adalah tempoh minimum. Jabatan boleh menetapkan tempoh lebih lama mengikut kesesuaian.

2. **Di bawah 1PP/PK2, tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari. Adakah tempoh ini mengambil kira hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum?**

Tempoh 3 hari adalah tempoh minimum dan termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum. Oleh itu Agensi boleh memberi tempoh yang lebih lama jika sebut harga dipelawa pada hari Jumaat.

Had Nilai Pembelian Terus

1. **Apakah had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan?**

Had nilai pembelian terus bekalan dan perkhidmatan adalah sehingga RM20,000 bagi setiap jenis item setahun atau sesuatu kontrak. Walau bagaimanapun bagi pembelian terus, agensi perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran bagi maksud kajian pasaran.

Sistem ePerolehan

- 1. Adakah perolehan Sebut Harga RM20,000 – RM50,000 perlu diuruskan melalui Sistem ePerolehan?**

Bagi perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000, Jabatan boleh menguruskan perolehan tersebut melalui sistem ePerolehan atau diuruskan secara manual. Ini adalah kerana modul sebut harga di sistem ePerolehan mungkin tidak dapat digunakan atau diubahsuai dalam tempoh terdekat untuk digunakan bagi sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000. Jabatan boleh menggunakan separuh sistem ePerolehan dan separuh secara manual jika perlu.

Pembaikan Kenderaan

- 1. Kenderaan Jabatan perlu dihantar untuk pembaikan. Anggaran kos membaiki tidak dapat ditentukan. Adalah sukar untuk menentukan kos sebenar kerana hanya setelah enjin dibuka, kerosakan dapat diketahui dan anggaran kos dapat ditentukan. Sekiranya kos pembaikan adalah di antara RM20,000 hingga RM50,000 bagaimana Jabatan hendak mempelawa sebut harga?**

Dalam keadaan di atas, Jabatan dibenarkan membaiki kenderaan Jabatan tanpa pelawaan sebut harga. Jabatan hendaklah memastikan harga alat ganti adalah munasabah berbanding dengan harga pasaran. Walau bagaimanapun, Jabatan masih digalakkan mempelawa sebut harga. Bagi Jabatan yang mempunyai bilangan kenderaan yang banyak, Jabatan hendaklah mengadakan garis panduan sendiri untuk mengawal pembaikan kenderaan. Jika perlu Jabatan boleh mengadakan kontrak dengan bengkel secara panel dengan kadar harga.

Bagi Jabatan yang mempunyai stor alat ganti, alat ganti hendaklah diperolehi mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa dan dibekalkan untuk pembaikan kenderaan.

Penyelenggaraan Kenderaan

- 1. Jabatan ini memerlukan perkhidmatan penyelenggaraan (servis) kenderaan-kenderaan Jabatan beberapa kali setahun (setiap 5,000/7,000/10,000 km) dan melibatkan anggaran kos melebihi RM50,000 setahun. Adakah Jabatan perlu membuat**

proses sebut harga bagi tujuan penyelenggaraan kenderaan Jabatan untuk tempoh setahun?

Bagi penyelenggaraan (servis) kenderaan, penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual dan sebut harga tidak perlu dipelawa untuk penyelenggaraan setahun. Penyelenggaraan (service) setiap kali boleh dilaksanakan secara pembelian terus.

Sebut Harga

1. **Jabatan saya bercadang untuk membeli buku cetakan dalam negeri yang dianggarkan RM60,000. Perlukah saya mempelawa sebut harga?**

Ya. Jabatan perlu mempelawa sebut harga.

2. **Perlukah iklan di akhbar yang dianggarkan RM30,000 dipelawa sebut harga?**

Sila rujuk tatacara perolehan perkhidmatan penyiaran pengiklanan melalui media cetak di 1PP/PK7.

Maksud “Setiap Jenis Item”?

1. **Adakah pembelian bekalan/perkhidmatan setiap jenis item adalah merujuk kepada kaedah pembelian terus sehingga RM20,000 sahaja?**

Setiap jenis item terpakai untuk semua kaedah perolehan sama ada pembelian terus, sebut harga atau tender.

3. **Jabatan menyewa pelbagai jenis kenderaan untuk tempoh setahun. Sebagai contoh, sewa van penumpang, sewa kenderaan pacuan 4 roda, sewa lori dan sewa kenderaan MPV. Adakah semua sewaan kenderaan ini diklasifikasikan sebagai satu jenis item atau sewaan kenderaan berlainan diklasifikasikan sebagai item berbeza?**

Jabatan akan menyewa pelbagai kenderaan untuk tempoh setahun, dari itu Jabatan boleh merancang penyewaan kenderaan. Berdasarkan bilangan, jenis kenderaan dan anggaran nilai sewaan setahun Jabatan boleh mempelawa sebut harga atau tender. Semua penyewaan kenderaan/pelbagai kenderaan adalah satu jenis item perkhidmatan (penyewaan kenderaan).

Bagi penyewaan kenderaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan penganjuran sesuatu acara/majlis/ program, kaedah perolehan hendaklah ditetapkan mengikut anggaran nilai keseluruhan sewaan bagi setiap acara/majlis/program.

4. **Jabatan ingin mengadakan Bengkel ABC Peringkat Negeri dengan kos penginapan, makan minum, pengangkutan dan bayaran penceramah berjumlah RM22,000 pada 25 hingga 28 Mac 2014. Jabatan ini juga merancang untuk mengadakan Bengkel ABC di tiga (3) buah negeri lain bagi tahun 2014 dengan anggaran kos melebihi RM20,000 bagi setiap bengkel. Adakah Bengkel ABC yang akan diadakan di tiga (3) buah negeri yang berbeza ini dianggap sebagai satu item/modul yang sama?**

Bagi perolehan kursus secara pakej sila rujuk kepada 1PP/PK7. Jika tenaga pengajar adalah daripada Jabatan sendiri dan Jabatan hanya perlu menguruskan penginapan/ makan/minum peserta secara pakej, bayaran penceramah hendaklah berdasarkan 1PP berkaitan penceramah.

5. **Jabatan bercadang mengadakan kursus *team building* yang dikendalikan keseluruhannya oleh syarikat penyedia latihan. Sebanyak empat (4) kursus dirancang setahun yang melibatkan pegawai dan kakitangan yang berbeza. Setiap kursus dianggarkan bernilai RM10,000 dan anggaran kos keseluruhan kursus adalah RM40,000. Adakah Jabatan perlu membuat proses sebut harga bagi kursus *team building* tersebut?**

Ya. Jabatan hendaklah mempelawa sebut harga bagi perkhidmatan tersebut sepertimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 190(a).

6. **Jabatan perlu melaksanakan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan (PKJ) sebanyak 3 kali setahun, di lokasi yang berbeza kerana faktor penggiliran mengikut negeri (negeri bergilir-gilir menjadi tuan rumah). Kos bagi setiap kali PKJ dianggarkan RM25,000 dan kos setahun dianggarkan sekitar RM75,000. Adakah PKJ yang diadakan di negeri yang berbeza merujuk kepada item yang sama atau sebaliknya?**

Bagi PKJ, sila rujuk 1PP/PK7 mengenai mesyuarat/ persidangan rasmi.

7. **Adakah perolehan cop Jabatan termasuk dalam item alat tulis?**

Cop Jabatan adalah alat tulis tetapi cop Jabatan dipesan dari semasa ke semasa dan oleh itu boleh diasingkan daripada alat tulis lain yang dibeli sekali gus. Jika nama Jabatan ditukar dan semua cop baru diperolehi, maka kaedah perolehan hendaklah ditetapkan mengikut nilai keseluruhan cop Jabatan tersebut.

8. Bagaimanakah perolehan bagi item-item Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel?

Bagi item-item Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel, sila rujuk 1PP/PK2 mengenai item dan kaedah perolehan.

Perkhidmatan Makan/Minum

- 1. Setiap minggu, Jabatan mengadakan pelbagai mesyuarat dalaman seperti mesyuarat pagi, mesyuarat sektor, mesyuarat bahagian dan lain-lain lagi dengan anggaran kos makan minum sebanyak RM1,000 seminggu dan melibatkan kos melebihi RM20,000 setahun. Adakah Jabatan perlu membuat proses sebut harga bagi perkhidmatan makan/minum sedemikian?**

Bagi perolehan untuk mesyuarat dalaman, pembelian terus boleh dibuat dan sebut harga tidak perlu dipelawa.

- 2. Bagi perolehan di bawah RM20,000 disyaratkan keperluan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga bagi setiap perolehan. Adakah syarat ini meliputi perolehan bernilai kecil seperti penyediaan perkhidmatan makanan yang kurang dari RM1000? Bagaimana pula jika menggunakan premis yang mempunyai kantin, adakah masih perlu mendapatkan kajian pasaran daripada pembekal luar? Sekiranya jabatan telah menetapkan kadar makan/minum bagi setiap perolehan tersebut, contohnya minum pagi RM3.00/orang, adakah tiga (3) tawaran harga masih diperlukan?**

Secara umum, kajian pasaran hendaklah dibuat untuk semua perolehan supaya harga yang dikenakan adalah berpatutan dan munasabah. Oleh itu walaupun pembelian terus dibenarkan sehingga RM20,000, kajian pasaran masih perlu dibuat dengan memperoleh 3 tawaran harga. Namun demikian bagi perolehan yang kecil seperti penyediaan makanan yang nilainya kurang daripada RM1000, Pegawai Pelulus boleh menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan perolehan tanpa kajian pasaran. Agensi hendaklah memastikan perolehan tidak tertumpu kepada satu (1) syarikat sahaja.

Bagi perolehan makan/minum untuk mesyuarat dalaman Jabatan yang mempunyai kadar, Jabatan tidak perlu membuat kajian pasaran dengan mendapat 3 tawaran harga.

3. **Jabatan ini mempunyai 12 Bahagian yang mana perkhidmatan makan/minum untuk mesyuarat tidak dapat ditentukan bilangan kehadiran dan kekerapan mesyuarat. Adakah Jabatan perlu juga membuat sebutharga?**

Bagi perolehan makan/minum mesyuarat Jabatan yang tidak dapat ditentukan kehadiran dan kekerapan, kaedah pembelian terus boleh dilaksanakan.

Perkhidmatan Pengendali Kursus/Latihan

1. **Bilakah sebut harga perlu dipelawa untuk perolehan kursus?**

Jika pembekal/syarikat dikehendaki mengendalikan sesuatu kursus yang jumlah nilai tahunan melebihi RM20,000 atau RM50,000 maka sebut harga perlu dipelawa.

Contoh : Kursus Kepimpinan sekali setahun bernilai RM10,000.

- Pembelian Terus dengan tiga (3) tawaran harga.

Contoh : Kursus Kepimpinan empat (4) kali setahun bernilai RM40,000 (RM10,000 setiap kursus).

- Sebut Harga (empat (4) kursus tetapi peserta berbeza).

Contoh : Kursus bersiri : Modul 1, 2, 3 dan 4 bernilai RM15,000 setiap modul berjumlah RM60,000 setahun.

- Sebut Harga (peserta sama dan perlu hadir setiap modul).

Kerja-Kerja *Requisition*

1. **Apakah had nilai untuk kerja-kerja *requisition* dan siapakah yang boleh dipelawa untuk melaksanakannya?**

Had nilai untuk kerja-kerja *requisition* adalah sehingga RM50,000 sahaja. Bagi kerja-kerja yang melebihi RM50,000 sebut harga hendaklah dipelawa. Sebarang kerja bangunan/awam di bawah RM200,000 hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1, dengan kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

Soalan Umum

1. **Adakah kelulusan khas Perbendaharaan diperlukan sekiranya kajian pasaran dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan tidak dapat**

diperolehi bagi perolehan sehingga RM 20,000 setahun atau sesuatu kontrak terutamanya bagi pejabat Cawangan yang terletak di kawasan terpencil?

Dalam keadaan tiga (3) tawaran harga tidak dapat diperolehi (bagi perolehan sehingga RM20,000) seperti di kawasan terpencil, pegawai/kakitangan yang cuba mendapat tiga (3) tawaran harga boleh mengesahkan secara bertulis bahawa tiga (3) tawaran harga tersebut tidak dapat diperoleh berserta justifikasi. Pegawai Pelulus boleh menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan perolehan tersebut tanpa kajian pasaran.

2. Adakah Jawatankuasa Pembuka Sebutharga perlu dilantik bagi perolehan RM20,000 – RM50,000?

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga tidak diperlu dilantik. Penyebut Harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada Urus Setia melalui faks/surat/e-mel seperti yang ditetapkan oleh Agensi.

3. Adakah pelawaan Sebut Harga RM20,000 – RM50,000 perlu menggunakan dokumen sebutharga, Lampiran Q, Arahan Kepada Penyebut Harga dan lain-lain berkaitan?

Bagi pelawaan sebutharga (melebihi RM20,000 hingga RM50,000), dokumen sebutharga, Lampiran Q, Arahan Kepada Penyebut Harga dan lain-lain dokumen boleh disediakan. Namun demikian, pihak Jabatan boleh mengubahsuai dan menyediakan dokumen yang lebih ringkas.

4. Adakah pelawaan Sebutharga perlu dibuat kepada pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan?

Memandangkan perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 perlu diperoleh dari kalangan syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, maka hanya syarikat yang berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan sahaja boleh dipelawa.

5. Jabatan terlibat secara langsung dalam urusan pengeposan dokumen perjanjian dan surat menyurat kepada orang awam, pelajar dan sebagainya. Adakah perolehan setem melebihi RM20,000 perlu dipelawa sebutharga?

Perolehan setem sama ada daripada Pos Malaysia atau Lembaga Hasil Dalam Negeri (duti setem perjanjian) boleh diperoleh secara pembelian terus tanpa mengira had nilai.

6. **Jabatan perlu memperolehi kad *Touch n Go* yang melibatkan perbelanjaan RM40,000 setahun. Adakah untuk sebutharga perlu dipelawa perolehan *Touch n Go*?**

Touch n Go boleh diperolehi secara pembelian terus tanpa mengira had nilai.

7. **Berdasarkan 1PP/PK2, perolehan alat tulis yang melebihi RM 20,000 setahun perlu dipelawa sebutharga. Sekiranya Jabatan memperuntukkan di bawah OS27000 sebanyak RM100,000 setahun untuk pembelian alat tulis, bagaimanakah caranya perolehan ini perlu dibuat, adakah dengan membuat perolehan setiap tiga (3) bulan (RM25,000) sekali perolehan menggunakan proses sebut harga seperti surat pekeliling ini atau membuat sebut harga biasa dengan nilai RM100,000 untuk perolehan setahun, memandangkan Jabatan akan membelanjakan RM100,000 setahun untuk perolehan alat tulis. Adakah Jabatan akan dianggap telah memecah kecilkan perolehan jika dilakukan tiga (3) bulan sekali? Walau bagaimanapun sekiranya Jabatan membuat perolehan alat tulis untuk kegunaan setahun, ini telah melanggar peraturan Pengurusan Stor di mana Jabatan tidak boleh menyimpan stok lebih tiga (3) bulan penggunaan.**

Secara umum perolehan hendaklah dirancang terlebih dahulu. Kaedah perolehan hendaklah ditetapkan berdasarkan anggaran perolehan tahunan atau satu kontrak. Dalam contoh perolehan alat tulis anggaran adalah RM100,000 setahun. Bagi nilai RM100,000 kaedah perolehan adalah melalui sebut harga berdasarkan 1PP/PK2. Jabatan ada pilihan untuk melaksanakan perolehan alat tulis melalui satu sebut harga (untuk setahun) atau 2 sebut harga (6 bulan sekali) atau 3 sebut harga (4 bulan sekali) atau 4 sebut harga (setiap 3 bulan). Sekiranya nilai keseluruhan adalah had nilai sebut harga dan Jabatan memecah kecilkan nilai dengan mempelawa beberapa sebut harga maka ianya tidak dianggap sebagai memecah kecilkan perolehan.

8. **Bagi perolehan *toner*, sekiranya Jabatan memperuntukkan RM72,000 setahun, adakah Jabatan boleh membuat perolehan tiga (3) bulan sekali dengan nilai perolehan RM18,000 bagi setiap perolehan secara pembelian terus? Sekiranya perolehan *toner* dilaksanakan untuk tempoh setahun (sebut harga dengan nilai RM72,000) dikhuatiri akan berlaku pembaziran disebabkan oleh faktor *toner* yang mempunyai tarikh luput dan ada kemungkinan printer sediaada akan rosak**

dan tidak boleh dibaiki (maka *toner* tidak dapat digunakan). Di samping itu Pekeliling Pengurusan Stor menyatakan stok tidak boleh disimpan melebihi tiga (3) bulan.

Perolehan ini perlu dilaksanakan secara sebutharga. Jabatan ada pilihan untuk melaksanakan perolehan *toner* melalui satu sebut harga (untuk setahun dan mengikat kontrak bermasa) atau beberapa sebut harga (6 bulan sekali atau 4 bulan sekali atau 4 sebut harga setiap 3 bulan). Sekiranya nilai keseluruhan adalah had nilai sebut harga dan Jabatan memecah kecilkan nilai dengan mempelawa beberapa sebut harga maka ianya tidak dianggap sebagai memecah kecilkan perolehan.

Peringatan

1. Semasa pelaksanaan Perolehan, apakah perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh agensi?

- (i) Perolehan hendaklah dirancang;
- (ii) Perolehan tidak dipecah kecilkan untuk mengelakkan sebut harga/tender;
- (iii) Perolehan tidak tertumpu kepada syarikat/pembekal yang sama;
- (iv) Pegawai Pelulus hendaklah menggunakan budi bicaranya secara berhemat;
- (v) Memastikan harga pembelian adalah munasabah dan menguntungkan;
- (vi) Memastikan maklumat perolehan (integriti maklumat) tidak dikompromi;
- (vii) Memastikan sebutharga diperolehi daripada pembekal-pembekal yang *bona fide*. Di samping itu, agensi hendaklah memastikan sebutharga-sebutharga lain tidak diperolehi daripada pembekal yang sama (sebut harga *dummy*).

2. Apakah perbezaan di antara sebutharga RM50,000 - RM500,000 dan RM20,000 – RM50,000?

Bil	Perkara	RM50,000 hingga RM500,000	RM20,000 hingga RM50,000	Catatan
1.	Tempoh Notis	7 hari	3 hari	Tempoh minimum, boleh lebih lama.
2.	Kaedah Penerimaan	Sampul surat berlakri	Faks/surat/e-mel/ serahan tangan	

Bil	Perkara	RM50,000 hingga RM500,000	RM20,000 hingga RM50,000	Catatan
3.	Jawatankuasa Penilaian	Dua (2) atau satu (1) Jawatankuasa jika tidak kompleks	Satu Jawatankuasa memadai	
4.	Tempoh penilaian	2 minggu	Tiada tempoh, secepat mungkin	
5.	Jawatankuasa Pembuka	Ada	Tiada	
6.	Jawatankuasa Sebut Harga	Dilantik oleh Pegawai Pengawal. Dipengerusikan oleh pegawai Pengurusan & Profesional.	Jawatankuasa Sebut Harga sedia ada atau Jawatankuasa B yang boleh dilantik oleh Ketua Jabatan	
7.	Jawatankuasa Spesifikasi	Tidak diwajibkan	Tidak diwajibkan	
8.	Peti Sebut Harga	Wajib	Tidak diwajibkan	

Sebut Harga

- Sebut Harga telah dipelawa untuk sesuatu perolehan. Tawaran terendah adalah RM518,600. Bolehkah tawaran sebut harga tersebut dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga?**

Tidak boleh. Had nilai kuasa Jawatankuasa Sebut Harga adalah sehingga RM500,000 sahaja. Tawaran sebut harga tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan untuk dipertimbangkan.

- Anda adalah ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Semasa Jawatankuasa Sebut Harga bersidang anda tidak bersetuju dengan Pengerusi dan seorang ahli lain mengenai pemilihan syarikat ABC untuk pengindahan kawasan luar pejabat. Bolehkah perolehan diteruskan dengan syarikat ABC kerana keputusan majoriti adalah untuk memilih syarikat ABC?**

Tidak boleh. Semua keputusan Jawatankuasa Sebut harga hendaklah sebulat suara. Keputusan majoriti adalah tidak mencukupi. Justeru, Keputusan yang tidak sebulat suara hendaklah dirujuk kepada Lembaga Perolehan untuk diputuskan.

3. Apakah kaedah pengedaran sebut harga melebihi RM50,000 – RM500,000? Selain daripada mengedarkan sebut harga apakah lagi tindakan yang perlu dibuat oleh jabatan?

Pelawaan/notis sebut harga boleh dihantar secara terus kepada pembekal/ kontraktor yang berdaftar melalui Lampiran Q. Pelawaan/notis tersebut hendaklah dihantar melalui pos berdaftar atau serahan tangan. Di samping itu, bagi agensi yang mempunyai laman web, notis sebut harga boleh disiarkan dalam laman web. Jika dihantar melalui serahan tangan bukti penghantaran dan penerimaan hendaklah disimpan. Satu daftar hendaklah diselenggarakan mengenai penghantaran sebut harga. Senarai syarikat yang dijemput dan syarikat yang mengemukakan tawaran hendaklah dijadikan lampiran pada kertas pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga. Agensi hendaklah menentukan bahawa cara yang sama digunakan bagi setiap urusan sebut harga. Di samping mengedar notis sebut harga, notis pelawaan sebut harga juga hendaklah dipamir di papan kenyataan Kementerian/Jabatan sepanjang masa sehingga sebut harga ditutup. Sekiranya ada kontraktor/pembekal yang berminat, ia hendaklah dibenarkan mengambil bahagian.

4. Apakah tempoh minimum untuk pelawaan/notis sebut harga?

Tempoh minimum pelawaan sebut harga adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut bagi sebut harga RM50,000 - RM500,000 dan 3 hari untuk sebut harga RM20,000 - RM50,000.

5. Jabatan saya telah menjemput tujuh (7) syarikat untuk menyebut harga bagi membekal peralatan teknikal pejabat. Setelah sebut harga ditutup, terdapat hanya dua (2) syarikat yang dianggarkan RM80,000 telah mengemukakan tawaran. Bolehkah urusan memilih tawaran ini diteruskan?

Boleh, kerana syarat mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) sebut harga telah dipatuhi. Walau bagaimanapun, tawaran hendaklah memenuhi spesifikasi dan lulus penilaian. Senarai syarikat yang telah dijemput dan yang telah dijawab hendaklah disertakan kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Bukti serahan tangan atau bukti pos hendaklah diberikan sekali supaya Jawatankuasa Sebut Harga berpuas hati dengan pelawaan sebut harga.

6. Apakah maklumat yang perlu dimasukkan dalam notis sebut harga?

Maklumat yang perlu dimasukkan di dalam notis sebut harga termasuklah nama dan alamat Jabatan yang mempelawa, tajuk sebut harga, syarat/kelayakan penyebutharga, bidang/gred/kategori dan pengkhususan pendaftaran yang dikehendaki, tempat dan

alamat sebut harga perlu dihantar, tarikh dan waktu sebut harga diterima dan ditutup. Sebut harga hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri dan ditulis nombor rujukan sebut harga.

7. **Bolehkah Jawatankuasa Sebut Harga memutuskan sebut harga bagi perolehan melalui peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan atau kuasanya terhad kepada peruntukan mengurus sahaja?**

Jawatankuasa Sebut Harga yang dilantik oleh Pegawai Pengawal boleh memutuskan mana-mana sebut harga tidak kira sama ada sebut harga adalah bagi perolehan daripada peruntukan belanja mengurus atau pembangunan. Adalah terpulang kepada Pegawai Pengawal semasa melantik Jawatankuasa Sebut Harga menetapkan had-had kuasa tertentu jika perlu.

8. **Siapakah yang boleh menganggotai Jawatankuasa Penilaian Harga bagi sebut harga melebihi RM50,000 - RM500,000?**

Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang, iaitu seorang pengerusi dan seorang ahli, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan dan Profesional atau setaraf.

9. **Apakah syarat-syarat untuk seseorang pembekal mengambil bahagian dalam urusan sebut harga yang dianggarkan bernilai RM90,000.00?**

Pembekal hendaklah mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan dalam bidang dan kod bidang yang berkaitan. Pembekal juga hendaklah mempunyai sijil taraf Bumiputera.

10. **Apakah had nilai untuk sebut harga?**

Sebut harga bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja adalah tertakluk kepada had nilai seperti berikut:

i) Perolehan Bekalan /Perkhidmatan

- (a) Had nilai sebut harga adalah RM20,000 – RM50,000 (Sebut harga B)
- (b) Had nilai umum sebut harga bagi perolehan bekalan/perkhidmatan adalah di antara RM50,000 hingga RM500,000 (Sebut harga)
- (c) Perolehan bekalan / perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembekal/syarikat

bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan

- (d) Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa daripada sekurang-kurangnya lima (5) pembekal/syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan terbuka kepada syarikat Bumiputera/Bukan Bumiputera.

ii) Perolehan Kerja-Kerja Kecil

- (a) Bagi perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal yang dianggarkan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 perolehan bolehlah dibuat berdasarkan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam. Pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara adil seperti undian atau pusingan atau sebut harga di kalangan kontraktor **Gred G1** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU);
- (b) Bagi perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 Agensi hendaklah mempelawa sebut harga di kalangan kontraktor **Gred G1** (sehingga RM200,000) dan **Gred G2** (melebihi RM200,000 sehingga RM500,000) yang berdaftar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) jika berkaitan;

11. Apakah borang yang boleh digunakan untuk mempelawa sebut harga?

Sebut harga boleh dipelawa dengan menggunakan borang Lampiran Q kepada Arahan Perbendaharaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi kerja, borang/format JKR/JPS boleh digunakan. Borang-borang tersebut boleh diubahsuai mengikut keperluan Jabatan.

12. Siapakah yang layak menyertai urusan Sebut harga?

Kontraktor/pembekal yang layak menyertai urusan sebut harga adalah seperti berikut:

(a) Kerja

Bagi kerja sehingga RM200,000, kontraktor/syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) di bawah **Gred G1** dengan kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU);

Bagi kerja melebihi RM200,000 hingga RM500,000 kontraktor/syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) di bawah **Gred G2** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

(b) Bekalan/Perkhidmatan

Bagi sebut harga melebihi RM20,000 – RM50,000 bagi Bumiputera, pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (terbuka kepada Bumiputera/Bukan Bumiputera)

Bagi sebut harga melebihi RM50,000 hingga RM100,000, pembekal/syarikat yang bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan.

Bagi sebut harga melebihi RM100,000 hingga RM500,000, pembekal/syarikat (Bumiputera/Bukan Bumiputera) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan

13. Berapakah bilangan minimum sebut harga yang perlu dipelawa?

Sebut harga RM20,00 – RM50,000 minimum 3 sebut harga. Sebut harga RM50,000 – RM500,000 minimum 5 sebut harga. Bagi urusan perolehan, sekurang-kurangnya lima (5) pembekal/kontraktor hendaklah dipelawa bagi setiap urusan sebut harga. (Bagi urusan pelupusan sekurang-kurangnya sepuluh sebut harga hendaklah dipelawa rujuk 1PP/AM).

14. Bagaimanakah peti tawaran perlu disediakan?

Peti tawaran hendaklah disediakan dengan dilabelkan tajuk sebut harga, tarikh dan waktu sebut harga peti tawaran ditutup. Peti

tawaran hendaklah dikunci dengan dua kunci yang berasingan dan anak kuncinya hendaklah dipegang oleh dua orang pegawai kanan yang berasingan.

15. Bilakah peti tawaran perlu ditutup?

Peti tawaran hendaklah ditutup pada waktu yang ditetapkan (12.00 tengahari) dan dilakri pada tarikh tutup sebut harga.

16. Bilakah peti sebut harga perlu dibuka?

Peti sebut harga hendaklah dibuka dengan secepat mungkin selepas sebut harga ditutup. Ketua Jabatan ketika melantik Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga secara bertulis hendaklah menetapkan tarikh dan waktu sebut harga perlu dibuka.

17. Siapakah yang boleh membuka peti sebut harga?

Sebut harga RM50,000 – RM500,000 hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang dilantik oleh Ketua Jabatan secara bertulis. Bagi sebut harga RM20,000 – RM500,000 tiada Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.

18. Siapakah yang boleh dilantik sebagai Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga?

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

19. Apakah tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga?

Tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga adalah seperti berikut:

- (i) Membuka peti tawaran pada tarikh dan waktu yang ditetapkan;
- (ii) Memberi nombor kod untuk setiap dokumen tawaran sebut harga;
- (iii) Menandatangani ringkas pada lembaran yang menyatakan harga dan pada apa-apa pindaan tulisan atau taipan bertindih dalam tawaran sebut harga;
- (iv) Merekod pada borang Jadual Sebut Harga dengan mencatatkan nama penyebut harga, kod penyebut harga, harga yang ditawarkan, tempoh siap/tempoh penyerahan dan menandatangani borang tersebut:

- (v) Memastikan bahawa tawaran harga dan tawaran teknikal telah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi sebut harga bekalan dan perkhidmatan. Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja;
- (vi) Mengesahkan penyebut harga telah mengemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti dalam Senarai Semakan; dan
- (vii) Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga juga boleh mencatatkan di Jadual Sebut Harga jika penyebut harga tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti menawarkan tawaran alternatif, mencatat tanda pengenalan syarikat pada dokumen teknikal dan sebagainya.

Penutupan peti sebut harga pada waktu yang ditetapkan bukan merupakan tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga. Ia adalah sebahagian daripada tugas Urusetia Sebut Harga.

20. Bolehkah sebut harga yang diterima lewat dibuka/dipertimbangkan?

Sebut harga yang diterima lewat selepas tarikh dan waktu tutup tidak boleh diterima/dibuka atau dipertimbangkan.

21. Siapakah yang boleh mempertimbangkan/membuat keputusan mengenai sesuatu sebut harga?

Semua keputusan sebut harga hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang dianggotai oleh tiga (3) orang ahli yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Jawatankuasa tersebut hendaklah dipengerusikan oleh Pemegang Waran Peruntukan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal.

23. Bolehkah Jawatankuasa Sebut Harga membuat keputusan secara edaran tanpa bermesyuarat?

Tidak boleh. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang. Perbincangan dan keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Asas-asas pemilihan tawaran yang dipilih hendaklah dicatatkan dengan jelas. Semua keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah sebulat suara.

24. Apakah tindakan yang perlu diambil jika keputusan Jawatankuasa Sebut Harga tidak sebulat suara?

Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga yang tidak sebulat suara hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan agensi berkenaan untuk diputuskan.

- 25. Jika semua sebut harga yang diterima melebihi nilai RM500 ribu, bolehkah Jawatankuasa Sebut Harga menimbang dan membuat keputusan?**

Dalam keadaan di mana tawaran yang dibuat melalui urusan sebut harga melebihi nilai RM500 ribu, Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah membuat perakuan dan mengemukakan sebut harga berkenaan untuk pertimbangan dan disetuju terima oleh Lembaga Perolehan Agensi berkenaan.

- 26. Bolehkah salah seorang ahli Jawatankuasa Sebut Harga terdiri daripada seorang yang bukan pegawai Kerajaan?**

Pengerusi dan semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, 1PP (PK1 – PK8) dan Perintah-Perintah Am.

- 27. Berapakah bilangan minimum pembekal/kontraktor yang perlu dipelawa untuk sesuatu urusan sebut harga?**

5 pembekal/kontraktor (RM50,000 – RM500,000),
3 pembekal/ kontraktor (RM20,000 – RM50,000)

- 28. Apakah tempoh untuk penilaian sebut harga?**

Proses penilaian sebut harga hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh empat belas (14) dari tarikh tawaran sebut harga dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian. (RM50,000 – RM500,000)

- 29. Bolehkah tempoh sah laku sebut harga dilanjutkan?**

Tempoh sah laku sebut harga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran, sebut harga hendaklah dipelawa semula.

- 30. Bolehkah kontrak yang diuruskan melalui sebut harga bernilai kurang daripada RM200,000.00 dilanjutkan?**

Tidak boleh, hanya kontrak yang bernilai melebihi RM200,000.00 boleh dilanjutkan.

- 31. Agensi telah pun mempelawa lima (5) syarikat untuk menyertai satu sebut harga. Namun hanya tiga (3) syarikat yang mengemukakan kembali tawaran sebut harga tersebut walaupun pelawaan dan notis sebut harga telah pun**

dipaparkan. Bolehkah Agensi meneruskan proses sebut harga tersebut?

Agensi boleh meneruskan proses sebut harga tersebut kerana Agensi telah pun mematuhi syarat pelawaan sebut harga dengan mempelawa minimum lima (5) syarikat. Tiga (3) syarikat yang mengemukakan tawaran tersebut perlulah diproses seperti biasa dan sekiranya lulus penilaian, mereka boleh disyorkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk diputuskan.

Walau bagaimanapun Jawatankuasa Sebut Harga perlulah berpuas hati dengan penyertaan tiga (3) syarikat sahaja dalam sebut harga tersebut. Sehubungan itu Agensi adalah digalakkan untuk mempelawa lebih daripada lima (5) syarikat untuk mendapatkan lebih persaingan dan nilai faedah terbaik.

- 32. Bolehkah sebahagian tawaran diterima bagi urusan sebut harga/tender? Sebagai contoh dalam satu pelawaan sebut harga/tender yang melibatkan 40 item, Agensi ingin dan memilih lebih dari satu (beberapa) pembekal yang masing-masing menawarkan harga tawaran yang terbaik bagi item/pakej tertentu.**

Agensi boleh memilih lebih daripada satu pembekal dalam urusan sebut harga/tender dengan menetapkan syarat-syarat / arahan khas / klausa dalam dokumen pelawaan sebut harga/tender seperti berikut:

“Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana penyebut harga/petender. Penyebut harga/petender juga boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item/pakej. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu tawaran yang berasingan.”

Jika syarat sedemikian dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender maka Agensi boleh memilih satu atau beberapa pembekal untuk membekalkan item/pakej tertentu berdasarkan harga yang munasabah dan menguntungkan Kerajaan bagi setiap sebut harga/tender. Syarat yang sama boleh diubahsuai bagi perolehan yang berbilang item/pakej/zon/negeri dan sebagainya.

Syarat sedemikian adalah penting terutama sekali apabila Agensi membeli pelbagai jenis item contohnya untuk kegunaan makmal/pusat latihan dan sebagainya. Ini kerana terdapat kebarangkalian pembekal akan menawarkan harga tawaran keseluruhan yang terendah namun .dalam tawaran keseluruhan tersebut terdapat sebahagian item yang harganya jauh lebih tinggi (tidak munasabah) berbanding harga pasaran.

Tender

1. Adakah tender wajib diiklankan di dalam surat khabar?

Semua pelawaan tender tempatan hendaklah diiklankan dalam portal MyPROCUREMENT. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran. Walau bagaimanapun, Agensi dibolehkan untuk membuat pengiklanan tender tempatan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu.

2. Berapa lamakah tempoh sah laku tender?

Tempoh sah laku tender yang minima adalah selama 90 hari mulai daripada tarikh tawaran ditutup. Agensi perlu merancang agar keputusan dan tawaran dapat dibuat dalam tempoh sah laku tender berkenaan. Tempoh sah laku yang lama mungkin akan mengakibatkan harga lebih tinggi ditawarkan.

3. Apakah sebab-sebabnya sesetengah tender dimenangi bukan oleh petender yang menawarkan harga yang terendah?

Tidak dinafikan dalam keadaan tertentu sebilangan tender tidak dimenangi oleh petender yang menawarkan harga yang terendah. Ini adalah kerana selain daripada faktor harga, beberapa kriteria lain juga diambil kira. Antaranya ialah tawaran yang dikemukakan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, keupayaan petender memenuhi obligasi kontrak, kedudukan kewangan, pengalaman dan sebagainya. Oleh yang demikian, petender yang menawarkan harga yang terendah tidak semestinya dipilih sekiranya tawarannya tidak memenuhi kriteria penilaian yang ditetapkan.

4. Bolehkah panggilan tender tempatan yang telah diiklankan untuk tempoh selama 21 hari dilanjutkan tempohnya kerana tender tersebut amat rumit seperti yang melibatkan pembangunan sistem komputer dan juga atas permintaan petender-petender?

Tempoh minima notis tender tempatan adalah selama 21 hari, namun tempoh yang lebih panjang adalah digalakkan bagi tender-tender yang rumit seperti yang melibatkan sistem. Bagi tender yang sudah pun diiklankan, tarikh tutup tawaran tender bolehlah dilanjutkan dengan mengiklankan kembali tarikh tutup tender yang baru. Semua petender yang telah membeli dokumen tender juga

hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh tersebut. Untuk mengelakkan lanjutan tarikh di masa akan datang, perancangan diperlukan dan tempoh yang sesuai ditetapkan pada pelawaan asal.

5. **Anda telah mempelawa tender untuk membina sebuah stor di luar pejabat dalam kawasan Jabatan anda. Setelah tender dibuka didapati ada 11 tawaran. Tawaran tertinggi adalah 499,800 dan tawaran terendah adalah 499,000. Bolehkah tawaran-tawaran ini dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga atau hanya Lembaga Perolehan boleh menimbangannya?**

Tawaran hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan kerana tender telah dipelawa. Walau bagaimanapun, jika Lembaga Perolehan merujuk tawaran-tawaran tersebut untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Sebut Harga boleh menimbangkannya.

6. **Berapakah tempoh notis minima untuk tender tempatan dan tender antarabangsa?**

Bagi tender tempatan, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 21 hari daripada tarikh dokumen tender mula dijual. Sekiranya tender melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis, sekurang-kurangnya 21 hari daripada tarikh taklimat/lawatan tapak/premis yang mana terkemudian.

Bagi tender antarabangsa, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 56 hari daripada tarikh dokumen tender mula dijual. Sekiranya tender melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis, sekurang-kurangnya 56 hari daripada tarikh taklimat/lawatan tapak/premis yang mana terkemudian.

Sebagai contoh, satu tender tempatan telah diiklankan pada 1 Jun 2012 dan dokumen tender mula dijual pada 4 Jun 2012 dengan tarikh lawatan tapak dijadualkan pada 7 Jun 2012. Untuk tender ini, tarikh tutup tender hendaklah tidak kurang 21 hari mulai daripada tarikh lawatan tapak (7 Jun 2012). Ini kerana lawatan tapak diadakan **terkemudian** daripada tarikh iklan dan tarikh dokumen tender mula dijual (4 Jun 2012).

7. **Adakah tempoh minimum 7 hari untuk sebut harga dan 21 hari untuk tender dikira mengikut hari secara berturut-turut atau hari bekerja?**

Tempoh tersebut hendaklah dikira secara hari berturut-turut.

8. **Apakah maklumat yang perlu dimasukkan dalam iklan tender?**

Maklumat yang perlu dimasukkan termasuklah maklumat jabatan yang mempelawa tender, tajuk tender, syarat petender yang layak, tempat, tarikh dan masa dokumen dijual, harga dokumen, bayaran, cara dan kepada siapa bayaran dibuat, tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup dan tarikh lawatan tapak, jika berkaitan

9. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil ketika menjual dokumen tender?

- (a) Menyediakan salinan dokumen tender yang mencukupi. Semua dokumen tender hendaklah dicatat nombor siri kawalan;
- (b) Menyemak sijil pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan secara *on-line* melalui sistem ePerolehan (www.eperolehan.gov.my)/ CIDB, dan
- (c) Mencatatkan semua penjualan dengan butir-butir nombor siri dokumen, syarikat yang membeli, tarikhnya dan jumlah bayaran dan nombor resit yang dikeluarkan

10. Siapakah yang boleh membuka tender?

Tender hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang terdiri daripada 2 orang. Seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pelantikan Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan.

11. Apakah persediaan yang perlu untuk menerima tawaran tender?

- (i) Menyediakan peti tender;
- (ii) Meletakkan peti tender di tempat yang sesuai supaya tawaran mudah dimasukkan;
- (iii) Memastikan peti tender selamat;
- (iv) Melabelkan peti tender dengan mencatatkan nombor tender, perihal tender, tarikh dan waktu tutup;
- (v) Peti tender hendaklah mempunyai dua kunci dan dipegang oleh dua (2) pegawai secara berasingan; dan
- (vi) Memasukkan semua tawaran yang diterima dalam peti tender.

12. Apakah tugas Jawatankuasa Pembuka Tender?

- (a) Membuka peti tender pada tarikh dan waktu yang ditetapkan di surat pelantikan;
- (b) Memberikan nombor kod pengenalan bagi setiap tawaran
- (c) Mencatatkan nombor kod pengenalan bagi tiap-tiap lembaran tender;

- (d) Menandatangani ringkas setiap lembaran yang mengandungi harga dan pindaan;
- (e) Mengadakan Senarai Semakan untuk menyemak dokumen-dokumen yang disertakan bersama tawaran;
- (f) Merekod pada borang jadual tender tarikh dan waktu tawaran dibuka dan tandatangan borang berkenaan;
- (g) Menyediakan dua jadual. Satu jadual mengandungi nombor bilangan, kod petender, nama petender, harga tawaran, tempoh penyerahan/siap dan satu lagi jadual mengandungi nombor bilangan, kod petender, harga tawaran dan tempoh penyerahan/siap;
- (h) Mengemukakan semua dokumen tawaran dan jadual tender kepada urusetia tender.

13. Siapakah yang boleh melantik ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal?

Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi dan ahli-ahlinya terdiri daripada mana-mana pegawai-pegawai awam yang mahir dan berkebolehan/berkelayakan untuk menilai tender yang berkaitan.

14. Bolehkan penilaian dibuat secara edaran?

Tidak boleh. Penilaian hendaklah dibuat secara bermesyuarat.

15. Bolehkah keputusan majoriti Lembaga Perolehan diterima?

Tidak boleh. Semua keputusan Lembaga Perolehan hendaklah sebulat suara. Jika tidak sebulat suara, tender berkaitan hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan keputusan.

16. Tender terbuka telah dipelawa untuk pembelian sesuatu mesin. Setelah tender ditutup, didapati hanya satu tawaran. Bolehkan tawaran tersebut diperakukan kepada Lembaga Perolehan?

Boleh, dengan syarat mesin berkenaan memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dan lulus penilaian. Dari segi urusan pelawaan tender, pembelian mesin tersebut secara tender terbuka telah dilaksanakan secara telus selaras dengan prinsip-prinsip perolehan. Walau bagaimanapun, jika mesin yang ditawarkan tidak memenuhi spesifikasi atau tidak lulus penilaian yang ditetapkan, maka tender perlu dipelawa semula.

17. Perlukah Surat Niat dikeluarkan bagi semua perolehan secara tender?

Tidak perlu. Jika tawaran diterima keseluruhannya tanpa sebarang pindaan, Surat Setuju Terima boleh terus dikeluarkan.

18. Bolehkah harga tawaran petender dibetulkan oleh petender selepas tender ditutup?

Secara prinsipnya, tawaran harga yang dibetulkan selepas tender ditutup tidak boleh diterima. Semua petender telah diberi masa yang mencukupi untuk mengemukakan tawaran masing-masing dan mereka sepatutnya lebih berhati-hati semasa mencatatkan sebarang harga dalam dokumen tawaran tender.

Di samping itu, Jadual Harga telah ditandatangani oleh pegawai yang ditauliahkan dan adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan harga dicatatkan dengan betul. Selaras dengan prinsip dan peraturan perolehan Kerajaan, maka pembetulan tawaran harga daripada petender hendaklah ditolak dan pertimbangan tender hendaklah berasaskan tawaran harga tender yang asal.

19. Apakah tempoh tutup minimum untuk tender terhad?

21 hari

20. Bolehkah keputusan Lembaga Perolehan dibuat secara edaran?

Lembaga Perolehan hendaklah bermesyuarat/bersidang dan keputusan secara edaran tidak dibenarkan kecuali untuk perolehan secara eBidding.

21. Apakah tempoh untuk penilaian tender?

Proses penilaian tender hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

22. Apakah tatacara yang perlu dipatuhi untuk membatalkan tender?

Sebelum membatalkan sesuatu tender kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Setelah mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan tender boleh dibatalkan. Pembatalan tender hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan.

23. Apakah tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Tender?

Tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Tender adalah seperti berikut:

- i) Membuka peti tawaran pada tarikh dan waktu yang ditetapkan;
- ii) Memberi nombor kod untuk setiap dokumen tawaran tender;
- iii) Menandatangani ringkas pada lembaran yang menyatakan harga dan pada apa-apa pindaan tulisan atau taipan bertindih dalam tawaran tender;
- iv) Merekod pada borang Jadual Sebut Harga dengan mencatatkan nama pretender, kod petender, harga yang ditawarkan, tempoh siap/tempoh penyerahan dan menandatangani borang tersebut;
- v) Memastikan bahawa tawaran harga dan tawaran teknikal telah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi tender bekalan dan perkhidmatan *design & build*. Bagi tender kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja;
- vi) Mengesahkan petender telah mengemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti dalam Senarai Semakan; dan
- vii) Jawatankuasa Pembuka Tender. juga boleh mencatatkan di Jadual Tender. jika petender tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti menawarkan tawaran alternatif, mencatat tanda pengenalan syarikat pada dokumen teknikal dan sebagainya.

Penutupan peti tender pada waktu yang ditetapkan bukan merupakan tugas Jawatankuasa Pembuka Tender. Ia adalah sebahagian daripada tugas Urusetia Tender.

Tender Terhad

1. Apakah perbezaan di antara tender terbuka dan tender terhad?

Proses tender terhad adalah seperti proses tender terbuka dan dokumen tender terhad adalah seperti dokumen tender terbuka. Untuk urusan tender terhad spesifikasi masih perlu disediakan (dgn menubuhkan J/K Spesifikasi), dokumen tender disediakan, dokumen tender dijual, tawaran diterima dan ditutup tender (tempoh masih 21 hari), tawaran tender dinilai dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan A. Perbezaan tender terbuka dan tender terhad cuma adalah tender terbuka perlu diiklankan dalam akhbar manakala tender terhad tidak perlu diiklankan.

Bagi tender terhad Kertas Pertimbangan hendaklah disediakan kepada Lembaga Perolehan untuk:

- (a) memohon kelulusan mempelawa tender terhad dengan justifikasi bagi tender terhad; dan
- (b) mencadangkan senarai pembekal/kontraktor yang dicadangkan dipelawa (sebanyak 10 pembekal Bumiputera bagi nilai sehingga RM5 juta dan 10 pembekal (Bumiputera/ Bukan Bumiputera) bagi nilai RM10 juta.)

Setelah mendapat kelulusan Lembaga Perolehan (utk pelawa tender terhad dan 10 pembekal yang dicadangkan), tender terhad boleh dipelawa dengan menjemput 10 pembekal berkenaan membeli dokumen tender dan mengemukakan tawaran dan seterusnya tawaran diproses seperti tender terbuka. Semua tender terhad hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan 'A' Agensi.

2. Apakah syarat-syarat dan pihak berkuasa manakah yang boleh menimbang dan memutuskan tender terhad?

- (a) Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja bernilai sehingga RM5 juta, pemilihan syarikat/kontraktor hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi A di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat/kontraktor Bumiputera tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi tender bekalan/perkhidmatan dan bagi tender kerja, perlu berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan (BPKU)
- (b) Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja bernilai melebihi RM5 juta hingga RM10 juta, pemilihan syarikat/kontraktor hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi A di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat/kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi bekalan/perkhidmatan dan bagi tender kerja, perlu berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
- (c) Bagi tender bekalan, Agensi hendaklah mempelawa tender di kalangan pembuat dan jika tiada pembuat, pembekal boleh dipelawa. Tender tidak boleh dipelawa bersekali di kalangan pembuat dan pembekal. Jika bilangan pembuat/pembekal tidak mencukupi daripada bilangan minimum, maka pelawaan hendaklah dibuat di kalangan pembuat/pembekal yang berkenaan sahaja. Bagi tender kerja, jika bilangan kontraktor tempatan tidak mencukupi ianya boleh dibuka kepada kontraktor di negeri/daerah bersebelahan/berdekatan.

Sebelum agensi mempelawa tender terhad, Agensi hendaklah menyediakan kertas pertimbangan kepada Lembaga Perolehan Agensi A untuk:

- (a) mendapat kelulusan untuk mempelawa tender terhad; dan
- (b) mendapat kelulusan senarai kontraktor yang akan dipelawa dalam urusan tender terhad.

Setelah kelulusan diperolehi daripada Lembaga Perolehan A, tender terhad boleh dipelawa. Pertimbangan dan keputusan **hendaklah** dibuat oleh Lembaga Perolehan A.

Bagi cadangan tender terhad yang melebihi RM10 juta, Agensi hendaklah memohon kepada Kementerian Kewangan dengan memberikan justifikasi untuk mempelawa tender terhad dan senarai kontraktor yang dicadangkan untuk dipelawa.

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

1. **Adakah syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun (seperti Telekom, MAHB, TNB, PBLT) tertakluk kepada pemakaian 1PP/PK3 ini?**

Tidak. Melainkan telah termaktub di dalam Resolusi Ahli Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedure* atau *Red Book* masing-masing untuk mematuhi peraturan perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Jabatan Teknik

2. **Bagi perolehan perkhidmatan perunding, Agensi manakah yang telah diiktiraf sebagai Jabatan Teknik?**

Bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal, Jabatan Teknik adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sahaja. Dua Jabatan ini telah diberi kuasa *Right of First Refusal* (ROFR) untuk menentukan / mengenalpasti projek yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan Teknik sendiri ataupun oleh Agensi.

3. **Adakah Unit/Bahagian Teknik di Kementerian/Universiti juga dianggap sebagai Jabatan Teknik?**

Tidak. Agensi yang diiktiraf sebagai Jabatan Teknik hanyalah JKR dan JPS sahaja.

4. **Adakah Jabatan Kerja Raya Sabah dan Jabatan Kerja Raya Sarawak turut diiktiraf sebagai Jabatan Teknik di dalam perolehan perunding?**

Ya, JKR Sabah dan JKR Sarawak adalah turut diiktiraf sebagai Jabatan Teknik hanya bagi projek-projek pembangunan fizikal di Sabah dan Sarawak sahaja.

5. **Perluakah kerja-kerja ukur dirujuk kepada Jabatan teknik?**

Selaras dengan 1PP/PK3.1/Perenggan 3.1.1, kerja yang tidak perlu dirujuk kepada Jabatan Teknik adalah yang melibatkan kerja ukur dan kerja pembaikan yang tidak melibatkan perubahan struktur.

Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)

6. **Adakah lantikan keahlian JPP berdasarkan jawatan ataupun nama pegawai? Bolehkah keahlian JPP mempunyai ahli tetap dan ahli ganti? Bolehkah ahli JPP mewakili kepada pegawai lain yang bukan ahli ganti?**

Sewajarnya Agensi hendaklah menubuhkan keahlian JPP berdasarkan nama pegawai sama ada peranan ahli tersebut sebagai ahli tetap atau ahli ganti. Keahlian tersebut hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Agensi/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa. Ahli JPP tidak dibenarkan untuk mewakili keahliannya kepada pegawai lain yang tidak dilantik. Sebaik-baiknya keahlian JPP hendaklah terdiri daripada ahli yang sama sepanjang proses perolehan perunding bagi sesuatu projek/kajian bagi memastikan penglibatan secara komprehensif, konstruktif dan holistik.

Kaedah Perolehan

7. **Bagaimanakah proses pelantikan perunding baru bagi projek sakit yang disebabkan oleh pihak kontraktor dan pada masa yang sama pihak perunding juga telah menarik diri daripada projek tersebut?**

Pelantikan perunding adalah perlu mengikut garis panduan dalam MPPP Edisi 2011. Bagi penentuan kaedah perolehan yang perlu digunakan sama ada Lantikan Terus, Tender Terhad atau Tender Terbuka adalah bergantung kepada baki kos projek yang perlu disiapkan. Segala urusan yang melibatkan perunding asal seperti obligasi kontrak dan penamatan perkhidmatan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu oleh Agensi. Ini adalah bagi memastikan tidak berlaku sebarang isu yang melibatkan isu perundangan di kemudian hari.

- 8. Sekiranya firma asing yang mempunyai kepakaran menawarkan kos yang lebih rendah berbanding firma tempatan, bolehkan firma asing tersebut dilantik?**

Jika dipanggil secara tender, elemen kos terendah tidak menjadi isu kerana ia bukan merupakan kriteria utama dalam perolehan perunding. Penilaian teknikal adalah lebih penting selaras dengan MPPP 2011 yang telah menetapkan wajaran sebanyak 80% bagi Penilaian Teknikal dan 20% bagi Penilaian Kos. Pengesyoran firma yang layak untuk dipertimbangkan adalah berdasarkan penilaian keseluruhan yang terbaik di mana merangkumi Penilaian Teknikal dan Penilaian Kos. Sekiranya berdasarkan penilaian keseluruhan terbaik, firma asing tersebut memperoleh kedudukan markah tertinggi daripada firma tempatan, Agensi hendaklah mempertimbangkan/melantik firma asing tersebut. Agensi hendaklah memastikan sebarang tawaran kos daripada firma asing hendaklah dinyatakan di dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) dan syarat tersebut hendaklah dinyatakan secara jelas di dalam Iklan/Dokumen Pelawaan. Sebarang tender yang melibatkan penyertaan firma asing hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan sebelum iklan/surat pelawaan dikeluarkan.

Caj Pentadbiran

- 9. Bagi perunding Universiti, bolehkah caj pentadbiran dikenakan secara berasingan ataupun tambahan kepada yuran perunding?**

Kedua-duanya tidak boleh. Ini adalah kerana caj pentadbiran adalah merupakan salah satu komponen yang telah diambilkira dalam faktor pengganda seperti di dalam MPPP 2011.

Penggajian Kakitangan Perkeranian

- 10. Memandangkan tiada skala gaji kakitangan perkeranian pentadbiran diperuntukkan dalam MPPP 2011, apakah kadar gaji kakitangan perkeranian pentadbiran yang masih diperlukan di pejabat tapak penyeliaan projek terutamanya bagi projek-projek besar?**

MPPP 2011 tidak membenarkan penggajian kakitangan perkeranian kerana kos perkeranian telah diambilkira sebagai salah satu komponen di dalam faktor pengganda firma. Pendekatan ini adalah selaras dengan amalan yang dilaksanakan oleh Negara lain diantaranya Singapura, Hong Kong dan India. Oleh itu, sekiranya firma masih memerlukan kakitangan tersebut di tapak projek, kos

penggajian perkeranian hendaklah ditanggung sendiri oleh firma. Walau bagaimanapun, bagi kontrak yang ditandatangani sebelum SPP 2/2011 dikeluarkan di mana projek masih dalam pelaksanaan dan memerlukan pengambilan kakitangan perkeranian baru disebabkan kaitangan berkenaan meletak jawatan, kadar sedia ada dalam perjanjian tersebut boleh terus digunakan sehingga projek siap.

Cost Of Work

- 11. Bolehkah kos awalan projek (*preliminaries*) bagi pelaksanaan projek pembangunan fizikal yang menggunapakai skala yuran piawai diambil kira dalam pengiraan *cost of work* bagi pengiraan kos perunding bidang kejuruteraan?**

Kementerian Kewangan tiada halangan sekiranya kos preliminaries dijadikan sebahagian daripada *cost of work* seperti mana yang dijelaskan di dalam surat Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bertarikh 11 Februari 2011.

Bon Pelaksanaan

- 12. Bon Pelaksanaan selalunya digunakan sebagai jaminan kepada Kerajaan di dalam perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja. Adakah Bon Pelaksanaan disyaratkan sebagai jaminan di dalam perolehan perunding?**

Di dalam MPPP 2011 dan juga dokumen perjanjian perkhidmatan perunding, Bon Pelaksanaan tidak disyaratkan sebagai jaminan kepada Kerajaan. Perkhidmatan perunding tidak memerlukan bon pelaksanaan kerana sukar bagi Kerajaan untuk menilai kerugian kepakaran. Walau bagaimanapun, bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan memastikan perunding mematuhi jadual pelaksanaan projek, klausa pengenaan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) dikuatkuasakan di dalam perjanjian. Perjanjian piawai perunding juga mensyaratkan perunding projek pembangunan fizikal mengambil dan menyelia *Professional Indemnity Insurance* (PII). PII adalah merupakan satu penyelesaian bagi penyedia perkhidmatan untuk memindahkan risiko perunding (sama ada individu/firma) disaman atas kesilapan yang mungkin perunding lakukan. Contohnya, golongan profesional adalah seperti Arkitek, Jurutera, Akauntan, Peguam, Juruukur dan Jurunilai membeli polisi PII.

Pelanjutan Tempoh Perjanjian Perunding Yang Tidak Melibatkan Perubahan Kos

- 13. Bagi pelanjutan tempoh perjanjian perunding yang tidak melibatkan perubahan kos, Pihak Berkuasa Melulus (PBM) manakah yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan perkara tersebut? Adakah Agensi perlu merujuk kepada PBM asal yang meluluskan pelantikan perunding tersebut?**

Sewajarnya pelanjutan tempoh perjanjian perunding yang tidak melibatkan perubahan kos hendaklah dipertimbangkan oleh PBM Agensi tertakluk kepada had nilai kuasa masing-masing walaupun pelantikan perunding tersebut telah diluluskan oleh PBM yang lebih tinggi sebelum ini. Namun begitu, Agensi boleh merujuk kepada PBM asal yang meluluskan pelantikan perunding tersebut bagi mempertimbangkan pelanjutan perjanjian tersebut.

Tetapi sekiranya pelanjutan tempoh perjanjian tersebut terdapat perubahan kos, maka hanya Lembaga Perolehan 'A' Agensi diberi kuasa untuk meluluskan tambahan kos tersebut tertakluk tidak melebihi 100% daripada kos asal perunding yang diluluskan. Kelulusan tambahan kos melebihi 100% daripada kos asal perunding hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan.

Perjanjian Piawai Bagi Bidang Ukur Tanah

- 14. Perjanjian Piawai Perunding pada masa ini hanya disediakan untuk bidang Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Input Masa. Adakah terdapat perjanjian piawai bagi bidang Ukur Tanah?**

Tiada. Bagi perjanjian ukur tanah dan juga kerja-kerja ukur lain, Agensi adalah dinasihatkan merujuk kepada Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan draf perjanjian tersebut hendaklah dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang Agensi untuk semakan dan persetujuan.

Permohonan ID

- 15. Siapakah yang boleh memohon ID Sistem ePerunding?**

Agensi

Login ID dan kata laluan hanya diberikan kepada pegawai-pegawai Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam pendaftaran projek/kajian Kerajaan dan terlibat dalam permohonan pelantikan perunding. Setiap permohonan perlulah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal. Sila rujuk halaman Permohonan ID Pendaftar Projek dan [Permohonan ID Agensi](#).

Firma Perunding

Login ID dan kata laluan boleh dipohon oleh dua orang wakil firma perunding bagi tujuan menyemak maklumat profil dan pengalaman syarikat. Setiap permohonan perlulah mendapat pengesahan daripada Pengarah/Pengurus Firma. Sila rujuk halaman [Penerangan kepada Firma](#)

16. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan ID bagi individu yang layak memohon?

Sila ikuti langkah-langkah berikut :

- (i) Muat turun Borang ID daripada menu Muat Turun di dalam portal ePerunding : <http://porteperunding.treasury.gov.my/>
- (ii) Isi dengan lengkap kesemua maklumat yang diperlukan. Pastikan ruangan email diisi dengan tepat kerana kelulusan ID dan katalaluan akan dihantar terus oleh sistem ke email yang dinyatakan. Pastikan borang ID dihantar ke MOF bersama-sama dokumen sokongan (Pengguna Agensi: salinan pas kerja)(Pengguna Firma: salinan kad pengenalan dan sijil pendaftaran syarikat);
- (iii) Semak kelulusan permohonan ID di dalam email dalam tempoh 1-5 hari
- (iv) bekerja.

Terlupa Kata Laluan

17. Bagaimanakah proses untuk saya mendapatkan semula kata laluan yang baru sekiranya saya telah terlupa kata laluan yang telah dibekalkan?

Sila hubungi pihak teknikal sistem ePerunding (Telefon : 03-8882 4272 atau Email : sistemeperunding@treasury.gov.my) untuk maklumat lanjut. Rujuk [di sini](#) untuk mendapatkan panduan mengingati password anda.

PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Mengapakah pentadbiran kontrak yang sempurna diperlukan?

Pentadbiran dan pengawasan kontrak memainkan peranan yang penting dalam perolehan Kerajaan bagi memastikan kontraktor memenuhi semua obligasinya di bawah kontrak yang

ditandatangani. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai untuk memastikan kerajaan mendapat nilai dan faedah maksimum untuk bayaran yang akan dibuat oleh kerajaan. Ia termasuk memastikan kualiti barangan yang dibekalkan menepati spesifikasi dalam kontrak atau jika perkhidmatan yang diberikan, perkhidmatan tersebut mengikut spesifikasi/kekerapan dan mengikut mutu yang telah dipersetujui. Bagi perolehan kerja, ianya hendaklah meliputi skop kerja yang ditetapkan dan dipersetujui dalam tawaran/kontrak. Di samping itu, bekalan hendaklah dibekalkan dalam tempoh yang telah dipersetujui dan jika kerja, maka kerja hendaklah disiapkan dalam tempoh yang telah ditawarkan atau ditetapkan dalam kontrak. Jika kontraktor lewat membekal atau lewat menyiapkan kerja, maka tindakan hendaklah diambil untuk mengenakan denda/LAD di mana berkenaan.

2. Adakah Surat Niat yang dikeluarkan bukti kontrak ditawarkan kepada sesuatu pihak?

Surat niat tidak mengikat Kerajaan kepada satu perjanjian kontrak dan tidak memberi implikasi bahawa satu kontrak telah wujud.

3. Apakah yang dimaksudkan sebagai Surat Setuju Terima?

Surat Setuju Terima (SST) ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender, draf dokumen kontrak yang telah dikeluarkan terdahulu, syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam Surat Niat dan syarat-syarat lain yang telah dipersetujui. SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya setelah semua rundingan selesai dan persetujuan dicapai. Semua syarat dan perubahan yang telah dipersetujui dalam rundingan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam SST. SST ialah dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen kontrak.

4. Berapa lamakah tempoh yang ditetapkan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima?

Lazimnya, kontraktor hendaklah mengembalikan SST dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran tersebut. Tempoh lebih lama boleh diberikan tetapi hendaklah dihadkan kepada tempoh yang munasabah.

5. Apakah format/bentuk Surat Setuju Terima (SST)?

SST hendaklah dalam format/bentuk yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Sila rujuk 1PP.

6. Selepas mendapat kontrak bolehkah saya subkontrak kepada orang lain?

Anda tidak boleh sub-kontrak keseluruhan kontrak atau mana-mana bahagian kontrak kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Sebagai makluman syarikat dipilih berdasarkan penilaian dan dari itu sub-kontrak lazimnya tidak dibenarkan.

Bayaran Wang Pendahuluan

1. Apakah syarat-syarat bagi bayaran wang pendahuluan bagi kontraktor kerja?

Syarat-syarat dan kadar bayaran pendahuluan kepada kontraktor kerja adalah seperti berikut:

- (a) Bayaran pendahuluan dibenarkan kepada kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja yang dipelawa secara tempatan dan juga kepada kontraktor kerja secara *design & build* dan *turnkey*; dan
- (b) Kadarnya adalah sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (*builder's work*) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada kontraktor utama. Sehingga 20% daripada nilai pakej kerja atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada Sub Kontraktor Yang Dinamakan (*Nominated Sub Contractor* (NSC)).

2. Apakah syarat-syarat yang harus dipenuhi sebelum bayaran pendahuluan boleh dibayar?

Bayaran pendahuluan boleh dibayar dengan syarat:

- (a) Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan;
- (b) Bon pelaksanaan telah dikemukakan;
- (c) Polisi-polisi insurans seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan;
- (d) Kontraktor mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Bank Islam atau Jaminan Takaful atau Jaminan Bank Pembangunan yang sama nilainya dengan jumlah pendahuluan; dan
- (e) Jaminan bagi kontraktor utama dan Sub kontraktor yang dinamakan hendaklah dibuat secara berasingan dan mengikut nilai yang ditetapkan.

3. Apakah arahan berkaitan pemungutan wang pendahuluan?

Agensi hendaklah mendapatkan balik bayaran pendahuluan ini melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja. Tempoh pembayaran balik ini tidak boleh melebihi keseluruhan tempoh kontrak. Pegawai Penguasa hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%. Bagi memastikan wang pendahuluan dikutip dengan teratur, satu Buku Daftar hendaklah diselenggarakan untuk mencatatkan semua kutipan balik.

4. Apakah syarat-syarat bagi bayaran wang pendahuluan bagi kontraktor bekalan dan perkhidmatan?

Syarat-syarat dan kadar bayaran pendahuluan kepada kontraktor bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Perolehan Bekalan

- (a) Bayaran pendahuluan boleh dibayar kepada kontraktor bekalan dan perkhidmatan dan kontraktor bertaraf pembuat tempatan;
- (b) Kadarnya adalah sehingga 25% daripada nilai keseluruhan kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah;
- (c) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Bank Islam atau Jaminan Takaful atau Jaminan Bank Pembangunan yang sama nilainya dengan jumlah pendahuluan; dan
- (d) Agensi hendaklah mendapatkan balik bayaran pendahuluan ini melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan. Tempoh pembayaran balik ini tidak boleh melebihi keseluruhan tempoh kontrak.

Bagi memastikan wang pendahuluan dikutip dengan teratur, satu Buku Daftar hendaklah diselenggarakan untuk mencatatkan semua kutipan balik.

Perolehan Perkhidmatan

- (a) Kadar wang pendahuluan adalah sehingga 15% daripada nilai keseluruhan kontrak atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah kepada pembekal perkhidmatan tempatan;
- (b) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Bank Islam atau Jaminan Takaful atau Jaminan

Bank Pembangunan yang sama nilainya dengan jumlah pendahuluan; dan

- (c) Agensi hendaklah mendapatkan balik bayaran pendahuluan ini melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat perkhidmatan yang telah disempurnakan. Tempoh pembayaran balik ini tidak boleh melebihi keseluruhan tempoh kontrak.

Bagi memastikan wang pendahuluan dikutip dengan teratur, satu Buku Daftar hendaklah diselenggarakan untuk mencatatkan semua kutipan balik. Bagi perolehan perkhidmatan perunding, perunding tidak layak diberi wang pendahuluan.

Pelanjutan Tempoh Kontrak

1. Siapakah pihak berkuasa untuk perlanjutan kontrak?

Pihak berkuasa untuk pelanjutan kontrak adalah Lembaga Perolehan yang telah menyetujui terima atau memutuskan tender asal atau Jawatankuasa Sebut Harga yang telah menyetujui terima atau memutuskan sebut harga asal.

2. Apakah syarat-syarat bagi membolehkan sesuatu kontrak itu dilanjutkan?

Perubahan atau pelanjutan tempoh kontrak bekalan/perkhidmatan bagi perolehan Persekutuan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat yang berikut:

- (a) Kontrak masih berkuat kuasa (kontrak yang sudah tamat tempoh tidak boleh dilanjutkan);
- (b) Tidak melibatkan perubahan kadar harga;
- (c) Pelanjutan tempoh diberi sekali sahaja dan tidak melebihi 2 tahun; dan
- (d) Tambahan kuantiti/nilai tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM7.5 juta dan dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal (jumlah terkumpul) tidak melebihi RM25 juta.

3. Apakah syarat-syarat bagi membolehkan sesuatu kontrak yang diuruskan melalui sebut harga dilanjutkan?

Perubahan atau pelanjutan tempoh kontrak bekalan/perkhidmatan bagi perolehan Persekutuan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal dengan syarat yang berikut:

- (a) Kontrak masih berkuat kuasa (kontrak yang sudah tamat tempoh tidak boleh dilanjutkan);

- (b) Tidak melibatkan perubahan kadar harga;
- (c) Pelanjutan tempoh diberi sekali sahaja dan tidak melebihi 2 tahun; dan
- (d) Tambahan kuantiti/nilai tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM250,000 dan dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal (jumlah terkumpul) tidak melebihi RM750,000.

4. Bolehkah pelanjutan masa dipertimbangkan untuk kontrak kerja?

Lazimnya, pelanjutan masa bagi kontrak kerja tidak harus diberikan. Ini adalah kerana berkemungkinan tawaran oleh kontraktor tertentu dipilih kerana kontraktor berkenaan boleh menyiapkan projek lebih awal dan mungkin juga tawaran yang lebih tinggi dipilih dengan menggunakan alasan yang sama. Walau bagaimanapun, perlanjutan masa bagi menyiapkan sesuatu kerja boleh dibenarkan berpandukan kepada syarat-syarat kontrak. Pertimbangan biasanya boleh diberi berasaskan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan oleh pihak kontraktor iaitu:

- (a) *Force Majeure*;
- (b) Kelewatan atau kerosakan yang disebabkan oleh mana mana perkara luar jangka yang disebut dalam kontrak;
- (c) Arahan yang diberi oleh Pegawai Penguasa yang mengakibatkan penangguhan projek;
- (d) Kelewatan yang disebabkan oleh Pegawai Penguasa berpunca dari arahan, lukisan, penamaan sub-kontraktor/pembekal yang diperuntukkan dalam kontrak atau kelewatan yang disebabkan oleh Kerajaan dalam melaksanakan kerja kemahiran yang tidak menjadi sebahagian daripada kontrak;
- (e) Kelambatan memberi milik tapak bina mengikut kontrak;
- (f) Apa-apa tindakan yang berpunca dari penyatuan pekerja-pekerja setempat atau mogok atau tutup pintu; dan
- (g) Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal dan diramalkan olehnya dengan munasabah.

5. Adakah pelanjutan tempoh penghantaran bekalan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender asal?

Pelanjutan tempoh penghantaran bekalan boleh dibenarkan oleh pentadbir kontrak dan tidak perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender asal. Hanya pelanjutan tempoh kontrak yang perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebut harga atau tender asal.

KWIBK

1. Apakah yang dimaksudkan akaun amanah KWIBK?

Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan diwujudkan sebagai suatu kaedah bagi memberi perlindungan insurans terhadap barangan yang diimport oleh agensi Kerajaan. Insurans ini juga melindungi perjalanan pergi dan balik apabila barangan tersebut perlu dibaiki/diganti. Walau bagaimanapun, perlindungan ini tidak termasuk perjalanan barangan yang dilakukan oleh agensi kerajaan di dalam Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Dokumen Kontrak

1. Apakah had nilai pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani kontrak.

Penetapan had nilai kontrak adalah mengikut jumlah kontrak dan nilai kontrak. Jika terdapat banyak kontrak dengan nilai besar dan kecil, dan di peringkat Persekutuan dan Negeri, maka mungkin lebih ramai pegawai perlu diwakilkan kuasa untuk menandatangani kontrak. Terpulang kepada Agensi untuk menentukan bilangan pegawai dan menetapkan had nilai untuk menandatangani kontrak. Sebagai contoh, kontrak mencuci pejabat, perkhidmatan keselamatan, potong rumput, sewa pejabat, sewa mesin fotostat dan lain-lain sesuai ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan tersebut.

2. Siapakah yang boleh menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan?

Di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) semua kontrak hendaklah buat atas nama Kerajaan. Kontrak boleh ditandatangani oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri.

3. Perlukah dokumen kontrak di setem dan siapakah yang perlu menanggung kosnya?

Kontrak perlu dimatikan setem dan kosnya hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

4. Adakah kontrak diikat antara Jabatan dengan kontraktor atau Kementerian dengan kontraktor?

Di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973), semua kontrak adalah diikat bagi pihak Kerajaan dan oleh itu hendaklah dibuat atas nama KERAJAAN MALAYSIA.

5. Siapakah yang boleh menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan?

Kontrak boleh ditandatangani oleh YB Menteri atau pegawai yang diberi kuasa oleh YB Menteri yang berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973) (akta 120).

Semua Ketua Setiausaha Kementerian hendaklah mengenal pasti pegawai-pegawai yang sesuai untuk menandatangani kontrak dan memastikan penurunan kuasa dengan had-had kuasa secara bertulis telah diperolehi dengan sewajarnya daripada YB Menteri Kementerian berkaitan. Penurunan kuasa ini hendaklah dikaji semula setiap tahun dan dikemaskinikan. Hanya pegawai yang telah diturunkan kuasa sahaja boleh menandatangani kontrak.

6. Adakah format/ccontoh untuk memberi/menurunkan kuasa untuk menandatangani kontrak?

Format untuk memberi/menurunkan kuasa menandatangani kontrak adalah seperti di Jadual dalam Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120).

7. Adakah kuasa menandatangani kontrak dikira mengikut nilai kontrak setahun atau nilai keseluruhan kontrak?

Kuasa menandatangani kontrak meliputi nilai keseluruhan kontrak dan bukan nilai kontrak setahun.

Tempoh Tanggungan Kecacatan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan?

Tempoh tanggungan kecacatan adalah satu tempoh di mana kontraktor perlu memperbaiki apa-apa kecacatan yang dikenal pasti oleh pegawai penyelia selepas sesuatu kerja diperakukan siap. Semua perbelanjaan membaiki apa-apa kecacatan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan tiada sebarang kos tambahan dikenakan kepada Kerajaan.

2. Adakah tempoh masa tertentu bagi Tempoh Tanggungan Kecacatan?

Tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak kerja adalah seperti yang berikut:

- (a) Bagi kontrak kerja yang bernilai di antara RM10,000 hingga RM100,000, enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap; dan
- (b) Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM100,000 sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh diperakukan siap. Bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal tempoh waranti ke atas alat-alat dan logi-logi adalah dua belas (12) bulan tetapi dalam kes-kes tertentu oleh kerana kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada dua belas (12) bulan boleh dikenakan.

3. Apakah obligasi kontraktor kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan?

Dalam tempoh tersebut, kontraktor kerja hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan ke atas kerja yang telah disiapkan. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, perbelanjaan yang dikenakan untuk memperbaiki apa-apa kecacatan hendaklah dituntut daripada bon pelaksanaan.

4. Apakah Tempoh Jaminan/Waranti Bagi Bekalan?

Biasanya bagi bekalan, satu tempoh jaminan/waranti akan ditetapkan. Tempoh jaminan/waranti adalah bergantung kepada jenis dan kerumitan barang. Tempoh waranti pembuat adalah berbeza daripada tempoh waranti/jaminan oleh pembekal, jika pembekal bukan pembuat.

Bagi kontrak bekalan, kontraktor hendaklah memperbaiki apa-apa kerosakan atau mengganti barang yang dibekalkan. Jika kontraktor tidak berbuat demikian, perbelanjaan untuk memperbaiki apa-apa kerosakan hendaklah dituntut daripada bon pelaksanaan. Jika kontraktor gagal mengganti barang yang ditolak penerimaannya, kos barang hendaklah dituntut daripada bon pelaksanaan.

Bon Pelaksanaan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Bon Pelaksanaan?

Bon Pelaksanaan ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor yang mendapat kontrak daripada Kerajaan, yang boleh dipegang oleh Kerajaan bagi melindungi kepentingannya dan memastikan kontraktor melaksanakan semua obligasi di bawah sesuatu kontrak.

2. Adakah bon pelaksanaan diperlukan bagi semua kontrak atau kontrak bernilai melebihi RM50,000 sahaja?

Bon pelaksanaan diperlukan untuk kontrak bernilai melebihi RM200,000.00 sahaja.

3. Adakah kontrak yang bernilai di bawah RM200,000 dikecualikan daripada sebarang jaminan atau bon pelaksanaan?

Kontrak yang bernilai kurang daripada RM200,000 **tidak dikenakan syarat Bon Pelaksanaan**. Jika kontraktor/syarikat gagal melaksanakan obligasinya di bawah kontrak, laporan perlu dibuat kepada Kementerian Kewangan / **CIDB** untuk tindakan tatatertib.

4. Kontrak telah diadakan dengan pembekal yang berdaftar tetapi tiada bon pelaksanaan dikenakan. Jika pembekal berdaftar ini tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan, apakah tindakan-tindakan yang patut diambil?

Pembekal hendaklah diberi surat peringatan dan jika perkhidmatan masih tidak memuaskan surat amaran dikeluarkan. Jika tiada kemajuan juga, kontrak hendaklah ditamatkan. Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

5. Apakah bentuk-bentuk bon pelaksanaan yang boleh diterima untuk kontrak Kerajaan?

Bon pelaksanaan boleh diberi dalam bentuk seperti berikut:

- (a) Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (b) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (c) Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (d) Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (e) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- (f) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB); atau

(g) Wang Jaminan Pelaksanaan (untuk kerja sahaja).

6. Berapakah kadar bon pelaksanaan?

Kadar bon pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (a) 2.5% daripada nilai kontrak bagi kontrak bekalan / perkhidmatan yang bernilai RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
- (b) 5% daripada nilai kontrak bagi kontrak bekalan / perkhidmatan yang melebihi RM500,000.
- (c) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan bermasa yang berkuatkuasa bagi tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan amaun bon pelaksanaan dikira mengikut anggaran nilai kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- (d) 5% daripada nilai kontrak bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.

7. Berapa lamakah tempoh sah laku bon pelaksanaan?

Tempoh sah laku bon pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (a) Perolehan Kerja
Dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan.
- (b) Perolehan Bekalan
Dua belas (12) bulan selepas penghantaran terakhir atau tarikh tamat kontrak yang mana terkemudian.
- (c) Perolehan Perkhidmatan
Dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak.

8. Sebagai ganti untuk bon pelaksanaan, bolehkah jaminan korporat diterima untuk perolehan kerajaan?

Tidak boleh. Rujuk bentuk bon pelaksanaan di atas.

6. Kontraktor Syarikat Pembinaan MSN telah berjaya dipilih untuk projek membina sebuah sekolah di daerah Kemaman yang bernilai RM10 juta. Berapakah kadar bon pelaksanaan yang dikenakan?

Kadar bon pelaksanaan yang dikenakan adalah sebanyak 5% (kadar untuk semua jenis kerja melebihi RM200,000.00).

7. Bagaimanakah contoh pengiraan Bon Pelaksanaan bagi kontrak perolehan bekalan/perkhidmatan?

CONTOH 1 (Bekalan/Perkhidmatan)

- (i) Tempoh Kontrak : 3 tahun
- (ii) Nilai Kontrak : RM 4.5 juta
- (iii) Kadar Bon : 5%
(berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM1.5 juta)
- (iv) Jumlah (RM15 juta X 5%) = RM750,000.00

CONTOH 2 (Bekalan/Perkhidmatan)

- (i) Nilai Kontrak : RM 800,000.00
- (ii) Tempoh Kontrak : 2 tahun
- (iii) Kadar Bon : 2.5%
(berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM400,000.00)
- (iv) Jumlah (RM400,000.00 X 2.5%) = RM10,000.00
(*bukan RM800,000 X 5%=RM40,000 atau RM400,000 X 5%=RM20,000*)

8. Bagaimanakah contoh pengiraan Bon Pelaksanaan bagi kontrak perolehan kerja?

CONTOH 1 (KERJA)

- (i) Tempoh Kontrak/Siap : 3 tahun/36bulan
- (ii) Nilai Kontrak : RM 15 juta
- (iii) Kadar Bon : 5%
(5% daripada nilai keseluruhan kontrak)
- (iv) Jumlah (RM15 juta X 5%) = RM750,000.00

Penamatan Kontrak

1. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil sebelum menamatkan sesuatu kontrak jika kontraktor/pembekal gagal memenuhi obligasi-obligasi kontrak?

Sebelum menamatkan kontrak, peluang yang munasabah hendaklah diberikan kepada kontraktor yang gagal memenuhi obligasi kontrak. Ini termasuk mengadakan perjumpaan, memberi peringatan bertulis, amaran yang cukup dan mengeluarkan surat tunjuk sebab (*show cause letter*). Jika kontraktor tidak menjawab atau memberikan penjelasan yang tidak munasabah, maka tindakan menamatkan kontrak boleh diambil.

Bagi membolehkan Kerajaan menamatkan kontrak, klausa penamatan kontrak hendaklah dimasukkan dalam semua kontrak supaya Kerajaan tidak berada dalam situasi yang menyulitkan bila

pembekal atau kontraktor gagal memenuhi obligasi. Jika perlu, penamatan kontrak hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian supaya urusan penamatan teratur dan untuk mengelakkan sebarang tindakan sivil terhadap Kerajaan.

PEROLEHAN SECARA ELEKTRONIK

1. Bagaimanakah maklumat mengenai perolehan Kerajaan boleh diperolehi?

Maklumat tawaran perolehan Kerajaan secara tender boleh diperolehi melalui akhbar utama tempatan. Walau bagaimanapun, bagi maklumat waran secara sebut harga atau pembelian terus, syarikat boleh berhubung terus dengan Agensi Kerajaan berkenaan atau melihat papan kenyataan/laman web Agensi tersebut. Maklumat juga boleh diperolehi daripada Portal MyGovernment dan Portal MyProcurement.

2. Bagaimanakah Pekeliling Perbendaharaan boleh diperolehi?

Semua Pekeliling boleh diperolehi melalui laman web Perbendaharaan.

3. Apakah peraturan mengenai pengiklanan tender?

Tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu. Manakala tender antarabangsa hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya (2) buah akhbar harian utama, iaitu (1) akhbar Bahasa Melayu dan (1) lagi akhbar Bahasa Inggeris. Agensi juga hendaklah memasukkan sesalinan kenyataan tender yang diiklankan ke dalam laman web Agensi masing-masing dan pautan (hyperlink) kepada laman web **MyProcurementPortal** [www.malaysia.gov.my]

Bagi tender kerja, Agensi juga dikehendaki untuk memasukkan iklan secara "online" ke dalam laman web Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB).

ePerolehan

Soalan Lazim – Pembekal

1. Apakah yang perlu saya lakukan sebagai persediaan untuk menggunakan Sistem ePerolehan?

Sebagai permulaan, anda perlu mendaftarkan syarikat anda dengan Kementerian Kewangan secara atas talian melalui sistem pendaftaran pembekal ePerolehan. Selepas itu, anda hendaklah memohon sekurang-kurangnya satu Medium Akses ePerolehan

untuk menjalankan urusan perolehan secara atas talian dengan pihak Kerajaan.

2. Bilakah saya harus bersedia?

Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan surat Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan S/K.KEW/PK/EP/1100/000000/143/23 Jld. 3 (7) bertarikh 3hb Disember 2002 kepada semua pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menggesa para pembekal supaya menyediakan infrastruktur bagi menggunakan Sistem ePerolehan. Jika syarikat anda gagal membuat demikian, Kementerian Kewangan telahpun menyatakan bahawa anda mungkin kehilangan peluang untuk berurusniaga dengan pihak Kerajaan. Oleh yang demikian, anda dinasihatkan untuk bersedia secepat yang mungkin.



*Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Melalui
Sistem ePerolehan
S/K.KEW/PK/EP/1100/000000/143/23 Jld. 3
(7)*

3. Apakah faedah-faedah menggunakan Sistem ePerolehan?

Proses perolehan secara atas talian akan memperbaiki kecekapan dan menawarkan masa pusingan yang lebih cepat dalam operasi perniagaan harian anda dengan pihak Kerajaan.

4. Apakah yang saya perlu buat jika saya bukan seorang pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan?

Anda mesti membuat pendaftaran melalui ePerolehan dengan melayari www.eperolehan.gov.my. Sistem ePerolehan menawarkan permohonan dan pendaftaran untuk kedua-dua jenis permohonan Kontraktor dan Perunding.

5. Apakah kursus yang disediakan untuk menggunakan ePerolehan?

Kursus yang disediakan adalah melalui pelajaran multimedia atau *Computer-Based Training* (CBT) secara percuma dan Latihan Secara Bersemuka (*Instructor - led Training*) dengan bayaran dikenakan untuk semua modul ePerolehan.

6. Bagaimana pula jika saya hanya membekalkan perkhidmatan? Adakah Sistem ePerolehan disediakan untuk pembekal perkhidmatan?

Ya, Sistem ePerolehan sememangnya dibina khusus untuk pembekal-pembekal yang membekal samada produk, perkhidmatan atau kedua-duanya.

7. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan jika saya tidak mempunyai infrastruktur yang sewajarnya atau jika saya tidak tahu menggunakan Sistem ePerolehan?

Anda boleh menghubungi bahagian Khidmat Bantuan ePerolehan di talian 03-7985 7777 atau emel di bantuan@eperolehan.gov.my untuk mendapatkan panduan selanjutnya.

Soalan Lazim - Kerajaan

1. DOKUMEN TIDAK DIPAPARKAN DI SKRIN BULETIN TINDAKAN PENGGUNA

Produk : GOF (*Generic Order Fulfillment*)

Kategori Ralat : Ralat Data Punca: Data tidak dimuat naik ke sstem

Resolusi : Dokumen akan dimuat naik ke skrin Buletin Tindakan Pengguna berkenaan

Jangkaan Resolusi : 3 Hari Bekerja

Kebarangkalian Lain Punca Permasalahan:

1. LO terbatal secara automatik: LO tersebut tidak akan dipaparkan di Buletin Tindakan Pengguna.
2. Kesilapan Pengguna: Pengguna tidak tahu status sebenar permintaan.
3. Profil Pengguna: Pengguna mempunyai 2 profil di PMS (*Profile Management System*); menyebabkan permintaan disenaraikan di profil yang mempunyai nombor kad pengenalan yang salah.

2. PENGILIRAN KELULUSAN PERMINTAAN/ NOTA PELAKSANAAN PERKHIDMATAN GAGAL DENGAN ALASAN : RALAT SPB 1007 KOMITMEN BUKU VOT TIDAK DIKEMBALIKAN

Produk : SPB (eSPKB)

Kategori Ralat : Pemberitahuan

Punca : Sistem eP tidak menerima maklumbalas dari eSPKB dalam tempoh 2 minit semasa proses Komitmen Buku VOT (Penggiliran Kelulusan).

Resolusi : Pelulus perlu meluluskan semula permintaan.

3. PESANAN PEMBELIAN TERBATAL SECARA AUTOMATIK

Produk : GOF (*Generic Order Fulfillment*)

Kategori Ralat : Pemberitahuan

Punca :

1. Sistem eP menjana nombor LO secara automatik semasa proses penggiliran kelulusan permintaan tetapi LO tersebut akan terbatal secara automatik jika eP tidak menerima maklumbalas dari eSPKB dalam masa 2 minit (SPB 1007).

Resolusi : Pelulus perlu meluluskan semula permintaan. Sistem akan menjana nombor LO yang baru apabila Pelulus meluluskan semula permintaan tersebut.

2. Pelulus menolak permintaan yang penggiliran kelulusan telah gagal sebelumnya, mengakibatkan LO yang dijana secara automatik terbatal.

Resolusi : Pengguna perlu mencipta semula permintaan dari awal.

4. PENGGILIRAN KELULUSAN PERMINTAAN / NOTA PELAKSANAAN PERKHIDMATAN GAGAL DENGAN ALASAN : RALAT DI eSPKB. PERUNTUKAN TIDAK MENCUKUPI

Produk : SPB (eSPKB)

Kategori Ralat : Pemberitahuan

Punca : Peruntukan dikesan oleh sistem eSPKB tidak mencukupi bagi item di dalam permintaan.

Resolusi : Pengguna perlu menghubungi eGAG Helpdesk di talian 03-8882 1455 atau e-mel helpdeskegag@anm.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai bajet jabatan kerajaan.

Kebarangkalian Lain Punca Permasalahan:

1. Kesilapan Pengguna: Pengguna menggunakan Kod Aktiviti yang salah bagi item semasa proses penciptaan permintaan

5. **PENGGILIRAN PADANAN BAYARAN GAGAL DENGAN ALASAN : PESANAN KERAJAAN TELAH DIBATALKAN ATAU TIDAK DIJUMPAI**

Produk : SPB (eSPKB)

Kategori Ralat : Lain-lain

Punca:

1. Pesanan Tempatan (PT) telah ditolak/dibatalkan di sistem eSPKB. LO tidak dibatalkan di eP kerana status masih Menunggu Padanan Pembayaran/Penggiliran Padanan Pembayaran Gagal.

Resolusi : Pengguna perlu memasukkan semula data di PT di sistem eSPKB dan kemudian memadankan semula LO di sistem eP. Jika masalah masih berlaku, pengguna perlu menghubungi eGAG Helpdesk di talian 03-8882 1455 atau e-mel helpdeskegag@anm.gov.my untuk penyelesaian selanjutnya

2. Pelulus telah membatalkan penggiliran kelulusan permintaan dan meneruskan dengan semakan peruntukan secara manual sehingga ke peringkat padanan pembayaran.

Resolusi : Pengguna perlu memasukkan semula data di PT di sistem eSPKB dan kemudian memadankan semula LO di sistem eP.

6. **RALAT PENANDAAN TIDAK SAH**

Produk : CRD (*Smart Card*)

Kategori Ralat : Pemberitahuan

Punca : Kad pintar tidak aktif kerana kad pintar yang digunakan telah tamat tarikh luput.

Resolusi : Pengguna perlu membuat permohonan pembaharuan kad pintar dengan menghantar surat permohonan, mengisi Borang BNTC-01, Borang BPKP-01, satu salinan kad pengenalan pemohon dan satu salinan (fotokopi) kad pintar kepada :-

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan Gunasama ICT

Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan

Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Bangunan MKN-Embassy Techzone

Blok B, No.3200, Jalan Teknokrat 2

63000 Cyberjaya, Sepang

Selangor Darul Ehsan

Kompleks Kementerian Kewangan,
Precint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

2(c). Bagi dokumen sokongan yang perlu dihantar melalui salinan Digital atau “Softcopy”: -

Sila tandakan pada ruangan “Salinan Digital (softcopy)” dan lampirkan dokumen yang disenaraikan. Pastikan dokumen dilampirkan kedua-dua muka surat (jika berkenaan).
Jika dokumen tidak berkenaan, anda hanya membuat lampiran A4 kosong dan lampirkan. Bagi memastikan ruangan tersebut lengkap.

*Nota:

Sistem hanya boleh menampung saiz maksimum 2MB bagi setiap fail dan di dalam format *Word*, *Excel* dan *PDF*

3. Saya tidak faham dengan senarai dokumen sokongan yang diberikan. Sila jelaskan?

No	Jenis Dokumen	Keterangan
1	BORANG PERMOHONAN DAN LAMPIRANNYA SUDAH DITANDATANGANI.	Permohonan secara online
2	PETA LAKAR LOKASI PEJABAT.	di lakar sendiri, tidak boleh print melalui online

		(cth: google map)
3	BORANG PENYATA PENGESAHAN CARUMAN (BORANG A) DARI KWSP DAN RESIT PEMBAYARAN CARUMAN DARIPADA KWSP BAGI PEKERJA SYARIKAT.	boleh didapati di pejabat KWSP
4	BORANG PENGISYTIHARAN EPEROLEHAN YANG TELAH DILENGKAPKAN DAN DITANDATANGANI.	(boleh didapati di website eperolehan -- > muat turun -- > muat turun pembekal -- > click Borang Pengisytiharan Kementerian Kewangan.)
5	MEMORANDUM AND ARTICLES OF ASSOCIATION (MAA)	boleh didapati di setiausaha syarikat
6	BORANG 24 & 49 YANG TERBARU ATAU FORMS OF ANNUAL RETURN TERBARU YANG DISAHKAN OLEH PENDAFTARAN SYARIKAT (ROC) ATAU SETIAUSAHA SYARIKAT LENGKAP DENGAN NAMA, NOMBOR LESEN SETIAUSAHA DAN TARIKH PENGESAHAN (COP ASAL).	boleh didapati di setiausaha syarikat
7	BORANG 24 & 49 TERBARU BAGI SEMUA SYARIKAT SEKUTU DAN DISAHKAN OLEH PENDAFTAR SYARIKAT (ROC) ATAU SETIAUSAHA SYARIKAT LENGKAP DENGAN NAMA, NOMBOR LESEN SETIAUSAHA DAN TARIKH PENGESAHAN (COP ASAL).	boleh didapati di setiausaha syarikat
8	BORANG PINDAH MILIK SAHAM (BORANG 32A) JIKA BERKENAAN	boleh didapati di setiausaha syarikat
9	BORANG PENDAFTARAN KOPERASI/PERSATUAN/ PERTUBUHAN	Sila rujuk Koperasi /Persatuan/Pertubuhan yang berkenaan.
10	UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI/PERSATUAN/ PERTUBUHAN	Sila rujuk Koperasi/ Persatuan/Pertubuhan yang berkenaan.
11	MINIT MESYUARAT AGONG TERBARU KOPERASI/ PERSATUAN/PERTUBUHAN	Sila rujuk Koperasi/ Persatuan/Pertubuhan yang berkenaan
12	SALINAN PENYATA AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR DAN SALINAN DOKUMEN KEMUDAHAN KEWANGAN YANG	boleh didapati di bank-bank yang berkenaan

	DIPEROLEHI DARI PADA INSTITUSI KEWANGAN SEPERTI OVERDRAF, LETTER OF KREDIT, JAMINAN BANK ATAU LAIN-LAIN HENDAKLAH DISERTAKAN	
13	RESOLUSI PENGARAH MENGENAI TANDATANGAN CEK.	boleh didapati di setiausaha syarikat
14	SURAT PENGESAHAN DARIPADA BANK-BANK MENGENAI KUASA MENANDATANGANI CEK SYARIKAT. CEK-CEK SYARIKAT TIDAK BOLEH DITANDATANGANI OLEH MEREKA YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN SYARIKAT.	(boleh didapati di website eperolehan --> muat turun --> muat turun pembekal ---> click Borang Pengesahan Akaun Bank Syarikat.
15	SALINAN SURAT PERJANJIAN SEWA PEJABAT YANG DISTEMKAN DI PEJABATCUKAI SETEM DAN SALINAN RESIT BAYARAN SEWA UNTUK TIGA (3) BULAN TERAKHIR ATAU SALINAN SURAT HAK MILIK JIKA PEJABAT MILIK SENDIRI	Bagi pemohon yang menyewa, sila sertakan perjanjian Sewa. Bagi milik sendiri, sila sertakan surat hak milik.
16	SURAT PERJANJIAN ATAU PENGESAHAN PERLANTIKAN SEBAGAI EJEN/PENGEDAR/ PEMBAHAGI DARI SYARIKAT PEMBEKAL BAGI BIDANG YANG DIPOHON YANG MENYEBUT JENIS BEKALAN (BARANG-BARANG) SECARA KHUSUS, JUMLAH KREDIT YANG DIBENARKAN DAN SURAT NAMA PEGAWAI-PEGAWAI SYARIKAT BERKENAAN. BAGI BEBERAPA BIDANG SEPERTI ALATGANTI PESAWAT UDARA DAN UBAT-UBATAN, SURAT AGENSI PEMBUAT ATAU PENIMPORT HENDAKLAH DISERTAKAN.	Sila rujuk kepada syarikat pembekalan.
17	SYARIKAT YANG MEMILIKI LORI/ KENDERAAN/KAPAL ATAU PERALATAN SENDIRI HENDAKLAH MENGEMUKAKAN DOKUMEN BUKTI PEMBELIAN DAN DOKUMEN HAK MILIK BERKENAAN	Bukti pembelian adalah seperti : Resit , invois
18	SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEMUDAHAN SEWA BELI ATAU SEWA PAJAK BAGI LORI/ KENDERAAN/KAPAL ATAU	Rujuk pada Pihak Pengurusan Syarikat

	PERALATAN SENDIRI HENDAKLAH MENGEMUKAKAN SURAT PERJANJIAN SEWA BELI ATAU SURAT PERJANJIAN SEWA PAJAK PERALATAN BERKENAAN	
19	SURAT TAWARAN PERLANTIKAN DAN SURAT PENERIMAAN JAWATAN PEKERJA.	Rujuk pada Pihak Pengurusan Syarikat (HR)
20	SALINAN BORANG A ATAU BORANG B YANG DIKEMASKINI DAN BORANG D YANG MASIH BERKUATKUASA BAGI SYARIKAT-SYARIKAT PERSEORANGAN ATAU PERKONGSIAN.	boleh didapati jabatan pendaftaran syarikat (SSM)
21	SALINAN SIJIL-SIJIL KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN BIDANG KOMPUTER. (JIKA BERKENAAN).	Sila rujuk Staff syarikat
22	LESEN-LESEN YANG SAH DAN MASIH BERKUATKUASA BAGI BIDANG-BIDANG TERTENTU YANG DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG YANG SEDANG BERKUATKUASA.(JIKA BERKENAAN).	(cth : lesen perniagaan dari majlis perbandaran)
23	SALINAN SURAT BERANAK/ KELAHIRAN PEMILIK, PENGARAH, PENGURUS DAN PEKERJA SYARIKAT	Rujuk pada Pihak Pengurusan Syarikat
24	CARTA ORGANISASI PERJAWATAN YANG LENGKAP	Rujuk pada Pihak Pengurusan Syarikat

4. Mengapakah seksyen untuk dilengkapi telah lengkap, tetapi mengapa masih gagal untuk diistiharkan?

Ralat yang dipaparkan adalah:

“Seksyen yang tidak bertanda dianggap tidak lengkap.Sila lengkapi semua seksyen sebelum anda membuat pengistiharan”

PENTING! Anda dikehendaki memusnahkan/menyeksasikan pendaftaran anda dengan membuat pengisytiharan atas talian.

1. Anda **WESTI** klik butang ' **Isytihar** ' untuk melengkapkan permohonan atas talian.
2. Kesemua dokumen sokongan akan dihantar berdasarkan pilihan anda.
3. Sila pastikan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem hendaklah setera dengan dokumen yang dikemukakan.
4. Kementerian Kewangan tidak akan memproses permohonan anda sekiranya dokumen-dokumen tidak diterima dalam masa 30 hari dari tarikh pengisytiharan.
5. Permohonan anda hanya akan diproses apabila kesemua dokumen sokongan telah diterima oleh Kementerian Kewangan.
6. Setelah dilakukan, agi anda hanya akan dikeluarkan apabila pembayaran telah diterima oleh Commerce Dot Com.
7. Anda dinasihatkan untuk mencatat halaman berikut bagi rujukan masa hadapan.
8. Anda boleh menyemak status permohonan secara atas talian.

MAK ENTERPRISE

No. Rujukan Permohonan:
K-26082012-5037

No. ROC/ROB/ROS:
SAG0112

Jenis Pembekal:
Korretidor

Jenis Permohonan:
Permohonan Baru

Status Bayaran:
Belum Bayar

Pengisytiharan

Hapuskan Permohonan Ini

Cetak Borang Pengisytiharan **Isytihar**

Seksyen yang tidak bertanda dianggap tidak lengkap. Sila lengkapkan semua seksyen sebelum anda membuat pengisytiharan.

<< Seksyen Sebelumnya

Permohonan ini tidak boleh diisytiharkan jika 10 seksyen tidak dilengkapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Selamat Datang **SITI MARIAMA ALI BARBAR** 26 Aug 2012 10:27:25

Kemaskini Log Masuk Bantuan Atas Talian Log Keluar @Perolehan

Seksyen Untuk Dilengkapkan

Maklumat Syarikat

Maklumat Personal

Maklumat Kewangan

Maklumat Pendidikan

Dokumen Sokongan

Perincian Pembayaran Pendaftaran

Pengisytiharan

Hapuskan Permohonan Ini

MAK ENTERPRISE

No. Rujukan Permohonan:
K-26082012-5037

No. ROC/ROB/ROS:

Komposisi Lembaga Pengarah/Pengurusan/Staf Syarikat

*Seksyen ini dianggap lengkap jika sekurang-kurangnya satu peruma dimasukkan bagi setiap peranan.

Pembekal yang berurusan dengan Kerajaan Persekutuan hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 1 Medium Akses ePerolehan bagi memenuhi syarat eP Enabled selaras dengan Surat Arahan Perbendaharaan/ [Surat Arahan Perbendaharaan Bil. KKK/EP/3743/2/663411](#).

i) Kad Pinter MyEP dan Pembaca Kad Pinter
ii) MyKad eP Enabled dan Pembaca Kad Pinter
iii) ePKS USS Crypto Token

	Pengurusan	Staf	
		Jumlah Sebenar	Telah Mesek
Bumiputera	1	1	1
Bukan Bumiputera	0	0	0
Bukan Warganegara Malaysia	0	0	0

Senarai Lembaga Pengarah/ Pengurusan/Staf Syarikat

No.	Nama	No. Kad Pengenal/ No.Pasport	Peranan	Kelayakan Akademik	Pengalaman Kerja	Medium Akses eP
1	SITI MARIAMA ALI BARBAR	99087135658	Personel Pengurusan	IIAZAH	5.0 Tahun	Perincian
2	SITI ZAHARA MOON	980796135667	Staf	SPM	2.0 Tahun	Tidak Berkenaan

Sila semak di seksyen Maklumat personal tidak lengkap di bahagian medium akses ePerolehan. Klik pada pautan perincian.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Selamat Datang SITI MARIAPA ALI BABDARI! 26 Aug 2012 10:49:41

Kemaskini Log Masuk Bantuan Atas Talian Log Keluar ePerolehan

Sekiranya Untuk Dilengkapkan

☒ Maklumat Syarikat

☒ Pengiraan Projek Syarikat

☐ Status Makl/Chart

☒ Maklumat Peralat

☒ Pegawai Yang Berkuasa Rangsang Perolehan Kerajaan

☒ Maklumat Keperluan

☒ Bilang Pendaftaran

☒ Dokumen sokongan

☒ Perincian Penyediaan Pendaftaran

14/2011	R025124301110765	T/B	T/B	T/B	Jesing	10,503,328.00	Notifikasi Lakan Semula Masa
14/2011	R025124301110766	T/B	T/B	T/B	Jesing	13,998,776.00	Notifikasi Lakan Semula Masa

ARAHAN :

1. Klik sub menu tadbir pesanan, klik pengurusan dokumen pilih Kemaskini Dokumen

Langkah 2

Skrin Carian untuk Kemaskini Dokumen akan dipaparkan

www.eperolehan.com.my

GOP
Peklus : MRS TAN YONG HWA

Tadbir Pesanan | Buletin Tindakan | Laporan | Tindakan | Profil | Tindakan | Buletin Pesanan/Buletin | Log Kesan

Carian untuk Kemaskini Dokumen

Jenis Dokumen:

No. Invois:

No. Pesanan Kerajaan:

Tarikh Diterima:

Cari

ARAHAN :

1. Pilih Jenis Dokumen dari menu tarik bawah yang disediakan.

NOTA :

1. Skrin Carian untuk Kemaskini Dokumen akan dipaparkan.
2. Kriteria carian yang disediakan adalah No Invois, No Pesanan Kerajaan dan Tarik Diterima (Dari dan Kepada)
3. Klik butang Cari untuk membuat carian

Langkah 3

Skrin Kemaskini Invois akan dipaparkan seperti dibawah.

Langkah 5
Skrin Pemberitahuan/Pengesahan akan dipaparkan



NOTA :

1. Pengguna diberi pilihan sama ada boleh terus klik menu Log Keluar atau klik pada butang Kembali sekiranya ingin kembali ke laman sebelumnya (Kemaskini Dokumen) untuk membuat pindaan bagi dokumen yang lain

9. Bagaimanakah caranya untuk membuat semakan status Pesanan Kerajaan?

Semakan status pesanan Kerajaan boleh dibuat melalui menu Tadbir Pesanan - pilih menu **Carian Pelbagai** - masukkan nombor pesanan dan jenis dokumen - tekan butang carian yang terdapat di dalam Buletin Tindakan pengguna.


10. PTJ menghadapi masalah di status menunggu semakan daftar bayaran dan baucer bayaran di eSPKB yang terlalu lama?

PTJ hendaklah menghubungi talian khidmat bantuan PTJ di nombor 03-7985 7888 bagi membuat dan mendapatkan nombor laporan

Sebut Harga & Tender

1. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan notis kenyataan Sebut Harga/Tender yang dilaksanakan melalui sistem ePerolehan?

Pembekal boleh mendapatkan semua notis kenyataan Sebut Harga/Tender di menu Notis Sebut Harga/Tender di laman web ePerolehan, www.eperolehan.gov.my




2. Bagaimanakah sesebuah syarikat/pembekal berminat untuk menyertai Sebut Harga di system ePerolehan?

Pembekal yang berminat untuk menyertai Sebut Harga di sistem ePerolehan, perlu memenuhi syarat yang dikehendaki oleh urusetia sebutharga dan telah menjadi pembekal eP-Enabled. Pembekal perlu klik menu log masuk sistem ePerolehan di www.eperolehan.gov.my sekaligus menggunakan medium akses ePerolehan.



Pembekal perlu klik pada menu kaedah perolehan dan pilih sebutharga.



Sekiranya sebutharga tiada di menu tersebut, pembekal perlu klik pada menu tadbir pesanan dan pilih menu penyertaan sebutharga




3. Bagaimanakah cara sesebuah syarikat/pembekal berminat untuk menyertai Tender?

Pembekal yang berminat untuk menyertai Tender di sistem Perolehan, perlu memenuhi syarat yang dikehendaki oleh urusetia Tender dan telah menjadi pembekal eP-Enabled. Pembekal yang telah memenuhi syarat boleh menghubungi atau datang ke Pusat Perhubungan (*telecentre*) untuk mendapatkan nombor rujukan (nombor tender).

Seterusnya pembekal perlu layari laman web ePerolehan www.eperolehan.gov.my dan klik menu log masuk sistem ePerolehan



Selepas memasukkan nombor pin, pembekal perlu klik pada menu kaedah perolehan dan pilih menu tender.




4. Apakah perbezaan antara tender & sebuttharga?


Dari segi nilai projek, nilai sebuttharga adalah melebihi RM50,000.00 hingga RM 500,000.00. Manakala nilai bagi tender adalah melebihi RM 500,000.00 dan ke atas


5. Bagaimanakah cara untuk mencetak semula cadangan tender/sebutharga yang telah ditutup?

Pembekal perlu klik menu log masuk sistem ePerolehan di laman web www.eperolehan.gov.my. Selepas masukan nombor pin, pembekal perlu klik menu kaedah perolehan dan pilih sebutharga/tender.



Selepas itu, pembekal perlu klik menu carian dan pilih carian cadangan.







Seterusnya, pembekal masukkan nombor sebutan/tender, klik butang carian dan terus mencetak

6. Apabila pembekal telah menyerahkan tender/sebutan atas talian, bolehkan ianya di kemaskini semula?

Boleh, sekiranya tarikh penutupan sebutan/tender belum tamat. Pembekal boleh mengemaskini semula dengan klik pada menu log masuk sistem ePerolehan di laman web www.eperolehan.gov.my. Pembekal perlu klik menu kaedah perolehan dan pilih sebutan/tender. Seterusnya, pembekal klik menu tadbir dan pilih menu kemaskini cadangan.



Setelah sebutan/tender telah dikemaskini, pembekal dikehendaki klik butang serah



7. **Ketika pembekal ingin meyerahkan sebutharga/tender, pembekal menerima ralat “penandaan tidak sah”?**

Ralat tersebut berlaku adalah kerana medium akses ePerolehan samaada kad myep atau *epxs crypto token* yang pembekal gunakan telah tamat tempoh. Pembekal boleh log masuk ke sistem, namun pembekal tidak boleh membuat sebarang penyerahan sebutharga/tender.

8. **Berapakah saiz dan format dokumen yang boleh dimuatnaik untuk sebutharga/tender atas talian?**

Untuk saiz dokumen yang boleh dimuatnaik adalah maksimum 10Mb dan format dokumen yang dibenarkan adalah doc, xls. dan pdf.

9. **Apakah yang perlu saya lakukan jika ralat “sila perbetulkan kesalahan berikut. Pin kad pintar diperlukan” tertera semasa pembekal ingin melaksanakan tawaran teknikal /Kewangan untuk sebutharga/tender atas talian?**

Ralat tersebut terjadi kerana pembekal tidak mengunci masuk nombor pin sebelum klik pada bahagian tawaran teknikal/ Kewangan atas talian.

10. **Saya berminat untuk menyertai tender dan telah menghubungi Pusat Perhubungan (Telecentre), walaubagaimanapun saya tidak dibenarkan untuk menyertai tender kerana terdapat salah satu daripada 8 ralat, apakah yang perlu saya lakukan?**

Ralat tersebut terjadi kerana

- 1) Profil pembekal tidak wujud.
- 2) Pendaftaran pembekal telah luput tempoh.
- 3) Pembekal tidak memiliki kad pintar atau kad pintar telah luput tempoh.

- 4) Pembekal telah pun melakukan pembelian.
- 5) Pembekal tidak memenuhi syarat dan terma tender (taraf Pembuat atau Bumiputra).
- 6) Pembekal tidak dipelawa untuk menyertai tender terhad ini.
- 7) Pembekal belum mengesahkan pelawaan tender terhad.
- 8) Pembekal tidak berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan bagi tender ini.

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

Perolehan Percetakan

1. **Jabatan saya menjalankan banyak program dan aktiviti yang memerlukan percetakan risalah, poster, *banner* dan sebagainya. Setiap kali dicetak risalah, poster dan *banner* kosnya tidak melebihi RM50,000 untuk satu program atau aktiviti tetapi jumlah keseluruhan tahunan melebihi RM200,000. Apakah kaedah perolehan percetakan yang betul dan adakah berlaku pecah kecil jika dilakukan secara pembelian terus.**

Bagi perkhidmatan percetakan, kaedah perolehan hendaklah ditetapkan berdasarkan jumlah nilai percetakan. Bagi jumlah nilai percetakan tidak melebihi RM50,000, percetakan boleh diperolehi secara pembelian terus daripada mana-mana syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Jika jumlah nilai perolehan melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000, perolehan hendaklah dilaksanakan secara sebut harga dan bagi nilai perolehan yang melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender.

Bagi perolehan percetakan yang berdasarkan program, aktiviti atau acara tertentu di mana bahan-bahan, reka bentuk dan saiz risalah, poster dan *banner* adalah berlainan dan dari itu setiap perolehan dianggap sebagai perolehan berasingan. Jika nilai perolehan percetakan setiap program, aktiviti atau acara tersebut adalah di bawah RM50,000, maka kaedah pembelian terus boleh digunakan dan ianya tidak dianggap sebagai pecah kecil.

Walau bagaimanapun, bagi percetakan seperti buku-buku am atau borang-borang am/standard yang boleh dirancang percetakannya (dicetak setiap tahun), kaedah perolehan hendaklah ditetapkan berdasarkan nilai keseluruhan.

2. **Jenis item Percetakan**

Bagi kerja-kerja percetakan yang dapat dirancang dan percetakan yang dilakukan secara tahunan (contohnya borang-borang standard), berdasarkan anggaran nilai terkumpul, perolehan boleh dibuat secara pembelian terus, sebut harga atau tender.

Bagi percetakan yang melibatkan program-program tertentu atau ad hoc/segera dan tidak dirancang (contohnya penyakit baru dikenalpasti dan maklumat perlu didedahkan/disampaikan kepada orang ramai), percetakan boleh dilaksanakan secara berasingan kerana kandungan, bahan, reka bentuk risalah, poster dan sebagainya berbeza. Perolehan juga boleh dilaksanakan secara pembelian terus, sebut harga atau tender nilai.

KETIDAKPATUHAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Tindakan Tatatertib

- 1. Siapakah yang boleh mengambil tindakan tatatertib menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal yang enggan memulangkan Surat Setuju Terima selepas mereka dipilih dalam urusan tender dengan alasan harga bekalan telah naik dan sebagainya. Bolehkah Kementerian/agensi sendiri menyenarai hitamkan kontraktor /pembekal?**

Pihak berkuasa bagi pendaftaran pembekal untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah Kementerian Kewangan, manakala pihak berkuasa bagi pendaftaran kontraktor kerja adalah Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Perkara ini telah dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 184 dan AP 166.2(ix) yang memperuntukkan jenis tindakan yang boleh diambil ke atas pembekal/syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, pihak yang boleh mengenakan tindakan tatatertib termasuk menyenarai hitamkan pembekal/kontraktor adalah Kementerian Kewangan atau BPKU/CIDB.

Pihak Kementerian/Agensi tidak boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap pembekal atau kontraktor yang gagal menyempurnakan kerja. Kementerian/Agensi perlu melaporkan apa-apa kegagalan pembekal/kontraktor kepada Kementerian Kewangan/BPKU/CIDB untuk tindakan seterusnya.

- 2. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian/agensi jika prestasi kontraktor atau pembekal tidak memuaskan, bekalan lewat dihantar atau kerja-kerja lewat/tidak disiapkan?**

Bagi apa-apa perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja Kementerian/Agensi boleh mengambil tindakan mengikut syarat-syarat kontrak jika pembekal atau kontraktor tidak memenuhi obligasi-obligasinya di bawah sesuatu kontrak. Sebagai contoh pembekal yang lewat menghantar bekalan boleh dikenakan denda dan kontraktor yang lewat menyiapkan kerja boleh dikenakan ganti rugi *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) yang ditentukan dan

ditetapkan. Kementerian/Agensi juga boleh mengambil tindakan menamatkan kontrak dan merampas bon pelaksanaan. Tindakan-tindakan ini boleh dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi sebagai Pentadbir Kontrak bagi kontrak-kontrak yang diikat oleh Kementerian/Agensi dengan pembekal /kontraktor.

3. Perlukah pembekal/kontraktor dimaklumkan mengenai jenis-jenis kesalahan dan hukuman?

Dalam pelawaan sesuatu tender/sebut harga, Kementerian/agensi boleh memaklumkan petender/penyebut harga secara umum mengenai jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang boleh diambil terhadap petender/penyebut harga tetapi pihak berkuasa untuk mengambil tindakan dan mengenakan hukuman masih pihak berkuasa pendaftaran iaitu Kementerian Kewangan (bekalan dan perkhidmatan) atau BPKU/CIDB (kerja).

4. Apakah bentuk tindakan yang boleh diambil ke atas kontraktor/pembekal yang gagal mematuhi obligasi kontrak?

Beberapa bentuk tindakan boleh diambil, antaranya adalah berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam perjanjian kontrak dengan kontraktor/pembekal dengan Kerajaan. Tindakan yang biasa diambil termasuklah mengenakan denda/LAD dan menamatkan kontrak. Di samping itu, Agensi boleh melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan (BPKU)/ CIDB tentang perkara tersebut. Dalam hal ini, BPK/PKK/CIDB boleh mengambil beberapa tindakan seperti mengeluarkan surat amaran, menggantung pendaftaran, membatalkan pendaftaran dan menyenaraihitamkan ahli lembaga pengarah.

Liquidated and Ascertained Damages (LAD)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan Gantirugi Yang Ditentukan dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages/LAD*) dan dalam keadaan manakah syarikat boleh dikenakan LAD?

LAD bermaksud satu denda/ganti rugi yang dikenakan kepada kontraktor/pembekal yang gagal memenuhi sesuatu obligasi kontrak yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Di antara kegagalan memenuhi obligasi kontrak yang boleh dikenakan tindakan LAD adalah seperti berikut:

- (a) Kelewatan menyiapkan projek yang tidak mengikut jadual yang ditetapkan dalam kontrak berkenaan; dan
- (b) Kelewatan membekal/gagal membekal atau mutu barang yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi dalam kontrak.

Denda

1. Bagaimanakah denda boleh dituntut daripada kontraktor?

Agensi hanya perlu menulis surat dengan butir-butir perkiraan denda dan meminta kontraktor bayaran dalam tempoh yang dinyatakan dalam klausa kontrak. Jika kontraktor gagal membayarnya, denda hendaklah dituntut daripada bayaran kemajuan atau sebarang baki bayaran yang kontraktor berhak menerima. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan, tuntutan hendaklah dibuat daripada bon pelaksanaan.

Klausa mengenai denda dan cara Kerajaan boleh memperolehinya hendaklah dimasukkan dalam dokumen kontrak.

2. Apakah tindakan yang boleh diambil jika setelah denda dikenakan, kontraktor gagal membayar denda, bon pelaksanaan telah dirampas tetapi ada lagi hutang untuk dikutip daripada kontraktor?

Tuntutan sivil hendaklah diambil jika semua tindakan lain tidak berhasil.

3. Bolehkah agensi mengenakan denda atau hanya Kementerian Kewangan sahaja yang berhak?

Semua agensi adalah bertanggungjawab untuk mentadbir/mengurus kontrak masing - masing dan juga mengenakan denda bagi kontrak yang diuruskan olehnya. Walau bagaimanapun, agensi Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Perbendaharaan / Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan (BPKU) / CIDB mengenai apa-apa denda/LAD yang dituntut dan diterima daripada pembekal /kontraktor.

4. Apakah tindakan yang boleh diambil jika pembekal yang mendapat kontrak lewat menghantar bekalan yang dipesan?

Rujuk kepada klausa dalam kontrak. Lazimnya, pembekal boleh dikenakan denda jika lewat bekal.

5. Apakah tindakan yang boleh diambil jika bekalan yang dihantar oleh pembekal tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan?

Rujuk klausa dalam kontrak. Agensi boleh menolak bekalan yang dihantar. Pembekal juga boleh diminta untuk menggantikan bekalan. Jika pembekal gagal menggantikan bekalan yang ditolak, potongan bayaran boleh dibuat. Sekiranya agensi terpaksa membeli daripada punca luar, perbezaan harga boleh dituntut

daripada pembekal. Dalam keadaan di mana bekalan sudah digunakan dan tidak boleh dipulangkan semula, bayaran boleh dikurangkan berdasarkan penilaian.

6. **Perolehan tertentu telah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera atau Pembuat dan mereka telah diberi keutamaan harga. Walau bagaimanapun, kontraktor tersebut telah kehilangan taraf pembuat/Bumiputera semasa kontrak masih berkuat kuasa. Bolehkah tindakan diambil terhadap kontraktor berkenaan?**

Dalam kontrak sepatutnya ada klausa yang menyatakan dengan jelas bahawa kontraktor hendaklah sentiasa mengekalkan taraf Bumiputera/Pembuat dan jika pada bila-bila masa taraf tersebut gugur/hilang, kontrak boleh ditamatkan. Jika klausa tersebut dinyatakan dalam kontrak, tindakan boleh diambil untuk menamatkan kontrak dan merampas bon pelaksanaan.

7. **Kontraktor pada lazimnya tidak boleh sub-kontrak sebahagian, mana-mana bahagian atau keseluruhan kontrak kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan Kerajaan. Terdapat kes-kes sub-kontrak telah berlaku. Bolehkah tindakan diambil terhadap kontraktor berkenaan?**

Dalam kontrak sepatutnya ada klausa yang menyatakan dengan jelas bahawa kontraktor tidak boleh sub-kontrak sebahagian atau mana-mana bahagian atau keseluruhan kontrak kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Jika terdapat bukti bahawa sebahagian atau mana-mana bahagian atau keseluruhan kontrak telah disub-kontrakkan, tindakan boleh diambil untuk menamatkan kontrak serta merampas bon pelaksanaan. Justeru, agensi perlu memantau kontrak dan memastikan sub-kontrak tidak berlaku sepanjang tempoh kontrak.

1PEKELILING PERBENDAHARAAN
SOALAN LAZIM BIDANG
PENGURUSAN WANG AWAM

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	3
KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	4
Peraturan Alat Komunikasi dan Mudah Alih	4
Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi	5
KEMUDAHAN PENDAHULUAN DIRI DAN PENDAHULUAN PELBAGAI	6
Penurunan Kuasa Kepada Ketua Setiausaha/ Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Pendahuluan Diri & Penyewaan Rumah Kediaman Serta Ruang Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri	6
Peraturan dan Prosedur Pengurusan Pendahuluan Diri Bagi Bayaran Elaun Sewa Hotel, Elaun Makan dan Elaun Pakaian Panas	6
Tatacara dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Pelbagai	7
PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN	7
Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia	7
MAJLIS RASMI KERAJAAN	8
KESELAMATAN SOSIAL	9
BADAN BERKANUN DAN AHLI SEKTOR SWASTA	9
Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan	9
AKTIVITI SOSIAL	10
KEMUDAHAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	11
Peraturan-Peraturan dan Syarat-syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer Bagi Anggota Perkhidmatan Awam	11
Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis	11
Skim Pinjaman Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis	12

PENGURUSAN WANG AWAM	12
Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan	12
Pengurusan Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59	13
Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam	14
Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang Ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957	15
Mengakaunkan Terimaan Hasil Sewaan Tanah dan Bangunan yang Diuruskan oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna.....	16
 PENYELENGGARAAN DAN PELAPORAN AKAUN BELUM TERIMA.....	 17

WP – PENGURUSAN WANG AWAM

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

- 1. Sekiranya seseorang pegawai memenuhi syarat-syarat bertukar ke luar stesen di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013, apakah elaun-elaun yang layak dituntut?**

Secara prinsipnya seseorang pegawai yang bertukar ke luar stesen layak menuntut perkara-perkara berikut:

- i. Tambang Pengangkutan Kenderaan;
- ii. Elaun Gantian Makan;
- iii. Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing;
- iv. Tambang Pengangkutan Barang;
- v. Pemberian Pindahan;
- vi. Tambang perjalanan bagi diri dan keluarga berdasarkan Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam; dan
- vii. Belanja Pelbagai.

- 2. Bolehkah Jabatan membayar caj perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang dikenakan bagi belanja dobi sekiranya seseorang pegawai mengemukakan resit bagi tuntutan belanja dobi bagi tugas rasmi dan di resit berkenaan ada dikenakan caj perkhidmatan dan cukai perkhidmatan?**

Tuntutan ke atas caj perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang dikenakan bagi belanja dobi boleh dibayar sekiranya ia adalah bayaran wajib bagi perkhidmatan tersebut. Ini selaras dengan prinsip Bayaran Sewa Hotel seperti mana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10/2013

- 3. Adakah layak seorang pegawai yang menumpang bilik hotel pegawai yang lain, untuk menuntut elaun lojing mengikut kelayakannya?**

Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Elaun Lojing mengikut kadar kelayakan pegawai sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013. Seseorang pegawai yang mengikuti kursus pendek sepenuh masa di dalam negeri layak menuntut Elaun Lojing bagi sepanjang kursus mengikut kadar kelayakan pegawai sekiranya kemudahan tersebut tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sehubungan itu, sekiranya pegawai memenuhi syarat-syarat yang telah

ditetapkan, beliau layak untuk mengemukakan tuntutan berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai menumpang bilik hotel pegawai lain dan bilik tersebut dibayar/ditanggung oleh Kerajaan, pegawai berkenaan tidak boleh menuntut Elaun Lojing.

4. **Sekiranya sesebuah Jabatan menganjurkan sesuatu kursus untuk anggota-anggotanya dan meminta salah seorang pegawai dari Jabatan tersebut untuk memberikan ceramah, adakah pegawai berkenaan layak dibayar saguhati?**

Pegawai tersebut layak diberi Bayaran Saguhati Penceramah/ Pensyarah dengan syarat berikut:

- i. tugas memberi ceramah/ syarahan bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
- ii. program latihan yang dianjurkan bukan merupakan program yang dijalankan secara bersama oleh Unit/ Seksyen pegawai bertugas dengan Unit/ Seksyen/ Bahagian lain dalam Jabatan sama ataupun secara kerjasama dengan Jabatan lain; dan
- iii. Ketua Jabatan tidak menganggap pegawai berkenaan sebagai urus setia sesuatu program latihan yang dijalankan.

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Peraturan Alat Komunikasi dan Mudah Alih

1. **Berapakah tempoh masa yang dibenarkan untuk pemohon membuat tuntutan balik selepas pembelian alat komunikasi mudah alih?**

Pekeliling Perbendaharaan WP 2.2/2013 menetapkan kemudahan ini layak dipohon oleh pegawai setiap dua tahun tertakluk kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal.

2. **Seorang pegawai telah mendapat kelulusan untuk membeli alat komunikasi mudah alih. Setelah melebihi dua tahun, beliau telahpun membuat pembelian dan mengemukakan tuntutan yang baru. Alat komunikasi mudah alih milik pegawai tersebut tidak didaftarkan. Persoalannya adakah pegawai tersebut terikat dengan perenggan 15 dan 16 (WP 2.2/2013) untuk mengembalikan semula telefon yang telah rosak/lama atau ditawarkan beli dengan harga pelupusan?**

Pekeliling Perbendaharaan WP 2.2/2013 memperuntukkan bahawa alat komunikasi mudah alih yang dibeli sendiri adalah milik pegawai dan tidak perlu direkod dalam Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori. Walau bagaimanapun, pegawai yang menggunakan alat komunikasi mudah alih

yang didaftarkan sebagai hak milik Kementerian/Jabatan boleh ditawarkan untuk membeli alat komunikasi mudah alih milik Kementerian/Jabatan tersebut

Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi

1. Bolehkah pegawai membeli tiket kapal terbang sendiri?

Bagi semua perjalanan udara rasmi sama ada dalam negara atau ke luar negara, pegawai sendiri boleh juga membeli tiket terus daripada syarikat penerbangan atau syarikat/agensi pelancongan berkenaan sama ada secara atas talian (on-line), melalui kaunter, secara tunai atau dengan menggunakan kad kredit dengan syarat perjalanan diluluskan oleh Ketua Jabatan dan semasa tuntutan perjalanan dibuat, salinan resit dikemukakan untuk mengesahkan pembelian tiket. Namun, **pegawai sendiri patut menanggung sepenuhnya sebarang risiko atau kerugian akibat pemilihan kaedah pembelian tiket ini."**

2. Apakah kos-kos yang perlu ditanggung oleh pegawai jika membeli tiket sendiri?

Kos yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian tiket penerbangan secara atas talian tanpa menggunakan WPUA adalah seperti berikut:

- i. Harga Tiket Penerbangan;
- ii. Surcay Bahan Api;
- iii. Cukai Lapangan Terbang;
- iv. *KLIA2 Fees* (jika berkaitan);
- v. *Goods and Services Tax* (GST)
- vi. Bagasi (tuntutan berdasarkan kilogram bagasi paling minimum yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan);
- vii. Insurans;
- viii. *Processing fee* - *fee* tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat pengembara pelancongan; dan
- ix. Tuntutan-tuntutan lain yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal.*

* Pegawai Pengawal boleh menentukan kos-kos lain yang boleh dituntut berdasarkan kepada kewajaran dan keperluan Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

3. **Sekiranya pegawai membeli tiket sendiri dan menggunakan syarikat penerbangan selain daripada MAS dan syarikat penerbangan negara, dengan mendapatkan kadar harga tiket yang lebih murah, dan ditawarkan kelas penerbangan yang lebih tinggi daripada kelayakan, adakah itu dibenarkan?**

Pada dasarnya pegawai hanya dibenarkan menggunakan perkhidmatan perjalanan udara mengikut kelayakan yang ditetapkan dan sebarang kemudahan naik taraf tidak dibenarkan. Namun begitu, sekiranya pegawai ingin membeli tiket sendiri dan menggunakan kelas penerbangan melebihi kelayakan, tuntutan kos perjalanan udara hanya dibenarkan mengikut kelayakan sahaja.

4. **Boleh pembelian tiket dibuat dengan menggunakan pesanan tempatan (LO)?**

Pada dasarnya, penggunaan LO untuk tujuan tempahan tiket kapal terbang adalah **tidak dibenarkan**. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu penggunaan LO dibenarkan seperti berikut:

- i. Tiada penerbangan menggunakan Syarikat Penerbangan Nasional/Negara ke destinasi yang dituju; atau
- ii. **MAS** tidak mempunyai *interline agreement* dengan syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan ke destinasi yang dikehendaki.

KEMUDAHAN PENDAHULUAN DIRI DAN PENDAHULUAN PELBAGAI

Penurunan Kuasa Kepada Ketua Setiausaha/ Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Pendahuluan Diri & Penyewaan Rumah Kediaman Serta Ruang Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri

1. **Siapakah yang diberi kuasa untuk meluluskan sewa rumah kediaman dan ruang pejabat di luar negeri?**

Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan yang disenaraikan sebagai Pegawai Pengawal dalam buku Anggaran Belanjawan Tahunan.

2. **Adakah pegawai yang memohon rumah kediaman menganggotai Jawatankuasa Perumahan Perwakilan?**

Pegawai yang permohonannya sedang dipertimbangkan tidak layak menganggotai Jawatankuasa Perumahan Perwakilan

Peraturan dan Prosedur Pengurusan Pendahuluan Diri Bagi Bayaran Elaun Sewa Hotel, Elaun Makan dan Elaun Pakaian Panas

1. Apakah tuntutan elaun yang layak dipohon untuk permohonan Pendahuluan Diri ?

Tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal, seseorang pegawai yang diarahkan untuk menjalankan tugas rasmi layak memohon Pendahuluan Diri bagi bayaran Elaun Sewa Hotel dan Elaun Makan.

2. Bilakah permohonan Pendahuluan Diri boleh dikemukakan?

Permohonan Pendahuluan Diri perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum seseorang pegawai itu memulakan perjalanan untuk urusan rasmi.

Tatacara dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Pelbagai

1. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan Pendahuluan Pelbagai?

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :

- i. 5 salinan Borang Kew.106
- ii. 5 salinan Lampiran A
- iii. 5 salinan lampiran berkaitan Maksud Pendahuluan (Butiran-butiran terperinci mengenai perbelanjaan)

PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia

1. Apakah takrifan “Pemandu kenderaan Kerajaan”?

“Pemandu kenderaan Kerajaan” tidak termasuk pemandu-pemandu yang bukan pegawai Kerajaan seperti yang dilantik sendiri oleh pegawai yang layak menerima kenderaan untuk kegunaan sendiri.

2. Apakah dokumen yang diperlukan untuk melaporkan kemalangan kenderaan Kerajaan?

Dokumen-dokumen di bawah perlu dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan:-

- (a) Borang Laporan Kemalangan Am 362A (Kenderaan Kementerian Pertahanan Borang Bat. D.42) yang telah diisi;
- (b) Laporan Jurutera yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendapat seperti diperlukan di perenggan 3.3 di atas;
- (c) Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan;
- (d) Laporan Polis;
- (e) Borang Laporan Kerosakan Am 362B; dan
- (f) Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan.

3. Bolehkah pemandu dan penumpang kenderaan membuat sebarang kenyataan mengenai kemalangan tersebut?

Pemandu dan penumpang kenderaan ditegah membuat atau menandatangani sebarang kenyataan kepada mana-mana pihak mengenai kemalangan itu kecuali kepada:

- (a) Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan;
- (b) Ketua Jabatannya; dan
- (c) Mahkamah.

4. Adakah Pemandu kenderaan Kerajaan bertanggungjawab untuk membaiki kenderaan yang telah terlibat dalam kemalangan?

Pemandu-pemandu Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan. Walau bagaimanapun, Pemandu-pemandu terlibat boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalanraya. Selain itu, tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang berkenaan.

MAJLIS RASMI KERAJAAN

1. Adakah Majlis Sambutan Perayaan seperti Sambutan Hari Raya Puasa, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Majlis Berbuka Puasa dianggap sebagai Majlis Rasmi Kerajaan dan boleh menggunakan Peraturan di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1/2013?

Majlis-majlis tersebut di atas bukan merupakan majlis rasmi kerajaan dan tidak boleh menggunakan peruntukan Kerajaan.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai?

Maksud apa-apa bentuk yang sesuai ialah dalam bentuk yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerima seperti Sijil Simpanan Premium, wang tunai, dinar, dirham dan lain-lain.

3. **Adakah pertandingan berdasarkan Aktiviti 5S boleh dikategorikan sebagai pertandingan Inovasi?**

Tidak. Pertandingan Inovasi hendaklah bercirikan inovasi dan bukannya berbentuk amalan yang merupakan tanggungjawab penjawat awam.

KESELAMATAN SOSIAL

1. **Apakah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Anggota Perkhidmatan Awam?**

Skim Ex-Gratia Bencana Kerja adalah skim yang memberi pampasan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang ditimpa bencana kerja semasa menjalankan tugas rasmi hingga menyebabkan hilang upaya kekal atau kematian termasuk yang teraniaya disebabkan perbuatan balas dendam akibat daripada tindakan semasa menjalankan tugas rasmi.

2. **Bolehkah pegawai yang sudah bersara mengemukakan permohonan bagi kemalangan yang berlaku semasa beliau masih dalam perkhidmatan? Bagaimanakah permohonan dibuat?**

Boleh, sekiranya bencana kerja berkenaan berlaku selepas tarikh kuatkuasa pekeliling dan dapat dibuktikan bahawa kemalangan tersebut sememangnya bencana pekerjaan. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui jabatan semasa tarikh bencana.

3. **Adakah waris perlu mengemukakan dokumen seperti sijil kematian untuk Bantuan Mengurus Jenazah?**

Bantuan mengurus jenazah perlu disegerakan bayarannya dengan pengesahan oleh Ketua Jabatan tanpa menunggu sijil kematian.

BADAN BERKANUN DAN AHLI SEKTOR SWASTA

Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan

1. **Siapakah ahli sektor swasta yang layak di bayar elaun dan kemudahan?**

Ahli sektor swasta adalah terdiri daripada orang perseorangan/ syarikat/ pertubuhan/ yang bukan milik Kerajaan sepenuhnya. Badan berkanun adalah tidak termasuk dalam maksud ini. Bayaran elaun dan kemudahan juga mengambilkira jawatankuasa yang ditubuhkan tersebut hendaklah jawatankuasa yang ditubuhkan berdasarkan kepada sesuatu akta/keputusan Jemaah Menteri/keputusan Menteri.

2. **Sekiranya jawatankuasa yang ditubuhkan merupakan keputusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, adakah ahli sektor swasta yang dilantik layak menerima elaun dan kemudahan sepertimana dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bab WP 7.3 ini?**

Ahli sektor swasta yang dilantik tidak layak menerima elaun dan kemudahan tersebut.

3. **Apakah jenis kemudahan yang diterima oleh ahli sektor swasta yang menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan?**

Kemudahan yang diterima adalah meliputi makan minum, penginapan, tiket penerbangan dan tuntutan perjalanan.

4. **Sekiranya Pengerusi Bukan Eksekutif yang dilantik adalah bukan dari kalangan Pegawai Kerajaan, apakah kelayakan elaun dan kemudahan yang boleh dinikmati?**

Kelayakan dari segi elaun/kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif yang dilantik bukan dari kalangan Pegawai Kerajaan adalah seperti mana yang ditetapkan di bawah WP1.4/2013.

5. **Apakah kelayakan elaun/kemudahan bagi anggota Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan yang diasingkan saraan sepenuhnya?**

Penentuan dari segi kadar elaun/kemudahan yang dinikmati oleh Badan Berkanun yang diasingkan Saraan adalah ditentukan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun tersebut berdasarkan kemampuan kewangannya.

AKTIVITI SOSIAL

1. Adakah *Matching Grant* RM20 yang diberikan oleh Kerajaan dibolehkan untuk beberapa kelab atau hanya untuk satu kelab sahaja?

Matching Grant hanya dibayar untuk satu kelab sahaja. Setiap pegawai hanya layak menerima *matching grant* RM20 sekali setahun untuk satu kelab yang disertainya sahaja.

2. Bolehkah mana-mana pegawai dalam kumpulan pengurusan dan professional menikmati kemudahan tuntutan skim pembiayaan keahlian kelab rekreasi dan sukan?

Kemudahan ini hanya diperuntukkan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sector swasta dan diperakukan oleh pegawai pengawalanya sahaja.

KEMUDAHAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Peraturan-Peraturan dan Syarat-syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer Bagi Anggota Perkhidmatan Awam

1. Berapakah amaun pembiayaan bagi pinjaman komputer?

Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00.

2. Peminjam mempunyai baki pinjaman komputer terdahulu, adakah peminjam layak untuk meminjam pinjaman komputer kali kedua?

Permohonan kali kedua dan seterusnya hanya boleh diluluskan selepas 3 tahun daripada tarikh kelulusan pinjaman komputer dan amaun pembiayaan terdahulu telah diselesaikan sepenuhnya oleh pemohon.

3. Berapakah lamakah tempoh pembayaran balik pembiayaan komputer?

Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah tidak melebihi 48 bulan.

Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis

- 1. Siapakah yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pinjaman kenderaan?**

Kuasa untuk meluluskan pinjaman kenderaan kepada pegawai-pegawai yang memenuhi syarat adalah diberikan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian. Ketua Setiausaha Kementerian boleh mewakilkan kuasa secara bertulis kepada seorang Pegawai Kanan.

- 2. Adakah pegawai kontrak layak membuat pinjaman kenderaan?**

Pinjaman kepada pegawai yang masih dalam tempoh percubaan atau berkhidmat secara kontrak hendaklah dijamin oleh 2 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.

Skim Pinjaman Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajl Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis

- 1. Siapakah yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pinjaman kenderaan?**

Kuasa untuk meluluskan pinjaman kenderaan kepada pegawai-pegawai yang memenuhi syarat adalah diberikan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian. Ketua Setiausaha Kementerian boleh mewakilkan kuasa secara bertulis kepada seorang Pegawai Kanan.

- 2. Adakah pegawai kontrak layak membuat pinjaman kenderaan?**

Pinjaman kepada pegawai yang masih dalam tempoh percubaan atau berkhidmat secara kontrak hendaklah dijamin oleh 2 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional

PENGURUSAN WANG AWAM

Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan

- 1. Adakah Kementerian/ Jabatan perlu merujuk kepada Perbendaharaan bagi menetapkan/mengenakan bayaran/caj kepada awam?**

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1991 di perenggan 6.2 yang telah dipinda oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 9 Tahun 2007 (Pindaan Kepada Perenggan 6.2 PP Bilangan 5 Tahun 1991), Perbendaharaan telah memutuskan supaya semua Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk meluluskan kadar bayaran yang disyorkan oleh jabatan masing-masing tanpa perlu berunding dengan Perbendaharaan.

2. Bolehkah hasil kutipan/caj perkhidmatan yang dikenakan dimasukkan ke dalam akaun Kelab/ kelab sukan Jabatan?

Hasil daripada bayaran perkhidmatan dan borang hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dengan menggunakan kod hasil yang telah ditetapkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1986.

Pengurusan Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59

1. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon pendahuluan diri di bawah AP 59?

Senarai dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk memproses permohonan pendahuluan diri di bawah AP 59 adalah seperti berikut:

- a) Surat permohonan melalui Pegawai Pengawal;
- b) 5 salinan Borang Kew 106 yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan;
- c) Huraian ringkas sebab-sebab pembayaran tidak boleh dibuat;
- d) Salinan bil/invois/nota penghantaran (delivery order) yang diakui terima barang/perkhidmatan /bekalan yang dipesan ; dan
- e) Pengesahan bahawa barang dan perkhidmatan telah diterima atau dilaksanakan dengan sempurna.

2. Siapakah pegawai yang boleh dinamakan dalam Borang Kew 106?

Pegawai yang dikenalpasti bertanggungjawab / terlibat dalam perolehan berkenaan. Jika sekiranya Kementerian/Jabatan tidak dapat mengenalpasti pegawai yang bertanggungjawab maka pendahuluan diri hendaklah dibuat atas nama jawatan Pegawai Pengawal dan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal. Pegawai yang dinamakan di dalam Borang Kew 106 hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan.

3. Siapakah pihak yang berkuasa melantik ahli jawatankuasa siasatan di bawah AP 59?

Pegawai Pengawal /Ketua Jabatan

Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam

1. Apakah definisi “wang awam”?

“Wang awam” mempunyai pengertian yang diberi kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], dan termasuklah wang tunai dan kesetaraan tunai serta semua instrument kewangan Kerajaan. Berdasarkan kepada seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], wang awam bermaksud semua hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang dan semua bon, debentur dan lain-lain sekuriti apa sahaja yang dikumpul atau diterima oleh atau kerana Persekutuan atau oleh atau kerana Negeri tetapi tidak termasuk Zakat, Fitrah, Baitul-Mal atau hasil-hasil Muslim yang sama.

2. Tujuan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 2008 – Pengurusan Kehilangan Dan Hapuskira Wang Awam dikeluarkan?

Kehilangan wang awam adalah diuruskan berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan 314 hingga 328 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan awam, peraturan yang dikeluarkan juga perlulah jelas dan bersesuaian dengan perkembangan semasa. Sehubungan itu, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 2008 dikeluarkan bagi menambah baik Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990 dan juga sebagai penjelasan kepada Arahan Perbendaharaan supaya pengurusan kehilangan dan hapuskira wang awam dikendalikan dengan lebih teratur dan sempurna.

3. Apakah jenis kehilangan wang awam yang berkaitan dengan Pekeliling ini?

Kehilangan wang awam yang disebabkan oleh kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai; kebakaran, kemalangan, bencana alam, kekurangan, bayaran terlebih, pembayaran tanpa kuasa, hutang yang tidak boleh dapat balik, hasil yang tidak boleh didapatkan, perbelanjaan yang sia-sia.

4. Bolehkah permohonan hapus kira kehilangan wang awam dibuat berdasarkan kepada laporan/teguran audit sahaja?

Laporan kehilangan dan hapus kira wang awam hanya boleh dibuat melalui kaedah/prosedur yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 314 hingga 328 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 2008. Ini adalah bagi memastikan pengurusan kehilangan dan hapus kira wang awam dikendalikan dengan lebih teratur dan sempurna.

5. Apakah dokumen yang diperlukan oleh Perbendaharaan untuk permohonan hapus kira kehilangan wang awam?

Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan hapus kira dan kehilangan wang awam adalah seperti berikut:

- i. Laporan Awal (Lampiran J);
- ii. Laporan Akhir (Lampiran K);
- iii. Laporan Polis;
- iv. Surat pelantikan Jawatankuasa Penyiasat;
- v. Salinan rekod kewangan, laporan hasil penyiasatan polis, gambar lokasi kejadian (jika perlu), dokumen-dokumen berkaitan dan keterangan bertulis daripada pegawai yang terlibat;
- vi. Syor dan ulasan Pegawai Pengawal.

6. Bilakah permohonan hapus kira kehilangan disebabkan oleh hutang dan tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan dikemukakan kepada Perbendaharaan?

Permohonan hapus kira kehilangan disebabkan oleh hutang dan tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan boleh dikemukakan kepada Perbendaharaan:

- i. Setelah segala usaha untuk mendapatkan balik amaun hutang atau hasil yang tertunggak telah dibuat melalui proses pentadbiran biasa atau proses undang-undang telah dibuat dan tiada kemungkinan amaun hutang atau hasil tersebut boleh didapatkan; atau
- ii. Apabila individu telah disahkan meninggal dunia, syarikat telah digulung dan Jabatan Insolvensi Malaysia mengesahkan tiada dividen diperoleh.

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang Ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957

1. Apakah Akaun Amanah?

Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan dan/atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan.

2. Adakah Akaun Amanah tertakluk kepada semua peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa?

Pengendalian Akaun Amanah tertakluk kepada Arahan Amanah, Arahan Perbendaharaan, peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, sekiranya penyumbang telah

menetapkan terma-terma dan syarat-syarat sumbangan secara bertulis, terma dan syarat itu hendaklah diikuti.

3. Bolehkah Pegawai Pengawal Akaun Amanah mengarahkan pegawai lain untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah bagi pihak dirinya?

Pegawai Pengawal Akaun Amanah boleh mengarahkan secara bertulis kepada pegawai perakaunan di bawah kawalan pentadbirannya (atas nama jawatan) untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Walau bagaimanapun, beliau masih bertanggungjawab untuk melaksanakan kawalan terhadap perjalanan Akaun Amanah itu dengan sempurna dan pada bila-bila masa ia masih boleh melaksanakan tugas sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah.

4. Apakah prosedur atau kaedah penyelenggaraan rekod-rekod kewangan Akaun Amanah?

Penyelenggaraan rekod-rekod kewangan bagi Akaun Amanah hendaklah dibuat dengan lengkap dan teratur selaras dengan perenggan 4.2 Pekeliling ini.

5. Adakah baki bagi Akaun Amanah yang telah ditutup boleh dipindahkan ke Akaun Amanah yang lain?

Semua baki Akaun Amanah yang telah ditutup kerana telah mencapai maksud penubuhannya, tidak dikehendaki lagi, mencukupi tempoh hayat yang ditetapkan dalam Arahan Akaun Amanah ataupun tidak lagi aktif untuk tempoh setahun hendaklah dipindahkan ke Akaun Hasil atau dikembalikan kepada penyumbang mengikut peruntukan Arahan Akaun Amanah berkenaan.

Mengakaunkan Terimaan Hasil Sewaan Tanah dan Bangunan yang Diuruskan oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna

1. Bolehkah sebahagian daripada terimaan hasil sewaan tanah dan bangunan di masukkan ke dalam akaun persatuan/ kelab sukan Kementerian/Jabatan?

Mengikut Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan dan Arahan Perbendaharaan (AP) 6, segala terimaan wang daripada apa-apa punca hendaklah diakaunkan sebagai hasil kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, termasuklah hasil sewaan bangunan dan tanah kerajaan.

Penyelenggaraan dan Pelaporan Akaun Belum Terima

1. **Apakah perbezaan di antara ABT dalam asas tunai dengan ABT di bawah perakaunan akruan?**

Perbezaan adalah dari segi pengiktirafan dan pengukuran.

ABT dalam asas tunai ditakrifkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi belum diterima berasaskan kepada bil atau melalui dasar dan keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa.

ABT dalam asas akruan adalah amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau. Contohnya, baki pinjaman belum terima.

2. **Apakah kepentingan pelaporan Akaun Belum Terima?**

